

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza dan tersendiri. Ini kerana setiap pelajar mempunyai personaliti yang berlainan. Perbezaan personaliti ini menyebabkan wujudnya pelbagai gaya pembelajaran diantara seorang pelajar dengan pelajar yang lain. Gaya didefinisikan sebagai stail atau cara (Kamus Linguistik, 1997). Oleh itu, gaya pembelajaran merujuk kepada stail atau cara pembelajaran seseorang pelajar. Gaya pembelajaran adalah satu cara yang digunakan oleh seseorang pelajar untuk memahami sesuatu subjek dalam proses pembelajaran. Menurut Felder dan Henriques (1995), gaya pembelajaran adalah cara seseorang individu menerima, mengekalkan dan menggunakan maklumat yang diperolehi. Setiap individu mempunyai pelbagai cara untuk belajar. Ada yang suka belajar dengan cara melihat, mendengar, memberi tindakbalas, memberi sebab yang logik, mengingat serta belajar dengan menggunakan gambaran.

Marriott (2002) pula mendefinisikan gaya pembelajaran sebagai cara seseorang untuk belajar. Beliau berkata setiap pelajar mempunyai cara belajar yang berbeza dan gaya pembelajaran yang ada boleh berubah mengikut pengalaman yang dialami. Gaya pembelajaran (*learning styles*) juga boleh dirujuk sebagai cara interaksi individu dengan sistem maklumat atau rangsangan kemudian memproses dan menganalisa maklumat tersebut di dalam otak untuk dijadikan pengetahuan (Zubaidah Begam Binti Mohamed Zakaria, 2007).

Manakala Orhun (2007) pula mendefinisikan gaya pembelajaran sebagai cara seseorang individu untuk mengumpulkan maklumat dan seterusnya memproses maklumat yang diperolehi. Selain itu, gaya pembelajaran juga menurut Orhun (2007) adalah pembentukan idea, penyelesaian masalah, sikap serta minat. Keefe (1987) pula berpendapat bahawa gaya pembelajaran melibatkan tiga aspek iaitu gaya kognitif, gaya afektif dan gaya psikologikal. Secara keseluruhannya, gaya kognitif melibatkan pemprosesan maklumat, gaya afektif melibatkan tindak balas yang berasaskan motivasi manakala gaya psikologikal pula melibatkan unsur-unsur kesihatan, seks dan alam sekitar.

Walaupun setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri namun terdapat segelintir pelajar yang tidak tahu menggunakan gaya pembelajaran yang ada. Malahan ada juga pelajar yang tidak tahu tentang gaya pembelajaran dan juga kepentingannya dalam pembelajaran. Ini kerana pengetahuan pelajar tentang konsep gaya pembelajaran dan kesan gaya pembelajaran terhadap pencapaian akademik adalah sangat kurang dan menyebabkan pencapaian akademik yang diperolehi kurang memuaskan. Sebagai seorang pelajar, gaya pembelajaran mesti diketahui dan dikenalpasti. Ini kerana gaya pembelajaran merupakan salah satu faktor penting dalam pencapaian akademik (Graf, Kinshuk dan Liu, 2009) dan penggunaan gaya pembelajaran yang berkesan boleh membantu memperolehi keputusan yang cemerlang (Cassidy dan Eachus, 2000). Apabila pelajar tahu menggunakan gaya pembelajaran yang betul seperti cara untuk mengambil nota yang berkesan dan masa belajar yang betul dalam mempelajari sesuatu mata pelajaran maka, pelajar itu pasti dapat memperolehi keputusan yang cemerlang dalam akademiknya.

Jika Keefe (1987) menyatakan bahawa gaya pembelajaran merangkumi aspek gaya kognitif, gaya afektif dan gaya psikologikal, Weinstein (1987) dalam Azizi Yahya dan Shareeza Abdul Karim (2003), pula menyatakan bahawa gaya pembelajaran merangkumi aspek pemikiran luaran dan dalaman serta tingkah laku yang membolehkan pembelajaran yang berkesan. Dengan kata yang lain, gaya pembelajaran dapat mencungkil cara pemikiran yang berkesan supaya mendapat pencapaian akademik yang baik.

Menurut Dunn dan Dunn (1979) dalam Zubaidah Begam Binti Mohamed Zakaria (2007), apabila sifat-sifat gaya pembelajaran pelajar dipadankan dengan kaedah, sumber dan program, maka pencapaian akademik dan sikap pelajar akan meningkat. Sebaliknya, pencapaian akademik dan sikap akan merosot jika padanan antara pengajaran dan pembelajaran tidak sesuai. Ini kerana gaya pengajaran guru dan gaya pembelajaran pelajar adalah tidak sama. Ada guru yang memberikan kuliah secara lisan tetapi pelajar lebih kepada gaya pembelajaran visual iaitu melibatkan gambar rajah, lukisan, filem dan sebagainya. Oleh itu, guru dan pelajar perlu memainkan peranan bersama dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk mendapat impak yang positif. Guru perlu mengkaji gaya pengajaran yang sesuai untuk pelajar dan pelajar pula harus mengetahui dan mengenal pasti gaya pembelajaran yang sesuai untuk diaplikasikan dalam proses pembelajaran mereka. Dengan mengetahui gaya pembelajaran yang sebenar, ia dapat membantu para pelajar menyusun strategi yang berkesan dalam proses pembelajaran mereka dan seterusnya memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang.

## **1.1 Latar Belakang Kajian**

### **1.1.1 Latar Belakang Kajian Di Malaysia**

Pembelajaran bahasa asing di Malaysia bukanlah satu fenomena yang baru. Semenjak tahun 1960-an lagi ianya telah diberi perhatian serius oleh kerajaan Malaysia. Di setiap Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) mahupun di peringkat sekolah, bahasa asing telahpun ditawarkan dan diajar sama ada sebagai subjek wajib ataupun subjek elektif. Para pelajar digalakkan untuk mempelajari bahasa asing untuk memperbanyakkan bahasa mereka supaya mudah untuk berkomunikasi dengan orang lain, mudah untuk mendapatkan pekerjaan dan mudah untuk mendapatkan maklumat yang ingin diperolehi. Zulkifli Hamid (1994) dalam Yahya Othman (2005), menyatakan bahawa individu yang ingin mempelajari bahasa asing adalah disebabkan oleh keinginan untuk mengintegrasikan diri ke dalam sesuatu kelompok penutur bahasa dan sebagai satu keperluan yang bersifat instrumental.

Sebagai sebuah kerajaan yang berwawasan tinggi, kerajaan Malaysia mewujudkan dasar dan objektif tentang pentingnya pembelajaran bahasa asing di negara Malaysia. Antara dasar dan objektif kerajaan melalui pembelajaran bahasa asing ini adalah untuk (Roswati Abdul Rashid, Radhiah Ismail dan Noor Haslina Mohamad Akhir, 2007):

1. Menambahkan satu lagi kemahiran berbahasa selain berkebolehan dalam bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu dan bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris.
2. Menambahkan pengetahuan tentang budaya bahasa asing yang dipelajari.
3. Berpeluang mempelajari teknologi yang digunakan di negara-negara berkenaan.
4. Berpeluang bekerja dengan syarikat-syarikat asing di Malaysia.

5. Menggalakkan pelajar melanjutkan pelajaran di negara-negara berkenaan.
6. Menyediakan Malaysia ke arah sebuah negara multilingual.

Strategi dan langkah yang telah dibuat oleh kerajaan Malaysia dengan memperkenalkan bahasa asing di negara ini secara tidak langsung menggalakkan pelaburan dari negara luar masuk ke negara Malaysia seperti negara Jerman, Jepun, Korea, dan sebagainya. Pelaburan dan kerjasama dari negara luar boleh membantu kerajaan Malaysia merealisasikan impian untuk menjadi sebuah negara yang terkenal, membangun dan kukuh dari segala aspek.

Selain dari aspek ekonomi, aspek pendidikan juga semakin berkembang dimana banyak institusi menawarkan pengajian untuk mempelajari bahasa asing. Bahasa-bahasa asing seperti bahasa Jepun, bahasa Jerman, bahasa Perancis dan bahasa-bahasa asing yang lain telahpun mendapat tempat dalam pendidikan peringkat pengajian tinggi. Antaranya di Universiti Putra Malaysia (UPM) , Universiti Malaya (UM) , Universiti Teknologi Mara (UITM), Institut Jerman-Malaysia (GMI) dan lain-lain lagi.

### **1.1.2 Latar Belakang Kajian Di Institut Jerman-Malaysia.**

Institut Jerman-Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1991 hasil usahasama diantara kerajaan Malaysia dan juga kerajaan Jerman. GMI ditubuhkan untuk melahirkan generasi belia yang berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang teknikal dan kemahiran. Selain itu, ianya juga ditubuhkan untuk memenuhi sektor industri di Malaysia yang semakin berkembang pesat. Institut Jerman-Malaysia atau GMI menawarkan program diploma selama tiga tahun dan program Persediaan A-Level (GAPP) selama 20 bulan.

Mata pelajaran bahasa Jerman adalah salah satu subjek yang diajar di Institut Jerman-Malaysia. Bahasa Jerman mula diperkenalkan di GMI pada tahun 1999. Pada peringkat awal, mata pelajaran bahasa Jerman adalah hanya satu kursus elektif dimana pelajar mempelajari bahasa Jerman tanpa mendapat markah untuk CGPA. Selain itu, bahasa Jerman juga tidak wajib untuk dipelajari oleh pelajar-pelajar Diploma. Memandangkan bahasa Jerman merupakan salah satu bahasa yang semakin penting untuk dipelajari, pihak pengurusan akademik telah mewajibkan pelajar Diploma untuk mempelajari bahasa Jerman.

Di Institut Jerman-Malaysia, pelajar wajib mengikuti kursus bahasa Jerman peringkat pertama (German Language 1 (GEL 2312)) dan bahasa Jerman peringkat kedua (German Language 2 (GEL 2322)). Setiap pelajar perlu lulus dalam bahasa Jerman peringkat pertama untuk membolehkan mereka mengikuti kursus bahasa Jerman peringkat kedua. Para pelajar mempelajari bahasa Jerman dua jam seminggu untuk 19 minggu selama satu semester.

## **1.2 Penyataan Masalah**

Pelajar bukan sahaja golongan yang bakal menjadi pemimpin negara pada masa akan datang tetapi juga menjadi harapan untuk meneruskan kejayaan dan kecemerlangan negara. Kejayaan dan kecemerlangan dapat dicapai oleh seseorang pelajar sekiranya pelajar itu mengamalkan gaya pembelajaran yang sesuai dan berkesan. Menurut Meor Ibrahim Kamaruddin dan Assaadah Mohamad (2011) gaya pembelajaran adalah faktor utama yang menentukan kejayaan dan kegagalan seseorang pelajar.

Di GMI, pengkaji mendapati bahawa pelajar Diploma yang mempelajari bahasa Jerman tahap 1 berhadapan dengan masalah untuk mendapatkan markah yang baik dalam mata pelajaran bahasa Jerman. Ini terjadi kerana pelajar tidak tahu menggunakan gaya pembelajaran yang ada. Selain itu, mereka juga tidak tahu menyesuaikan gaya pembelajaran dengan gaya pengajaran guru semasa belajar di dalam kelas. Hasil kajian Wallace dan Oxford (1992) mengenai pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua mendapati bahawa ketidakpadanan gaya pembelajaran pelajar dan gaya pengajaran guru menyebabkan pencapaian akademik yang kurang memuaskan. Ketidakpadanan gaya pengajaran guru dan gaya pembelajaran pelajar akan menyebabkan pelajar menjadi bosan dan tidak memberikan perhatian yang sepenuhnya semasa belajar di dalam kelas (Felder dan Silvermann, 1988).

Maka dengan itu, satu kajian tentang gaya pembelajaran perlu dijalankan di GMI. Kajian ini dilakukan untuk menyedarkan pelajar bahawa memahami dan mengetahui gaya pembelajaran yang ada dalam diri setiap pelajar adalah penting kerana ia boleh membantu dalam pencapaian akademik yang cemerlang. Kajian seumpama ini juga boleh memberi maklumat kepada setiap pelajar dan memberi informasi kepada guru mengenai gaya pembelajaran yang paling banyak diamalkan oleh pelajar untuk memperbaiki gaya pengajaran mereka. Selain itu, kajian ini juga perlu dijalankan memandangkan kajian mengenai gaya pembelajaran dalam bahasa asing terutamanya bahasa Jerman masih kurang dikaji di negara kita.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar-pelajar Diploma di Institut Jerman-Malaysia (GMI) terhadap mata pelajaran bahasa

Jerman dan menghubungkaitkan gaya pembelajaran tersebut dengan pencapaian pelajar.

Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

- (i) Untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar Diploma dalam mempelajari bahasa Jerman di Institut Jerman-Malaysia sama ada *active* dan *reflective learners*, *sensing* dan *intuitive learners*, *visual* dan *verbal learners* serta *sequential* dan *global learners*.
- (ii) Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan gaya pembelajaran *active* dan *reflective learners*, *sensing* dan *intuitive learners*, *visual* dan *verbal learners* serta *sequential* dan *global learners* antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan tahun pertama dan tahun kedua dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1.
- (iii) Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan gaya pembelajaran *active* dan *reflective learners*, *sensing* dan *intuitive learners*, *visual* dan *verbal learners* serta *sequential* dan *global learners* mengikut pengkhususan pengajian CNC, NWS, MECHA, DIE, PDM, EIT, PIC dan MOULD.
- (iv) Untuk mengenal pasti perhubungan diantara gaya pembelajaran *active* dan *reflective learners*, *sensing* dan *intuitive learners*, *visual* dan *verbal learners* serta *sequential* dan *global learners* dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar-pelajar Diploma tahun pertama dan kedua sesi Januari-Jun 2010 di GMI.



## 1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan kajian yang akan dibuat, pengkaji ingin mencari jawapan kepada beberapa persoalan iaitu :

- (i) Apakah gaya pembelajaran yang diamalkan oleh golongan pelajar yang terkandung dalam *active* dan *reflective learners*; *sensing* dan *intuitive learners*; *visual* dan *verbal learners*; serta *sequential* dan *global learners*?
- (ii) Apakah bentuk gaya pembelajaran yang diamalkan oleh golongan pelajar yang terkandung dalam *active* dan *reflective learners*; *sensing* dan *intuitive learners*; *visual* dan *verbal learners*; serta *sequential* dan *global learners* mengikut jantina?
- (iii) Apakah bentuk gaya pembelajaran yang diamalkan oleh golongan pelajar yang terkandung dalam *active* dan *reflective learners*; *sensing* dan *intuitive learners*; *visual* dan *verbal learners*; serta *sequential* dan *global learners* mengikut pengkhususan?
- (iv) Sejauh manakah terdapat korelasi diantara gaya pembelajaran *active* dan *reflective learners*, *sensing* dan *intuitive learners*, *visual* dan *verbal learners* serta *sequential* dan *global learners* terhadap pencapaian dalam bahasa Jerman tahap 1?

## 1.5 Kepentingan Kajian

Penyelidik berharap agar hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua golongan termasuk guru dan juga pelajar. Diharapkan juga agar kajian ini dapat menyumbang kepada:

1. Membantu para pelajar memilih dan menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan tugas yang diberikan agar dapat mencapai kejayaan yang cemerlang. Bimbingan dari golongan pendidik amat diperlukan agar setiap pelajar mampu mengembangkan potensi yang ada dalam diri masing-masing secara maksimum dan seterusnya memperoleh kejayaan dalam bidang akademik.
2. Mengenal pasti masalah pembelajaran yang dihadapi oleh para pelajar di dalam memberi tumpuan semasa berada di dalam kelas. Ini perlu untuk mendisiplinkan diri pelajar dalam menghadapi cabaran dalam arus pendidikan pada masa akan datang.
3. Memberi panduan kepada pendidik untuk memantapkan lagi pengajaran mereka bersesuaian dengan gaya pembelajaran para pelajar. Gaya pengajaran guru yang sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar akan mendatangkan keseronokan dan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.
4. Membantu institut mengesan masalah akademik pelajar, memperbaiki persekitaran dan mutu pengajaran dan pembelajaran.

## 1.6 Batasan Kajian

Dalam kajian ini terdapat beberapa batasan ataupun kelemahan yang perlu dinyatakan.

Batasan kajian tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Kajian ini terbatas kepada semua item yang terkandung dalam borang soal selidik *Felder & Solomon's Index of Learning Style (ILS)* (1991) yang diedarkan dengan tujuan untuk mengkaji dan menganalisis persoalan mengenai gaya pembelajaran pelajar-pelajar Diploma tahun pertama dan kedua di Institut Jerman-Malaysia, Kajang dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1. Soal selidik ILS digunakan kerana kebolehpercayaan dan kesahihannya.
2. Borang soal selidik yang dibuat oleh pengkaji mengenai demografi pelajar seperti jantina, umur, pengkhususan pengajian, tahun pengajian dan gred bahasa Jerman tahap 1 juga digunakan sebagai instrumen dalam pengumpulan data bagi kajian ini.
3. Kajian ini hanya melibatkan soal selidik ILS dan tidak melibatkan temuduga pelajar mahupun pensyarah.
4. Kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar Diploma tahun pertama dan kedua di Institut Jerman-Malaysia, Kajang bagi sesi Januari-Jun 2010. Seramai 190 orang pelajar tahun pertama dan tahun kedua dari semua pengkhususan yang ditawarkan dipilih sebagai sampel kajian.
5. Selain itu, kajian ini juga hanya mengkaji gaya pembelajaran pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1 sahaja.

6. Markah pencapaian bahasa Jerman tahap 1 pelajar berdasarkan peperiksaan akhir semester Januari-Jun 2010.
7. Pengkaji hanya ingin mengkaji gaya pembelajaran pelajar yang menjadi keutamaan dalam mempelajari bahasa Jerman, gaya pembelajaran berdasarkan jantina dan pengkhususan serta hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik dalam mata pelajaran bahasa Jerman.

## **1.7 Konsep-Konsep Dalam Kajian**

Beberapa konsep penting telah digunakan di dalam kajian ini. Konsep-konsep yang berkaitan ialah konsep gaya pembelajaran, pelajar, bahasa dan pencapaian akademik.

### **1.7.1 Gaya Pembelajaran**

Menurut Kamus Dewan (2005), gaya bermaksud sikap, kesukaan dan cara untuk melakukan sesuatu. Manakala pembelajaran pula didefinisikan sebagai berusaha dan berlatih. Cavas (2010) menyatakan bahawa gaya pembelajaran selalunya tidak dikaitkan dengan apa yang telah dipelajari oleh seseorang tetapi lebih kepada bagaimana seseorang individu belajar.

Jadi dalam konteks kajian ini, gaya pembelajaran merujuk kepada cara yang dilakukan dan digunakan oleh pelajar untuk mencapai kejayaan dalam mata pelajaran bahasa Jerman. Gaya pembelajaran model Felder dan Silverman (1988) akan digunakan dalam kajian ini yang mengklasifikasikan gaya pembelajaran kepada 4 dimensi dan 4 sub-skala iaitu Pemprosesan (*Active/Reflective*), Persepsi (*Sensing/Intuitive*), Input (*Visual/Verbal*) dan Pemahaman (*Sequential/Global*).

### **1.7.2 Pelajar**

Di dalam Kamus Lengkap (1997), pelajar merujuk kepada murid, penuntut atau mahasiswa. Oleh itu, dalam kajian ini, pelajar adalah merujuk pelajar Diploma tahun pertama dan kedua, GMI, Kajang bagi sesi 2010 yang dipilih dari semua pengkhususan pengajian yang ditawarkan.

### **1.7.3 Bahasa**

Bahasa adalah alat perhubungan yang penting dalam kehidupan seharian manusia. Dengan adanya bahasa seseorang itu dapat berkomunikasi dengan orang lain untuk menyampaikan kehendak, perasaan, pendapat, pengalaman, buah fikiran, pengetahuan, mendapatkan informasi, menambah ilmu pengetahuan, memahami orang lain dan sebagainya (Raminah Sabran, 1993). Menurut Kamus Linguistik (1997), bahasa adalah keupayaan fitrah manusia yang berupa satu sistem lambang bunyi bersuara arbitrari yang dipersetujui bersama oleh satu kelompok sosial dan digunakan sebagai alat untuk berinteraksi.

#### **a) Bahasa Pertama**

Menurut Kamus Linguistik (1997), bahasa ibunda atau bahasa pertama adalah bahasa yang biasanya diperolehi semasa kanak-kanak melalui pergaulan dengan anggota komuniti bahasanya sendiri. Bahasa pertama digunakan oleh penutur asal bahasa itu sendiri. Contohnya, orang Melayu merupakan penutur asal bahasa Melayu dan menggunakan bahasa itu sebagai bahasa pertama.

b) Bahasa Kedua

Menurut Kamus Linguistik (1997), bahasa kedua ialah bahasa selain bahasa ibunda yang dipelajari secara formal ataupun tidak formal. Bahasa kedua juga dianggap sebagai alat yang dapat dipraktikkan dan digunakan untuk mencapai pelbagai tujuan.

c) Bahasa Asing

Kamus linguistik (1997) menyatakan bahawa bahasa asing merupakan bahasa selain daripada bahasa ibunda yang lazimnya dipelajari secara formal dan bukannya melalui pergaulan sosial. Bahasa Jerman sebagai bahasa asing dalam kajian ini bermaksud bahasa yang dipelajari selain daripada bahasa pertama dan kedua oleh pelajar-pelajar di GMI. Bahasa pertama pelajar adalah bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Melayu manakala bahasa kedua adalah bahasa Inggeris. Bahasa Jerman dianggap sangat asing bagi pelajar di GMI kerana mereka baru sahaja didedahkan dengan bahasa tersebut setelah menuntut di GMI.

#### **1.7.4 Pencapaian Akademik**

Pencapaian bermaksud apa yang telah dicapai atau prestasi (Kamus Dewan, 2005). Akademik pula berkaitan dengan akademi (pusat pengajian tinggi) dan mengandungi ilmu pengetahuan yang tinggi. Dengan kata yang lain, pencapaian akademik lebih kepada gred yang diperolehi oleh seseorang pelajar dalam peperiksaan yang diduduki. Sekiranya seseorang pelajar itu mencapai gred yang baik bermakna mereka mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan sebagainya.

## **1.8 Definisi Operasional**

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Ianya memerlukan penjelasan yang lebih lanjut bagi memberikan kefahaman yang sama kepada para pembaca. Berikut adalah penjelasan bagi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini:

### **1.8.1 *Active Learners***

Felder & Silverman (1988) mendefinisikan *Active learners* sebagai pelajar yang suka mencuba sesuatu melalui eksperimen dan tidak suka belajar secara kuliah. Selain itu, pelajar jenis ini juga lebih suka belajar dan bekerja secara berkumpulan daripada bekerja secara bersendirian. Mereka juga senang mengingati sesuatu maklumat yang diperolehi. Apabila menerima maklumat, mereka akan berkongsi dengan membincangkan dan menerangkan kepada kawan-kawan.

### **1.8.2 *Reflective Learners***

*Reflective learners* merujuk kepada pelajar yang suka belajar melalui berfikir. Pelajar jenis ini suka belajar dan bekerja secara bersendirian. Apabila memperolehi maklumat mereka suka berfikir dahulu sebelum menerangkan kepada kawan-kawan. Pelajar jenis ini juga suka kepada pembelajaran kuliah yang membolehkan mereka berfikir tentang maklumat yang diperolehi. *Reflective learners* suka belajar secara teori (Felder & Silverman, 1988).

### **1.8.3 Sensing Learners**

Menurut Felder & Silverman (1988) *Sensing learners* adalah pelajar yang lebih cenderung kepada pembelajaran yang melibatkan fakta sahaja. Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran ini berminat dengan maklumat-maklumat, mempunyai kelebihan mengingati fakta-fakta dan melakukan aktiviti secara *hands-on*. Pelajar-pelajar jenis ini juga boleh menyelesaikan masalah secara teratur dengan contoh yang berkaitan, lebih teliti dalam menjalankan kerja-kerja amali, gemar menghafal dan tidak gemar apabila pembelajaran tidak dikaitkan dengan kehidupan di luar kelas.

### **1.8.4 Intuitive Learners**

*Intuitive learners* pula merujuk kepada pelajar yang bersikap konseptual, inovatif dan terorientasi terhadap teori dan maksud. Mereka bersifat inovatif dan pentingkan kreativiti dalam sesuatu kerja. Pelajar ini cenderung untuk mencari sebab, kemungkinan dan perkaitan. Mereka tidak suka apabila guru mengulangi pembelajaran yang telah dipelajari sebelumnya. Pelajar jenis ini juga gemar kepada sesuatu yang baru, cepat bekerja dengan keadaan yang tidak tersusun dan tidak gemar menghafal sesuatu fakta. Mereka lebih baik dalam memahami sesuatu konsep baru dan sentiasa selesa dengan idea-idea abstrak dan formula matematik (Felder & Silverman, 1988).

### **1.8.5 Visual Learners**

Felder & Silverman (1988) mendefinisikan pelajar *Visual* kepada pelajar yang dapat mengingat dengan baik apa yang telah dilihat seperti gambar, lukisan, gambarajah bersiri, filem dan demonstrasi. Mereka lebih menggemari guru yang mengajar dengan menggunakan bahan bantu mengajar serta menggunakan banyak persembahan grafik



dalam proses pengajaran. Mereka senang mengingat sesuatu perkara melalui penglihatan.

#### **1.8.6 *Verbal Learners***

Menurut Felder (1996), *Verbal learners* adalah pelajar yang menggemari gaya pembelajaran menerusi perkataan dan penjelasan secara berhujah. Pelajar yang berada dikategori ini lebih suka mendengar penjelasan guru secara bertulis atau secara lisan atau perbincangan yang dijalankan di dalam kelas dan suka membaca dengan kuat serta mengulanginya beberapa kali.

#### **1.8.7 *Sequential Learners***

Sementara *Sequential learners* pula adalah pelajar yang lebih cenderung dan selesa untuk memahami sesuatu secara sistematik dan dengan mengikut turutan. Pelajar jenis ini lebih mudah mengingat dan memahami sesuatu jika pengajaran disampaikan secara sistematik iaitu dari mudah ke sukar dan mengikut langkah-langkah yang logik. Oleh sebab itu, pelajar jenis ini lebih menggemari guru mengajar secara tersusun dan menunjukkan hubungkait dengan apa yang telah diajar sebelum itu (Felder & Silverman, 1988).

#### **1.8.8 *Global Learners***

*Global learners* adalah pelajar yang lebih berminat untuk mengumpulkan maklumat yang mereka perlu secara rawak dan seterusnya memahami sesuatu secara spontan berdasarkan maklumat yang mereka kumpulkan itu. Pelajar jenis ini juga boleh

menerima sesuatu maklumat dalam apa cara sekalipun sama ada tersusun atau tidak dan mereka berupaya menyelesaikan masalah yang kompleks secara pantas. Mereka juga suka menghubungkan antara satu perkara dengan satu perkara lain (Felder & Silverman, 1988).

## **1.9 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, bab ini menerangkan komponen-komponen asas kajian iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian serta batasan kajian. Selain itu, bab ini juga telah menjelaskan konsep-konsep yang penting dan definisi operasional yang digunakan dalam kajian. Untuk tambahan, segala persoalan dan objektif kajian akan terjawab di dalam bab terakhir iaitu pada bab 5.

## **BAB 2**

### **SOROTAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Dalam kajian ini, pengkaji akan membincangkan tentang beberapa aspek yang berkaitan dengan kajian. Aspek-aspek yang akan dibincangkan adalah berkenaan dengan pembelajaran, gaya pembelajaran dan model gaya pembelajaran Felder dan Silverman (1988). Selain itu, kajian ini juga merangkumi kajian-kajian lepas dari dalam dan luar negara mengenai pelbagai gaya pembelajaran berdasarkan model gaya pembelajaran yang ada, gaya pembelajaran pelajar dari segi demografi dan hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik.

#### **2.1 Pembelajaran**

Pembelajaran boleh berlaku pada bila-bila masa tanpa mengira tempat. Pembelajaran ialah perubahan tingkah laku seseorang individu hasil dari proses pembelajaran yang berlaku. Terdapat pelbagai definisi yang telah dibuat oleh para linguistik mengenai konsep pembelajaran. Antaranya ialah Kolb (1984) yang mengatakan bahawa pembelajaran adalah satu proses dimana pengetahuan yang ada terhasil akibat daripada pengalaman yang diperolehi.

Ini disokong oleh Atan Long (1980) yang mengatakan bahawa pembelajaran ialah perubahan tingkahlaku yang terjadi hasil daripada pengalaman yang diperolehi. Pengalaman seseorang itu adalah hasil daripada pengolahan pemikiran ke atas rangsangan-rangsangan yang diterima melalui pancainderanya. Manakala Hergenhahn

dan Olson (1993) pula memberi definisi kepada konsep pembelajaran sebagai satu perubahan tingkah laku hasil daripada pengalaman dan pembelajaran. Tambah Hergenhahn dan Olson(1993) lagi, pengalaman yang diperolehi tidak boleh bersifat sementara dalam diri seperti penyakit, keletihan dan ubat.

Menurut Kimble (1961) dalam Hergenhahn dan Olson (1993) pembelajaran ialah perubahan yang kekal dalam tingkah laku yang berlaku akibat atau kesan daripada latihan peneguhan. Bagi pendapat Ormrod (2000) pula pembelajaran ialah perubahan yang berlaku disebabkan oleh pengalaman dan perubahan yang berlaku itu melibatkan tingkah laku ataupun mental. Honey dan Mumford (1992) dalam Azizi Yahaya, Yusof Bonn, Shahrin Hashim dan Wan Zuraidan Wan Hamid (2002) pula menyatakan bahawa pembelajaran telah berlaku apabila manusia boleh mempamerkan sesuatu yang baru sama ada dalam bentuk pemahaman, kesedaran ataupun kemahiran.

Walaupun setiap individu mendapat pengalaman pembelajaran secara formal atau tidak formal, namun begitu tidak semua orang memperolehi kebolehan yang sama dalam proses pembelajaran. Travers (1979) dalam Zubaidah Begam (2007) mengatakan bahawa setiap individu melalui pelbagai saluran seperti penglihatan, pendengaran, sentuhan, merasa dan menghidu untuk memperolehi sesuatu pengalaman. Bagi sesetengah pelajar pula mereka memerlukan pertolongan dari guru sepenuhnya. Terdapat juga pelajar yang suka belajar secara bersendirian dan ada juga pelajar yang suka belajar secara berkumpulan.

Pengkaji mendapati bahawa kepelbagaian definisi konsep pembelajaran boleh mengembangkan lagi konsep pembelajaran itu sendiri dan seterusnya konsep itu semakin mudah untuk difahami oleh semua individu. Berdasarkan definisi-definisi di

atas pengkaji merumuskan bahawa seseorang individu mengalami proses pembelajaran apabila ia boleh memproses dan mengingat kembali segala maklumat yang diperolehi sama ada secara formal atau tidak formal.

## **2.2 Gaya Pembelajaran**

Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Felder (1996) menyatakan bahawa setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza dari segi ciri-ciri kekuatan dan keutamaan dalam menerima dan memproses maklumat. Seseengah pelajar gemar memperolehi maklumat dalam bentuk fakta, data dan algoritma. Seseengah pelajar lagi lebih selesa dengan maklumat yang berbentuk teori dan model matematik. Ada juga pelajar yang suka mendapatkan maklumat melalui visual seperti gambar rajah, ilustrasi dan skematik. Sebilangan pelajar pula lebih suka memperolehi maklumat melalui verbal iaitu penerangan dalam bentuk lisan ataupun kuliah.

Felder dan Henriques (1995) mendefinisikan gaya pembelajaran sebagai cara dimana seseorang individu memperoleh, mengekalkan dan mendapatkan kembali maklumat yang ada. Keefe (1979) dalam Felder dan Sprulin (2005) mentakrifkan gaya pembelajaran sebagai ciri-ciri kognitif, afektif dan psikologi yang digunakan sebagai perbandingan tentang bagaimana pelajar memahami, berinteraksi dan memberi tindak balas terhadap persekitaran.

Manakala Rohaila Yusof, Norasmah Othman dan Faridah Karim (2005) pula mendefinisikan gaya pembelajaran sebagai kecenderungan individu dalam cara menerima dan memproses maklumat yang merupakan satu faktor perbezaan individu.

Selain itu, mereka juga mendefinisikan gaya pembelajaran sebagai indikator yang stabil tentang bagaimana pelajar melihat, berinteraksi dan bertindak balas terhadap persekitaran pembelajaran.

Menurut Kolb (1984), gaya pembelajaran bukan saja didefinisikan sebagai ciri-ciri personaliti tapi juga sebagai proses struktur hasil dari sifat individu yang unik dan struktur fleksible terhadap pembelajaran. Smith (1982, p.24) dalam Philbin, Meier, Huffman dan Boverie (1995) mendefinisikan gaya pembelajaran sebagai cara individu memproses maklumat, merasai dan bertindak dalam proses pembelajaran.

Secara keseluruhannya, pengkaji membuat kesimpulan bahawa gaya pembelajaran merujuk kepada cara seseorang individu menerima maklumat kemudian memproses maklumat yang diperolehi dan seterusnya mengembangkan maklumat tersebut. Seseorang pelajar yang boleh mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupannya pasti mendatangkan kejayaan pada masa akan datang.

### **2.3 Model Gaya Pembelajaran**

Terdapat pelbagai model gaya pembelajaran untuk menilai gaya pembelajaran para pelajar dari pelbagai bidang. Ini termasuklah gaya pembelajaran Kolb (1984), Dunn dan Dunn (1978) dan Felder dan Silverman (1988). Setiap model gaya pembelajaran mempunyai penerangan yang berbeza. Begitu juga dengan kriteria gaya pembelajaran. Dalam kajian ini, penulis akan memfokuskan kepada model gaya pembelajaran Felder-Silverman (1988).

Pengkaji memilih dan menggunakan instrumen ILS disebabkan oleh beberapa alasan. Pertamanya ialah instrumen ini dibuat secara spesifik untuk digunakan dalam bidang pendidikan. Selain itu, instrumen ini adalah berdasarkan kepada beberapa teori dan menggabungkan model-model gaya pembelajaran yang lain. Pengkaji juga menggunakan instrumen ini kerana maklumat gaya pembelajaran pelajar dapat dianalisa secara terperinci dan membezakan gaya pembelajaran kepada beberapa dimensi. Sebab yang terakhir ialah instrumen ini menunjukkan bahawa seseorang pelajar bukan hanya mempunyai satu gaya pembelajaran tetapi mempunyai lapan gaya pembelajaran.

Dalam kajian ini juga, pengkaji menggunakan teori gaya pembelajaran. Teori gaya pembelajaran merangkumi model sahsiah, model pemprosesan maklumat, model interaksi sosial dan model medium pembelajaran yang disukai. Pengkaji memilih untuk menggunakan model pemprosesan maklumat kerana kategori untuk model ini menghuraikan proses bagaimana maklumat diperolehi, disusun, disimpan dan digunakan (Azizi Yahaya dan Syazwani Abdul Razak, 2010). Ini bersesuaian dengan masalah dan objektif kajian ini iaitu ingin melihat gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar Diploma dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1 dan seterusnya melihat perhubungan diantara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1. Kajian ini akan melihat bagaimana maklumat yang diperolehi pelajar dari pensyarah semasa belajar bahasa Jerman selama satu semester disimpan dan digunakan semasa peperiksaan akhir semester.

### **2.3.1 Model Gaya Pembelajaran Felder & Silverman (1988)**

Felder dan Silverman (1988) telah menghasilkan satu model pembelajaran yang memfokuskan kepada gaya pembelajaran pelajar-pelajar kejuruteraan pada tahun 1988.

Pada tahun 1991 pula Felder dan Solomon telah memperkenalkan instrumen *Felder & Solomon's Index of Learning Styles*. Menurut Felder & Silverman (1988), pada awalnya terdapat lima dimensi iaitu Persepsi (*Sensing/Intuitive*), Input (*Visual/Auditory*), Organisasi (*Inductive/Deductive*), Proses (*Active/Reflective*) dan Pemahaman (*Sequential/Global*). Namun begitu, terdapat dua perubahan yang telah dilakukan iaitu dimensi Organisasi (*Inductive/Deductive*) tidak digunakan lagi dan sub-skala *visual/auditory* telah diubah kepada *visual/verbal*. Akhirnya model ini mengklasifikasikan pelajar kepada lapan gaya pembelajaran berdasarkan empat dimensi seperti yang ditunjukkan di dalam jadual dibawah.

Jadual 2.1 : Dimensi Gaya Pembelajaran Felder & Silverman (1988)

Dimensi	Gaya Pembelajaran
Pemprosesan	<i>Active</i>
	<i>Reflective</i>
Persepsi	<i>Sensing</i>
	<i>Intuitive</i>
Input	<i>Visual</i>
	<i>Verbal</i>
Pemahaman	<i>Sequential</i>
	<i>Global</i>

## A. Pemprosesan

Dimensi pemprosesan merujuk kepada gaya pembelajaran *Active* dan *Reflective*.

### i. *Active Learner*

*Active learners* gemar bekerja secara aktif dengan alat bantu pembelajaran yang disediakan. Mereka akan menggunakan material yang diberikan dan mencuba untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Selain itu, mereka juga berminat untuk berkomunikasi dengan orang lain dan suka bekerja secara berkumpulan. Mereka juga suka untuk membincangkan sesuatu maklumat yang diperolehi dengan rakan-rakan.



## **ii. *Reflective Learner***

*Reflective learners* pula lebih suka berfikir terlebih dahulu dengan maklumat yang diperolehi. Selepas berfikir secara sedalam-dalamnya, mereka akan menyelesaikan masalah yang diberikan. Dari aspek berkomunikasi pula, mereka lebih suka bekerja sendiri ataupun suka bekerja secara berkumpulan tapi dalam golongan yang kecil. Contohnya bekerja dengan kawan baik.

## **B. Persepsi**

Dimensi persepsi merangkumi gaya pembelajaran *Sensing* dan *Intuitive*.

### **i. *Sensing Learner***

Pelajar yang suka menggunakan gaya pembelajaran *Sensing* lebih gemar mempelajari maklumat berkenaan dengan fakta. Mereka suka menyelesaikan masalah dengan menggunakan pendekatan yang sesuai dan mereka juga lebih bersabar untuk menyelesaikan sesuatu masalah. *Sensing learners* juga lebih bersifat realistik dan bersikap wajar, lebih praktikal dan suka menghubungkan pengajaran dengan dunia luar.

### **ii. *Intuitive Learner***

*Intuitive learners* gemar mempelajari sesuatu dalam bentuk abstrak. Berbeza dengan *Sensing learners*, *Intuitive learners* suka kepada maklumat berbentuk teori dan suka menekankan maksud sesuatu maklumat. Mereka juga boleh mendalami kemungkinan dan perkaitan dan boleh menjadi inovatif dan kreatif.

## **C. Input**

Dimensi input terdiri daripada gaya pembelajaran *Visual* dan *Verbal*.

### **i. *Visual Learner***

Pelajar yang suka belajar dengan menggunakan gambar, gambar rajah, dan carta dikenali sebagai *Visual learners*. Pelajar visual memahami dan menerima sesuatu maklumat melalui gambaran dan mereka juga suka mempelajari sesuatu dengan dibantu alat bantu pengajaran.

### **ii. *Verbal Learner***

*Verbal learners* lebih memahami sesuatu maklumat apabila disampaikan secara lisan, penulisan dan dalam bentuk kuliah. Pelajar yang berada dikategori ini lebih suka mendengar penjelasan guru atau perbincangan yang dijalankan di dalam kelas dan suka membaca dengan kuat serta mengulanginya beberapa kali.

## **D. Pemahaman**

Dimensi pemahaman terdiri daripada gaya pembelajaran *Sequential* dan *Global*.

### **i. *Sequential Learner***

Dalam proses pembelajaran, *Sequential learners* kurang menggunakan langkah yang sesuai. Sebab itu mereka mengalami proses pembelajaran yang berterusan. Mereka juga boleh menggunakan langkah yang sesuai dan logik dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan. Selain itu, *Sequential learners* juga suka kepada maklumat yang lebih terperinci.

### **ii. *Global Learner***

*Global learners* berfikiran secara holistik dan belajar dalam ruang yang lebih besar. Mereka boleh mempelajari sesuatu tanpa melihat perkaitan tetapi selepas membuat penelitian terhadap maklumat yang diberikan mereka akan mendapat gambaran secara

keseluruhannya. Selain itu, mereka juga boleh menyelesaikan masalah yang sukar, memperolehi perkaitan dan dapat membuat kesimpulan. Bagaimanapun *Global learners* sukar untuk menghuraikan cara bagaimana mereka menyelesaikan masalah tersebut. Oleh kerana *Global learners* gemar kepada maklumat secara gambaran, mereka lebih suka pandangan secara menyeluruh dan pengetahuan yang lebih meluas.

Berdasarkan model gaya pembelajaran Felder dan Silverman (1988) yang dibincangkan di atas, pengkaji ingin melihat keutamaan gaya pembelajaran yang digunakan oleh pelajar-pelajar Diploma di Institut Jerman-Malaysia sama ada *Active/Reflective*, *Sensing/Intuitive*, *Visual/Verbal* ataupun *Sequential/Global* dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1. Kepelbagaian dimensi gaya pembelajaran Felder dan Silverman (1988) menyebabkan model ini digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

## **2.4 Kajian-Kajian Lepas**

Kajian-kajian lepas ini telah dikumpulkan melalui kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya sama ada kajian yang dijalankan di negara-negara luar ataupun di Malaysia.

### **2.4.1 Kajian-Kajian Mengenalpasti Gaya-Gaya Pembelajaran**

Terdapat beberapa kajian dari luar negara berkenaan dengan gaya pembelajaran yang menggunakan instrumen '*Index of Learning Styles*' (ILS) telah dijalankan. Antaranya ialah Felder dan Silverman (1988) dimana mereka telah membuat kajian terhadap pelajar-pelajar Kejuruteraan di *North Carolina State University* dengan menggunakan ILS. Secara keseluruhannya, mereka mendapati bahawa kebanyakan pelajar

Kejuruteraan di *North Carolina State University* mempunyai gaya pembelajaran *Visual*, *Sensing*, *Inductive* dan *Active*. Tambah Felder dan Silverman lagi, kebanyakan pelajar yang kreatif pula lebih berminat menggunakan gaya pembelajaran *Global*. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Zwanenberg, Wilkinson dan Anderson (2000). Dapatan kajian mendapati bahawa gaya pembelajaran yang menjadi keutamaan kebanyakan pelajar adalah *Visual* (M=4.5, SD=4.1), *Sensing* (M=2.7, SD=4.9), *Active* (M=1.7, SD=4.2) dan *Sequential* (M=0.8, SD=4.0).

Dalam kajian yang dilakukan oleh Graf, Viola, Leo dan Kinshuk (2007). Dapatan kajian mendapati bahawa gaya pembelajaran yang menjadi keutamaan bagi pelajar dari Universiti Massey, New Zealand dan Universiti Teknologi Vienna, Austria iaitu seramai 207 orang responden dalam bidang Kejuruteraan dan Pengurusan Maklumat adalah secara *Visual* (87%).

Berdasarkan kajian lepas yang dibincangkan di atas, pengkaji mendapati bahawa pelajar dalam bidang Kejuruteraan lebih mengutamakan gaya pembelajaran *Visual*. Namun begitu, pengkaji juga mendapati bahawa terdapat bidang pengajian lain seperti Pendidikan, Psikologi dan Politeknik yang mengamalkan gaya pembelajaran *Visual*. Ini boleh dilihat berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Constant (1997) dimana beliau telah menjalankan kajian terhadap 129 orang di *Iowa State*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 85% daripada 129 bilangan subjek yang terlibat dalam kajian ini juga mengamalkan gaya pembelajaran *Visual* dalam bidang Pendidikan.

Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Platsidou dan Metallidou (2009) terhadap 340 pelajar universiti pelbagai bidang (Pendidikan, Psikologi dan Politeknik) dan guru sekolah rendah mendapati bahawa kebanyakan responden adalah *Visual*

(M=2.71, SD=4.44), *Sensing* (M=2.70, SD=4.63), *Sequential* seimbang (M=1.41, SD=4.11) dan gaya pembelajaran yang kurang digunakan ialah gaya pembelajaran *Active* (M=0.68, SD=4.14).

Kajian berkenaan dengan gaya pembelajaran yang menggunakan instrumen ILS ini juga telah dilakukan oleh Filippidis dan Tsoukalas (2009) terhadap 62 pelajar (50 lelaki dan 12 perempuan). Dapat diperhatikan bahawa sebanyak 66% pelajar dalam kajian ini adalah *Visual*. Manakala 65% lagi adalah *Sensing* dan yang lain-lain menggunakan gaya pembelajaran *Active & Reflective* seimbang dan *Sequential & Global* seimbang.

Dapatan kajian yang telah dibincangkan di atas merumuskan bahawa pelajar dari bidang pengajian lain seperti Pendidikan, Psikologi dan Politeknik juga mengamalkan gaya pembelajaran *Visual* dalam pembelajaran mereka. Gaya pembelajaran *Visual* menjadi pilihan kerana pelajar boleh dan mudah untuk mengingat sesuatu dengan apa yang telah mereka lihat.

Kajian dalam negara mengenai gaya pembelajaran dengan menggunakan instrumen ILS juga telah dijalankan. Antaranya ialah Zubaidah Begam Mohamed Zakaria (2007). Beliau telah membuat satu kajian penyelidikan gaya pembelajaran terhadap 369 orang pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor dengan menggunakan set soal selidik *Felders Index of Learning Styles*. Beliau mendapati bahawa gaya pembelajaran yang menjadi keutamaan pelajar di Fakulti Pendidikan ialah gaya pembelajaran *Visual* iaitu sebanyak 85%. Ini diikuti oleh gaya pembelajaran *Active* sebanyak 55.1%, *sensing* sebanyak 45.9% dan 35.9% lagi bersifat *Sequential*.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Felder dan Silverman (1988), Constant (1997), Graf *et al.* (2007), Zubaidah Begam Mohamed Zakaria (2007), Platsidou & Metallidou (2009) dan Filippidis & Tsoukalas (2009), pengkaji mendapati bahawa kesemua dapatan kajian sama ada kajian yang dijalankan dari luar negara mahupun dalam negara menunjukkan bahawa para responden lebih gemar mengamalkan gaya pembelajaran secara *Visual*. Pengkaji juga mendapati bahawa gaya pembelajaran visual bukan saja diamalkan oleh pelajar dari bidang Kejuruteraan tetapi juga pelajar dari pelbagai program pengajian seperti Pendidikan, Pengurusan Maklumat dan Psikologi. Pada pandangan pengkaji, kebanyakan pelajar lebih gemar mengamalkan gaya pembelajaran *Visual* kerana pembelajaran secara *Visual* boleh dilihat secara terus dan lebih mudah untuk diingati. Menurut Dale (1969) dalam Felder dan Henriques (1995) menyatakan bahawa kebanyakan individu boleh menerima maklumat melalui persembahan *Visual* daripada penerangan yang berbentuk lisan dan kuliah.

Walaupun bagaimanapun terdapat juga dapatan kajian yang berbeza dari pengkaji-pengkaji di atas dengan menggunakan instrumen yang sama iaitu instrumen ILS. Montgomery (1995) mendapati gaya pembelajaran *Sequential* (71%) merupakan gaya pembelajaran utama bagi pelajar Kejuruteraan Kimia (143 orang) di Universiti Michigan di negara Amerika Syarikat. Kajian yang dilakukan oleh Allen (2003) yang dipetik dari Felder dan Spurlin (2005) juga mendapati bahawa gaya pembelajaran *Sequential & Global* seimbang (69%) merupakan gaya pembelajaran yang menjadi amalan bagi responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar graduan dari Universiti Arizona di Amerika Syarikat.

Brown, Zoghi, William, Jaberzadeh, Poller, Palermo, McKenna *et al.* (2009) yang telah membuat kajian ke atas 822 orang pelajar Sains Kesihatan di Universiti Monash,

Australia mendapati bahawa kebanyakan pelajar Sains Kesihatan di Universiti tersebut lebih cenderung kepada gaya pembelajaran *Sequential*. Daripada 822 bilangan responden, sebanyak 64% orang pelajar mengamalkan gaya pembelajaran *Sequential*. Ini diikuti oleh gaya pembelajaran berdasarkan *Sensing* 60% dan gaya pembelajaran *Visual* sebanyak 54%. Sesetengah pelajar pula mengamalkan gaya pembelajaran *Active* iaitu sebanyak 44%.

Selain menggunakan instrumen ILS, terdapat juga kajian-kajian tentang gaya pembelajaran dengan menggunakan instrumen-instrumen yang lain. Antaranya ialah instrumen Dunn dan Dunn (1978), *Perceptual Learning Style Preference (PLSP)*, *Kolb Learning Styles Inventory* (1985) dan Honey dan Mumford (1992) yang boleh digunakan untuk melihat gaya pembelajaran setiap pelajar. Berdasarkan kajian Reid (1987) ke atas 1234 orang pelajar ESL yang datang dari pelbagai negara dan mempelajari bahasa Inggeris di Amerika Syarikat mendapati bahawa kebanyakan pelajar ESL cenderung kepada gaya pembelajaran kinestetik dan taktil berbanding gaya pembelajaran yang lain.

Kajian yang dilakukan dalam negara dengan menggunakan pelbagai instrumen telah dijalankan oleh Azizi Yahaya, Yusof Bonn, Shahrin Hashim dan Wan Zuraidah Wan Hamid (2002) telah dijalankan untuk menentukan gaya pembelajaran 120 penuntut dari dua buah Sekolah Menengah di Johor iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan UIU Tiram dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Skudai Baru. Instrumen yang digunakan ialah *The Manual of Learning Style* oleh Honey dan Mumford (1992). Secara keseluruhannya, penuntut di dua buah sekolah ini lebih banyak mengamalkan gaya pembelajaran *reflektor* diikuti gaya pembelajaran *teoris*, *pragmatis* dan *aktivis*.

Marzalina Mansor (2004) dimana beliau telah membuat kajian ke atas 82 orang pelajar asing yang mengikuti kelas bahasa Melayu asas 1 di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Marzalina Mansor (2004) telah menggunakan instrumen Dunn dan Dunn (1978) untuk mengetahui gaya pembelajaran subjek kajiannya. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa gaya pembelajaran pelajar asing dalam mempelajari bahasa Melayu ialah gaya pembelajaran berasaskan elemen psikologi, iaitu pembelajaran reflektif.

Manakala Norasmah Othman dan Siti Rashidah Othman (2004) pula telah membuat kajian ke atas 60 orang pelajar jurusan Biologi dengan menggunakan *Kolb Learning Style Inventory (KLSI)*. Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar cenderung kepada kategori *konverger* iaitu sebanyak (31.66 %), (26.67%) kategori *akomodator*, (21.67%) kategori *diverger* dan (20%) dikenali sebagai kategori *assimilator*.

Kajian mengenai gaya pembelajaran juga telah dijalankan oleh Norazah Mohd. Nordin dan Shaari Osman (2005) dimana mereka telah menjalankan kajian ke atas 338 guru pelatih KPLIambilan Januari 2004 di Maktab Perguruan, Lembah Kelang. Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini ialah instrument PLSP Reid (1987). Secara keseluruhannya, kebanyakan guru-guru pelatih KPLI di Makltab Perguruan, Lembah Kelang lebih gemar mengamalkan gaya pembelajaran kinestetik dan berkumpulan sebagai gaya pembelajaran utama.

Selain Reid (1987), Azizi Yahaya, Yusof Bonn, Shahrin Hashim dan Wan Zuraidah Wan Hamid(2002), Marzalina Bt. Mansor (2004), Norasmah Othman dan Siti Rashidah Othman (2004) dan Norazah Mohd. Nordin dan Shaari Osman (2005), Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli dan Ahmad Johari Sihes (2006) juga telah



menjalankan kajian berkaitan dengan gaya pembelajaran ke atas 250 orang pelajar pelajar dari pelbagai pengkhususan pengajian seperti Fizik, Biologi, Matematik dan sebagainya dari empat buah Universiti iaitu di Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Kolej Universiti Institut Teknologi Tun Hussein Onn dengan menggunakan Inventori Dunn dan Dunn (1978). Dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya pembelajaran pelajar yang paling dominan adalah gaya pembelajaran sosiologikal yang mempunyai nilai min sebanyak 3.7050. Ini diikuti oleh gaya pembelajaran psikologikal (3.6112), emosional (3.5291), fizikal (3.4487) dan persekitaran (3.1879).

Sementara kajian yang dilakukan oleh Rosniah mustaffa (2007) telah menggunakan soal selidik Gaya Pembelajaran Perseptual (PLSP) dalam kajiannya yang bertujuan untuk menguji gaya pembelajaran pelajar kurang cekap tahun pertama Sarjana Muda Sastera dalam pengajian bahasa Inggeris (B.A ESL) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian, beliau mendapati bahawa kebanyakan pelajar lebih gemar menggunakan gaya pembelajaran kinestetik dan taktil sebagai gaya pembelajaran perseptual major dan memilih bekerja secara berkumpulan sebagai gaya pembelajaran sosiologi major.

Baharin Abu, Othman Md. Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor dan Haliza Jaffar (2007) pula mendapati bahawa kebanyakan pelajar dari fakulti Pendidikan mengamalkan gaya pembelajaran kategori emosional berbanding dengan kategori yang lain dengan nilai min yang tertinggi iaitu 3.09 (SP=0.63). Kategori psikologikal berada ditempat kedua dengan nilai min 2.98 (SP=0.84), diikuti kategori fizikal dengan nilai min 2.87 (SP=0.72), kategori persekitaran dengan nilai min 2.81 (SP=0.70) dan yang terendah ialah kategori sosiologikal dengan nilai min 2.81 (SP=0.74).

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dibincangkan di atas, banyak kajian yang dijalankan mengkaji tentang gaya pembelajaran pelajar dalam bidang pendidikan, bidang kejuruteraan dan bidang bahasa terutamanya bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Namun begitu, belum ada kajian mengenai gaya pembelajaran bahasa asing iaitu bahasa Jerman yang dijalankan di Malaysia. Oleh sebab itu, pengkaji ingin mengkaji gaya pembelajaran pelajar Diploma di Institut Jerman-Malaysia dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1.

#### **2.4.2 Kajian Hubungan Gaya Pembelajaran Pelajar Dari Segi Jantina**

Kajian mengenai gaya pembelajaran berdasarkan jantina banyak dijalankan di luar negara dan di negara Malaysia. Beberapa pengkaji dari luar mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran diantara pelajar lelaki dan juga pelajar perempuan. Ini boleh dilihat berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Shaw dan Marlow (1999) yang telah membuat kajian ke atas 99 orang pelajar (31 lelaki dan 68 perempuan) jurusan Sains Sukan dan Kesihatan di *University of North London, UK*, dengan menggunakan instrumen *The Manual of Learning Styles Honey & Mumford* (1986). Didapati bahawa tidak terdapat perbezaan diantara gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar lelaki dan juga perempuan. Begitu juga dengan kajian yang telah dijalankan oleh Jones, Reichard dan Mokhtari (2003) ke atas 105 pelajar (47 lelaki dan 58 perempuan) yang mengambil jurusan Matematik, bahasa English, Sains dan Pengajian Sosial di kolej komuniti. Beliau mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Lincoln dan Rademacher (2006) terhadap responden seramai 69 orang (24 lelaki dan 55 perempuan) yang dilakukan dibahagian Barat Utara Arkansas juga mendapati bahawa responden lelaki dan perempuan

mempunyai gaya pembelajaran yang sama. Dalam kajian yang mengkaji gaya pembelajaran individu dalam mempelajari bahasa English sebagai bahasa kedua (ESL) ini, pengkaji mendapati gaya pembelajaran *Visual* merupakan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh responden lelaki dan juga perempuan.

Kajian tentang gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar lelaki dan perempuan juga telah dijalankan di negara Malaysia. Berdasarkan ujian  $t$  yang dijalankan oleh Norasmah Othman dan Siti Rashidah Othman (2004) keatas 60 orang pelajar jurusan Biologi dengan menggunakan *Kolb Learning Style Inventory (KLSI)*, didapati bahawa nilai  $t=0.213$ ,  $p<0.831$  bagi gaya pembelajaran *diverger*, nilai  $t=-0.402$ ,  $p>0.05$  gaya pembelajaran *konverger*, nilai  $t=1.261$ ,  $p>0.21$  gaya pembelajaran *konverger*, dan gaya pembelajaran *akomodator* iaitu  $t=0.471$ ,  $p>0.05$ . Kesemua keputusan ini menerangkan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar dan tidak terdapat sebarang perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran mengikut jantina. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Soon (2004), mendapati bahawa pelajar lelaki dan perempuan menggunakan gaya pembelajaran *Visual* dalam pengajian Fizik.

Azizi Hj Yahaya et al. (2006) menjalankan kajian ke atas 250 orang pelajar dari pelbagai program pengajian dari empat buah Universiti iaitu di UTM, UKM, UPM dan KUITTHO dengan menggunakan Inventori Dunn & Dunn (1978). Berdasarkan ujian  $t$  yang dijalankan, didapati bahawa nilai  $t$  ialah .908 dan nilai signifikan .365 yang lebih daripada .05. Maka pengkaji mendapati bahawa gaya pembelajaran pelajar lelaki dengan gaya pembelajaran pelajar perempuan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan.

Kajian tentang gaya pembelajaran dengan jantina juga telah dijalankan oleh Norlia Abd. Aziz, T. Subahana M. Meerah, Lilia Halim dan Kamisah Osman (2006) terhadap 350 orang pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot (SMKKMT), Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Tunggul (SMKBT), Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman (SMKSS) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Chung Hwa Wei Sin (SMKCHWS) yang mempelajari Matematik Tambahan. Walaupun hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan gaya pembelajaran terancang mengikut jantina namun begitu, perbezaan min gaya pembelajaran antara pelajar lelaki dan perempuan adalah kecil. Oleh itu, Norlia Abd Aziz dan rakan-rakannya membuat kesimpulan bahawa secara keseluruhannya faktor jantina tidak mempengaruhi gaya pembelajaran.

Dapatan kajian yang menunjukkan tidak wujud perbezaan gaya pembelajaran antara jantina juga boleh dilihat berdasarkan kajian yang dibuat oleh Zubaidah Begam Mohamed Zakaria (2007) telah menjalankan kajian terhadap 369 orang pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor dengan menggunakan set soal selidik *Felders Index of Learning Styles*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan lebih cenderung memiliki gaya pembelajaran *Visual* iaitu masing-masing sebanyak 88.7% dan 84.4%. Secara ringkasnya, tidak terdapat perbezaan antara gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar lelaki dan juga pelajar perempuan.

Dapatan kajian yang telah dibincangkan di atas menunjukkan tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran antara pelajar lelaki dan perempuan, namun begitu beberapa dapatan kajian lain menunjukkan wujudnya perbezaan gaya pembelajaran diantara pelajar lelaki dan juga pelajar perempuan. Ini boleh dilihat berdasarkan kajian dari luar negara yang

dijalankan oleh Reid (1987) ke atas 1234 orang pelajar ESL yang datang dari pelbagai negara yang mempelajari bahasa Inggeris di Amerika Syarikat mendapati bahawa kebanyakan pelajar lelaki lebih cenderung kepada gaya pembelajaran visual dan taktik berbanding pelajar perempuan yang cenderung kepada gaya pembelajaran kinestetik dan *Auditory*.

Severiens dan Ten Dam (1994) juga mendapati bahawa pelajar lelaki dan pelajar perempuan mengamalkan gaya pembelajaran yang berlainan. Pelajar lelaki lebih cenderung kepada gaya pembelajaran abstrak dan gaya pembelajaran konkrit pula kebanyakannya diamalkan oleh pelajar perempuan. Kajian Philbin et al. (1995) terhadap 72 orang responden yang terdiri daripada kawan-kawan, teman sekerja dan kenalan mendapati bahawa terdapat perbezaan gaya pembelajaran pelajar lelaki dan perempuan. Pelajar lelaki kebanyakannya mengamalkan gaya pembelajaran *assimilator* (48%) dan sebanyak 29% pelajar perempuan lebih gemar menggunakan gaya pembelajaran *diverger* dan *converger*.

Dapatan kajian Rosati (1999) pula mendapati bahawa pelajar perempuan adalah bersifat kurang *Active*, kurang *Sensing*, kurang *Visual* tetapi lebih *Sequential* berbanding dengan pelajar lelaki. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Zwanenberg, Wilkinson dan Anderson (2000) di Universiti United Kingdom terhadap pelajar jurusan Kejuruteraan dan Perniagaan seramai 284 responden (108 lelaki dan 175 perempuan) mendapati bahawa gaya pembelajaran bagi lelaki dan perempuan adalah berbeza pada *Visual & Verbal* tetapi mempunyai persamaan pada gaya pembelajaran *Active & Reflective*, *Sensing & Intuitive* dan *Sequential & Global*. Bagi pelajar perempuan, mereka lebih mengamalkan gaya pembelajaran secara *Verbal* dan kurang mengamalkan gaya pembelajaran *Visual* berbanding dengan pelajar lelaki yang lebih mengamalkan

gaya pembelajaran *Visual* daripada *Verbal*. Secara keseluruhannya, kedua-dua kajian yang telah dijalankan ini mendapati bahawa terdapat perbezaan gaya pembelajaran diantara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Kajian yang dijalankan oleh Heffler (2001) juga menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih suka kepada gaya pembelajaran abstrak berbanding pelajar perempuan yang gemar kepada gaya pembelajaran konkrit. Lincoln dan Rademacher (2006) membuat kajian ke atas 69 orang pelajar ESL yang berumur diantara 23 hingga 45 tahun. Dalam kajian itu, instrumen *Visual, Aural, Read/write and Kinesthetic (VARK)* telah digunakan untuk menilai gaya pembelajaran setiap individu. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa pelajar perempuan lebih gemar menggunakan gaya pembelajaran *auditory* dan *multimodal* manakala pelajar lelaki pula lebih kepada penggunaan gaya pembelajaran menulis nota. Melalui dapatan ini, boleh dirumuskan bahawa terdapat perbezaan gaya pembelajaran antara pelajar lelaki dan juga perempuan.

Orhun (2007) mendapati bahawa pelajar lelaki lebih kepada gaya pembelajaran *assimilator* dan pelajar perempuan pula mengamalkan gaya pembelajaran *converger*. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ku dan Shen (2009) yang telah menjalankan kajian ke atas 2748 pelajar pelbagai jurusan di Universiti utara Taipei, Taiwan dengan menggunakan instrumen *Felder-Solomon Index of Learning Styles*. Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar perempuan kebanyakannya menggunakan gaya pembelajaran *Intuitive* dan *Global*. Sementara pelajar lelaki pula adalah *Visual*.

Selain pengkaji dari luar negara, pengkaji dari Malaysia juga mendapati bahawa terdapat perbezaan gaya pembelajaran antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Ini boleh dilihat berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Rohana Hamzah, Widad Othman

dan Winson Tieu Chiong Sin (2003) terhadap pelajar-pelajar dari Fakulti Pendidikan yang mengikuti program Pendidikan Jarak Jauh di pusat pembelajaran SPACE di UTM. Mereka mendapati bahawa pelajar perempuan lebih banyak menggunakan gaya belajar sifat berdikari dan bersaing dengan nilai min sebanyak 2.2388 dan 2.9851 berbanding dengan pelajar lelaki.

Begitu juga dapatan kajian yang diperolehi oleh Syed Jamal Abdul Nasir Syed Mohamad (2006). Dalam kajian mengenai gaya pembelajaran berdasarkan jantina, beliau telah menggunakan instrumen Honey & Mumford terhadap 291 orang pelajar dari aliran Sastera dan Sains dari empat buah Universiti awam dan swasta di Lembah Kelang. Dapatan kajian mendapati bahawa walaupun gaya pembelajaran reflektor menjadi pilihan utama responden namun, pelajar lelaki dan pelajar perempuan mengamalkan gaya pembelajaran yang berbeza.

Berdasarkan kajian dan dapatan kajian dari luar dan dalam negara yang dibincangkan diatas, pengkaji mendapati bahawa faktor jantina boleh mempengaruhi gaya pembelajaran yang diamalkan oleh setiap individu tidak kira lelaki mahupun perempuan. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar lelaki dan perempuan mungkin sama ataupun mungkin juga berbeza. Melalui kajian yang dibincangkan di atas juga, pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai gaya pembelajaran bahasa Jerman berdasarkan jantina masih kurang dikaji di negara Malaysia. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji gaya pembelajaran pelajar Diploma iaitu pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1 di Institut Jerman-Malaysia.

### **2.4.3 Kajian Hubungan Gaya Pembelajaran Pelajar Dari Segi**

#### **Pengkhususan Pengajian**

Terdapat banyak pengkhususan pengajian yang ditawarkan untuk pelajar tidak kira di pengajian tinggi awam mahupun swasta. Setiap pengkhususan pengajian yang ditawarkan mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri. Bagaimanapun sekiranya pelajar dapat menggunakan gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan pengkhususan yang mereka ikuti sudah pasti mereka akan memperolehi keputusan akademik yang cemerlang. Persoalannya adakah setiap pelajar dari setiap pengkhususan pengajian yang berbeza menggunakan gaya pembelajaran yang sama? Walaupun responden dalam kajian ini adalah dari bidang yang sama tetapi pengkhususan yang diikuti adalah berbeza.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan di luar dan dalam negara oleh pengkaji-pengkaji lepas, didapati bahawa tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan pengkhususan pengajian (Soon, 2004; Azizi Yahaya et al., 2006; Zubaidah Begam, 2007; Platsidou & Metallidou, 2009; Cavas, 2010; Aziz Nordin dan Nur Hifzan Husin, 2011). Kaji selidik yang dijalankan di luar negara oleh Platsidou & Metallidou (2009) terhadap 340 responden dari empat pengkhususan pengajian yang berbeza iaitu Pendidikan, Psikologi, Politeknik dan Guru Pelatih Sekolah Rendah mendapati bahawa pelajar jurusan Politeknik lebih gemar mengamalkan gaya pembelajaran *Active* dan pelajar Pendidikan pula lebih cenderung ke arah gaya pembelajaran *Visual*. Walaupun kebanyakan pengkhususan pengajian mengamalkan gaya pembelajaran yang berbeza, namun secara keseluruhannya tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan pengkhususan pengajian.



Cavas (2010) pula telah membuat kajian terhadap 606 responden (388 pelajar perempuan dan 218 pelajar lelaki) terhadap guru pelatih dari tiga pengkhususan pengajian yang berbeza di Fakulti Pendidikan di Turki. Cavas (2010) mendapati bahawa kesemua responden dari tiga pengkhususan pengajian yang terlibat mengamalkan gaya pembelajaran yang sama. Gaya pembelajaran yang banyak diamalkan oleh responden ialah gaya pembelajaran *divergent* diikuti oleh gaya pembelajaran *assimilator*.

Beberapa kajian mengenai gaya pembelajaran pelajar berdasarkan pengkhususan pengajian yang berlainan juga telah dijalankan di Malaysia. Soon (2004) membuat kajian terhadap 159 responden yang mengikuti kursus Fizik Industri dan Fizik Pendidikan. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran responden berdasarkan pengkhususan pengajian. Kebanyakan responden yang mengikuti kursus Fizik Industri lebih cenderung ke arah gaya pembelajaran *Active & Reflective* seimbang, *Sequential & Global* seimbang serta *Visual & Verbal* seimbang. Manakala responden dari kursus Fizik Pendidikan pula lebih mengutamakan gaya pembelajaran *Sensing & Intuitive* seimbang.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Azizi Yahaya et al. (2006) terhadap 250 pelajar dari empat buah universiti iaitu UKM, UTM, UPM dan KUITTHO berdasarkan pelbagai pengkhususan pengajian iaitu Kemahiran Hidup, Kejuruteraan Awam, Fizik, Kimia, Biologi, Matematik dan Sains Pertanian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut kursus responden. Nilai min bagi responden antara kumpulan adalah .062 dan nilai min bagi dalam kumpulan adalah .106.

Zubaidah Begam (2007) membuat kajian terhadap pelajar-pelajar dari Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor yang mengikuti pengkhususan pengajian yang berbeza dengan menggunakan set soal selidik *Felders Index of Learning Styles*. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, Zubaidah Begam (2007) mendapati bahawa pelajar dari pengkhususan pengajian iaitu Sains dan Pendidikan Kimia, Fizik, Matematik, TESL, Sains Sukan dan Pengajian Islam mengamalkan gaya pembelajaran *Active* sederhana, *Sensing* sederhana dan *Visual* tertinggi berbanding dengan gaya pembelajaran *Reflective*, *Intuitive* dan *Verbal*. Namun secara keseluruhannya tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran yang digunakan berdasarkan pengkhususan pengajian.

Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Aziz Nordin dan Nur Hifzan Husin (2011) dimana dapatan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dari pelbagai pengkhususan pengajian. Responden yang terlibat dalam kajian mereka adalah pelajar-pelajar dari tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dari pelbagai pengkhususan pengajian di Fakulti Pendidikan di UTM dengan menggunakan model gaya pembelajaran *Bernice McCarthy*. Kesemua tujuh pengkhususan pengajian dari Fakulti Pendidikan yang terlibat lebih cenderung mengamalkan gaya pembelajaran yang sama iaitu imaginatif dan inovasi diikuti dengan gaya pembelajaran dinamik dan intuitif, analisis dan teori dan praktikal.

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dibincangkan di atas, pengkaji merumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dari pelbagai pengkhususan pengajian sama ada kajian yang dijalankan di luar negara mahupun dalam Malaysia. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa masih belum

ada kajian yang dijalankan di Malaysia mengenai gaya pembelajaran dalam mempelajari bahasa Jerman berdasarkan pengkhususan pengajian yang berbeza.

#### **2.4.4 Kajian Hubungan Tahap Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik**

Pencapaian akademik yang cemerlang sememangnya diinginkan oleh setiap pelajar. Oleh itu, penggunaan gaya pembelajaran yang berkesan akan memberi impak yang positif kepada pencapaian akademik (Bailey, Onwuegbuzie dan Daley, 2000; Rohana Hamzah, Widad Othman & Winson Tieu Chiong Sin, 2003; Battalio, 2009).

Kaji selidik yang dijalankan oleh Bailey, Onwuegbuzie dan Daley (2000) pula melihat kepada perhubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian bahasa asing bagi pelajar-pelajar di *Mid-Southern University*, USA. Seramai 100 orang responden dari pelbagai program mempelajari bahasa Perancis dan bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing di Universiti tersebut. Instrumen yang digunakan pula adalah instrumen *Productivity Environmental Preference Survey* Dunn (1991). Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa gaya pembelajaran bentuk, motivasi dan kinestetik mempunyai perkaitan yang positif dengan pencapaian bahasa asing iaitu bahasa Perancis dan bahasa Sepanyol.

Selain dari kajian oleh Bailey, Onwuegbuzie dan Daley (2000), kajian lain yang dijalankan oleh Battalio (2009) juga mendapati bahawa gaya pembelajaran *Reflective* mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian akademik. Battalio (2009) telah menjalankan kajian ke atas 120 orang pelajar dengan menggunakan instrumen ILS oleh Felder dan Soloman (1991). Selain mendapati bahawa gaya pembelajaran *Reflective* mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian akademik, dapatan kajian beliau

juga mendapati bahawa pelajar *Reflective* lebih gemar melakukan aktiviti secara individu dan lebih berjaya dalam pembelajaran secara *online*.

Berdasarkan kajian yang dibuat di negara Malaysia oleh Rohana Hamzah, Widad Othman dan Winson Tieu Chiong Sin (2003) pula menjalankan kajian ke atas 130 pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) yang mengikuti Program Pendidikan Jarak Jauh di negara Malaysia. Mereka menggunakan model gaya pembelajaran pelajar *Grasha Riechmann*. Dapatan kajian mendapati bahawa gaya pembelajaran Kolaboratif mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar dimana semakin tinggi pencapaian akademik pelajar semakin tinggi sifat gaya pembelajaran Kolaboratif yang diamalkan.

Walaupun kesemua dapatan di atas menunjukkan terdapat hubungan positif diantara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik, namun terdapat juga beberapa dapatan kajian dari luar dan dalam Malaysia yang menyatakan bahawa gaya pembelajaran individu tidak mempengaruhi pencapaian akademik. Ini boleh dilihat berdasarkan kajian luar yang dijalankan oleh Yildirim, Acarb, Bulk dan Sevinc (2008) yang telah membuat kajian ke atas 746 pelajar di Sekolah Tinggi Istanbul, Turki dengan menggunakan instrumen PLSPQ. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa tidak wujud perkaitan diantara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik mereka.

Dapatan kajian yang diperolehi oleh Yildirim et al. (2008) telah disokong oleh pengkaji dari Malaysia iaitu Azizi Yahaya et al. (2002) terhadap 120 penuntut dari dua buah Sekolah Menengah di Johor dengan menggunakan instrumen yang digunakan ialah *The Manual of Learning Style* oleh Honey dan Mumford (1992) juga mendapati bahawa

hubungan diantara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik adalah songsang yang mana nilai signifikan  $p$  adalah lebih besar daripada 0.05 iaitu diantara 0.173 hingga 0.435. Situasi ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara gaya pembelajaran pelajar dengan pencapaian akademik.

Kajian Azizi Hj Yahaya et al. (2006) ke atas 250 orang pelajar dari pelbagai program pengajian dari empat buah Universiti iaitu di UTM, UKM, UPM dan KUITTHO dengan menggunakan Inventori Dunn & Dunn (1978), mendapati hanya pola pembelajaran sosiologikal dan Psikologikal sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik dimana nilai signifikan adalah .004 dan .009. Walau bagaimanapun, kekuatan perhubungan yang ditunjukkan oleh kedua-dua pola gaya pembelajaran hanya berada pada kategori yang sangat lemah dan songsang.

Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Norlia Abd. Aziz et al. (2006) untuk menentukan hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Tambahan pelajar tingkatan empat. Dalam kajian berkenaan, empat gaya pembelajaran telah dikemukakan iaitu gaya mendalam, gaya permukaan, gaya terancang dan gaya gigih usaha. Sampel terdiri daripada 350 orang pelajar di 4 buah sekolah di Kuala Terengganu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran mendalam, terancang dan gigih usaha dengan pencapaian akademik. Walaupun begitu, didapati nilai  $r$  adalah rendah dan ini menunjukkan hubungan yang sangat lemah.

Syed Jamal Abdul Nasir bin Syed Mohamad (2006) pula menjalankan kajian terhadap 291 orang pelajar dari pelbagai Universiti awam dan swasta di Lembah Kelang. Dapatan kajian mendapati bahawa tidak wujud hubungan positif diantara gaya

pembelajaran dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar walaupun mengamalkan gaya pembelajaran yang berbeza. Kajian mengenai gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik juga dijalankan oleh Zubaidah Begam Mohamed Zakaria (2007) terhadap pelajar-pelajar dari Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor dengan menggunakan set soal selidik *Felders Index of Learning Styles*. Dapatan kajian menunjukkan gaya pembelajaran pelajar tidak mempunyai perhubungan dengan pencapaian akademik.

Kajian yang dijalankan oleh Azizi Yahaya, Mohd. Najib Ghaffar, Noraizah Damiri dan Shahrifudin Ismail (2007) ke atas 202 pelajar tingkatan empat SMK Dato' Ali Haji Ahmad dan SMK Sri Perhentian Pontian, Johor pula mendapati bahawa wujud hubungan yang lemah diantara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara gaya pembelajaran pelajar dengan pencapaian akademik.

Secara keseluruhannya, didapati bahawa gaya pembelajaran yang digunakan oleh setiap pelajar boleh membantu dalam pencapaian akademik yang cemerlang. Namun begitu, gaya pembelajaran yang digunakan juga mungkin tidak mempengaruhi keputusan pelajar dalam peperiksaan. Walaupun gaya pembelajaran tidak mempengaruhi pencapaian akademik tetapi sebenarnya gaya pembelajaran adalah salah satu faktor yang menyebabkan seseorang pelajar itu berjaya dalam peperiksaan. Pelajar yang tidak tahu cara untuk mengambil nota, mengagihkan masa, cara belajar yang berkesan dan sebagainya akan menghadapi masalah pembelajaran dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian akademik yang kurang memuaskan. mengamalkan gaya pembelajaran yang betul dan berkesan penting dalam pencapaian prestasi yang cemerlang.

Berdasarkan kajian-kajian yang dibincangkan di atas, pengkaji mendapati bahawa tidak ada kajian dalam hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik yang menjurus kepada kajian bahasa asing iaitu bahasa Jerman yang dijalankan di Malaysia. Walaupun ada kajian dari luar yang dilakukan mengenai gaya pembelajaran dan pencapaian akademik dalam bahasa asing namun ianya masih tidak mencukupi. Ini membuka minda pengkaji untuk menjalankan kajian berkaitan dengan perhubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik dalam mata pelajaran bahasa Jerman.

## **2.5 Kesimpulan**

Dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji dari luar negara dan di Malaysia tentang gaya pembelajaran pelajar, gaya pembelajaran berdasarkan jantina dan pengkhususan pengajian serta hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik. Berdasarkan kajian yang telah dibincangkan juga, pengkaji-pengkaji lepas sama ada dari luar atau di Malaysia kurang mengkaji gaya pembelajaran dalam bidang bahasa asing terutamanya bahasa Jerman. Dengan itu, pengkaji akan membuat kajian mengenai gaya pembelajaran pelajar Diploma dalam mempelajari bahasa Jerman di GMI dan seterusnya melihat hubungannya dengan pencapaian bahasa Jerman. Diharapkan hasil kajian ini boleh membantu para pensyarah untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar dalam mempelajari bahasa Jerman dan seterusnya dapat memperbaiki gaya pengajaran mereka agar pelajar lebih berminat untuk mempelajari bahasa Jerman.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan mengenai kaedah yang digunakan di dalam kajian untuk mendapatkan keputusan yang sah dan boleh dipercayai. Antara aspek-aspek yang dibincangkan termasuklah kaedah kajian, lokasi kajian, sampel kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data dan penganalisan data. Menurut Sulaiman Basri (2005), reka bentuk penyelidikan ialah perancangan yang menentukan cara penyelidikan dijalankan untuk menemukan jawapan kepada permasalahan penyelidikan yang telah ditetapkan.

#### **3.1 Kaedah Kajian**

Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif dan kaedah tinjauan akan digunakan untuk memungut data dalam kajian ini. Memandangkan responden kajian adalah ramai iaitu sebanyak 190 orang maka pengkaji akan menggunakan soal selidik sebagai alat untuk mengumpulkan maklumat. Pengkaji menggunakan soal selidik dalam kajian ini kerana ia boleh dilakukan ke atas sampel yang besar, hasil kajian dapat dianalisis dengan cepat, menjimatkan kos dan juga hasil kajian dapat digeneralisasi kepada populasi dengan tepat dan berkesan (Chua, 2006). Selain itu, kajian ini juga merupakan kajian korelasi yang mengukur hubungkait antara dua pembolehubah yang menerangkan kekuatan kaitan dan juga sama ada ianya signifikan atau tidak (Mohd Majid, 1999) dalam Zubaidah Begam Mohamed Zakaria (2007). Kajian ini akan melihat hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar-pelajar diploma di GMI, Kajang.



### **3.2 Lokasi Kajian**

Kajian ini dijalankan di Institut Jerman-Malaysia (GMI), Kajang, Selangor. Seramai 190 orang pelajar Diploma lelaki dan perempuan yang berada di tahun pertama dan kedua terlibat dalam kajian ini. Responden diminta menjawab soal selidik semasa berada di bilik kuliah.

### **3.3 Persampelan Dan Responden Kajian**

Populasi kajian ini adalah pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Jerman tahap 1 iaitu pelajar-pelajar diploma dari program Industri Elektronik dan program Teknologi Pengeluaran tahun pertama dan kedua. Walaupun responden adalah dari bidang yang sama iaitu bidang Kejuruteraan namun pengkhususan yang diikuti adalah berbeza. Pengkhususan yang terlibat adalah Teknologi Acuan (MOULD), Teknologi Acuan dan Perkakasan (DIE), Mekatronik (MECHA), Instrumensi Proses dan Kawalan (PIC), Elektronik Dan Teknologi Maklumat (EIT), Rekabentuk Produk dan Pembuatan (PDM), Teknologi Kejituan Pemesinan CNC (CNC) dan Keselamatan Rangkaian (NS).

Jumlah responden adalah seramai 190 pelajar. Kebanyakan pelajar datang dari pelbagai negeri, berbangsa Melayu, berumur diantara 19-25 tahun dan pelajar dari lepasan Sijil Pelajaran Malaysia, Institut Kemahiran Mara dan Institut Latihan Perindustrian. Responden juga mempunyai latar belakang keluarga dan sosio ekonomi yang berbeza. Selain itu, responden kajian terdiri daripada pelajar-pelajar lelaki dan perempuan yang tidak pernah mempelajari bahasa Jerman sebelum mendaftarkan diri sebagai pelajar di GMI. Dalam pemilihan responden, pengkaji menggunakan kaedah persampelan

bertujuan. Ini kerana hanya pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa Jerman tahap satu sahaja dipilih sebagai sampel kajian.

Bagi mendapatkan bilangan sampel kajian yang lebih tepat dan jitu maka formula yang telah diasaskan oleh Krejcie dan Morgan, (1970) telah digunapakai dalam kajian ini. Penggunaan formula ini dianggap tepat kerana ianya dapat menganggarkan bilangan yang sepatutnya dipilih untuk menjadi subjek kajian dalam sesebuah populasi. Berikut merupakan formula asas yang digunakan dalam pemilihan subjek dalam kajian ini:

$$s = X^2NP (1-P) \div d^2 (N -1) + X^2P (1-P)$$

$s$  = Sampel kajian yang diperlukan

$X^2$  = 3.841 (Nilai pada jadual Chi-square bahagian 1 darjah kebebasan)

$N$  = Saiz populasi

$P$  = Nisbah populasi (0.50)

$d$  = Darjah ketepatan (0.05)

Berikut merupakan langkah-langkah pengiraan bagi menentukan bilangan sampel kajian bagi pelajar Diploma tahun pertama dan kedua yang mengikuti kelas bahasa Jerman tahap 1 di GMI yang mempunyai jumlah pelajar sebanyak 361 orang.

$$\begin{aligned} s &= X^2NP (1-P) \div d^2 (N -1) + X^2P (1-P) \\ &= 3.841 (361) (0.50) (1-0.50) \div 0.05^2 (361-1) + 3.841 (0.50) (1-0.50) \\ &= 3.841 (180.5) (0.5) \div 0.0025 (360) + 3.841 (0.50) (0.5) \\ &= 3.841 (90.25) \div 0.9 + 3.841 (0.25) \\ &= 346.65 \div 0.9 + 0.96 \end{aligned}$$

$$= 346.65 \div 1.86$$

$$= 186.37$$

$$s = 186 \text{ orang}$$

Melalui pengiraan di atas, maka dapat dinyatakan bahawa bilangan individu yang sepatutnya menjadi subjek kajian adalah seramai 186 orang. Walau bagaimanapun, setelah kajian ini dijalankan didapati bahawa jumlah keseluruhan subjek yang berjaya diperolehi adalah seramai 190 orang. Oleh itu, ianya dianggap menepati keperluan bilangan subjek kajian dalam kajian ini. Jadual 3.1 menunjukkan taburan responden mengikut latar belakang demografi iaitu jantina responden. Dapatan taburan demografi menunjukkan bahawa bilangan keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 190 orang di mana responden lelaki adalah seramai 108 (56.8%) orang dan perempuan seramai 82 (43.2%) orang. Jumlah bilangan pelajar lelaki lebih ramai sebagai responden adalah kerana bidang kejuruteraan di monopoli oleh golongan lelaki.

Jadual 3.1 : Taburan Responden Mengikut Latarbelakang Demografi  
(n=190)

Latar belakang demogرافي	Kekerapan	Peratus (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	108	56.8
Perempuan	82	43.2
Min = 20.77, S.D = 1.33		

### 3.4 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa instrumen terhadap pelajar iaitu :

- i) Soal selidik *Index of Learning Styles* (ILS) oleh Felder & Solomon (1991).
- ii) Soal selidik untuk mengumpul data pelajar dan maklumat-maklumat demografi.
- iii) Markah pencapaian peperiksaan akhir semester Januari-Jun 2010.

Soal selidik *Index of Learning Styles* (ILS) oleh Felder & Solomon yang diterjemahkan oleh Zubaidah Begam Binti Mohamed Zakaria (2007) dari bahasa Inggeris ke dalam bahasa Malaysia digunakan dalam kajian ini. Pada tahun 1991, Felder dan Solomon telah mengubah instrumen ILS yang mempunyai 44 soalan berdasarkan model gaya pembelajaran Felder dan Silvermann (1988). Instrumen *Index of Learning Styles* terbahagi kepada empat skala gaya pembelajaran iaitu *Visual/Verbal*, *Active/Reflective*, *Sensing/Intuitive* dan *Sequential/Global*. Gaya pembelajaran *Active/Reflective* adalah asas daripada gabungan model *The Myers-Briggs Type Indicator* dan Kolb iaitu *Active experimentation/Reflective observation*. Manakala gaya pembelajaran *Sensing/Intuitive* pula adalah asas daripada model *The Myers-Briggs Type Indicator*.

Pengkaji memilih dan menggunakan instrumen ILS kerana instrumen ini mempunyai aras kebolehpercayaan dan kesahihannya yang diyakinkan. Selain itu, setiap soalan dari soal selidik Felder & Solomon (1991) juga dipecahkan kepada lapan dimensi gaya pembelajaran. Dimensi gaya pembelajaran ini menunjukkan bahawa seseorang pelajar bukan hanya mempunyai satu gaya pembelajaran tetapi mempunyai lapan gaya pembelajaran. Setiap gaya pembelajaran iaitu *Visual/Verbal*, *Active/Reflective*,

*Sensing/Intuitive* dan *Sequential/Global* boleh digunakan mengikut keadaan. Ini berbeza bagi inventori lain contohnya model dunn & dunn (1978). Model ini hanya mempunyai lima gaya pembelajaran iaitu kategori persekitaran, emosional, sosiologikal, fizikal dan psikologikal serta kemahiran belajar.

Set soal selidik untuk kajian ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

#### **3.4.1 Bahagian A – Maklumat Pelajar**

Bahagian A adalah soal selidik yang berkaitan dengan maklumat pelajar seperti jantina, umur, pengkhususan pengajian, tahun pengajian dan gred bahasa Jerman Tahap I.

#### **3.4.2 Bahagian B – Index Of Learning Style (ILS)**

Bahagian B berkaitan dengan set soal selidik *Index of Learning Style (ILS)*. Borang soal selidik ini mempunyai 44 soalan yang perlu dijawab oleh responden dan ia juga mempunyai empat dimensi. Setiap dimensi pula masing-masing mempunyai empat sub-skala iaitu Pemprosesan (*Active/Reflective Learners*), Persepsi (*Sensing/Intuitive Learners*), Input (*Visual/Verbal Learners*) dan Pemahaman (*Sequential/Global Learners*). Setiap dimensi mengandungi 11 item yang berformatkan pilihan paksaan (*forced choice or selected respons*) dan setiap jawapan mempunyai dua pilihan yang disediakan iaitu 'a' atau 'b'. Setiap responden dikehendaki memilih salah satu jawapan yang disediakan. Sekiranya kedua-dua jawapan adalah berkaitan, maka responden dikehendaki memilih kriteria yang paling kerap digunakan.

Isi kandungan soal selidik yang dijalankan terbahagi kepada dua bahagian dapat dirumuskan seperti jadual 3.2 dan pecahan item mengikut empat dimensi dan empat sub-skala gaya pembelajaran Felder & Solomon jadual 3.3 di bawah (Zubaidah Begam Mohamed Zakaria, 2007).

Jadual 3.2 : Kandungan Soal Selidik Kajian

<b>Kandungan</b>	<b>Pernyataan</b>	<b>Bil. Item</b>	<b>Pembolehubah</b>
Bahagian A	Latar Belakang Responden	5	Bebas
Bahagian B	Learning Styles (Gaya Pembelajaran)		
	• <i>Active/Reflective</i>	11	Bersandar
	• <i>Sensing/Intuitive</i>	11	
	• <i>Visual/Verbal</i>	11	
	• <i>Sequential/Global</i>	11	
<b>Jumlah</b>		<b>49</b>	

Jadual 3.3: Pecahan Item mengikut 4 Dimensi dan 4 Sub-Skala Gaya Pembelajaran Felder & Solomon

<b>Dimensi dan Sub-skala</b>	<b>Item</b>	<b>Faktor</b>
Pemprosesan ( <i>Active/Reflective</i> )	25, 1, 29, 5, 17	Bertindak atau berfikir dahulu
	37, 13, 9	Bercampur gaul atau tidak ramah mesra
	21, 33, 41	Suka atau tidak suka kepada kerja berkumpulan
Persepsi ( <i>Sensing/Intuitive</i> )	38, 6, 18, 14, 2, 10, 34, 26, 22, 42, 30	Keutamaan kepada maklumat konkrit (fakta, data) atau abstrak (teori, model)
Input ( <i>Visual/Verbal</i> )	7, 31, 23, 11, 15	Format maklumat untuk masukan
	27, 19, 3, 35, 43, 39	Format maklumat adalah untuk mengingat balik
Pemahaman ( <i>Sequential/Global</i> )	20, 36, 44, 8, 12, 32, 24	Pemikiran secara linear atau rawak
	28, 4, 16, 40	Mengutamakan perincian atau gambaran keseluruhan

### 3.5 Kebolehpercayaan Dan Kesahihan *Index Of Learning Styles* (Felder & Solomon)

Penggunaan sesuatu alat kajian harus dikenal pasti dan diuji dari segi kebolehpercayaan dan kesahihannya. Menurut Sulaiman Basri (2005), kebolehpercayaan ialah ciri pengukur yang mampu menghasilkan jawapan dan nilai yang sama apabila fenomena variable diukur. Namun begitu, nilai pengukur yang dihasilkan tidak selalunya tepat sebagaimana nilai sebenar. Walau bagaimanapun, sekiranya perbezaan antara nilai pengukuran dengan nilai sebenar kecil, maka alat atau pengukur itu boleh dipercayai. Kesahihan pula merupakan bentuk pengukuran yang tetap dan kesahihan pengukuran bermakna alat tersebut mengukur variable yang tertentu sahaja (Sulaiman Basri, 2005).

Dalam kajian ini, pengkaji memilih alat kajian ILS kerana penggunaannya yang meluas di serata dunia dalam pelbagai aspek pendidikan. Di samping itu, alat kajian ini juga telah diuji dari segi kebolehpercayaan dan kesahihannya. Menurut Ku & Shen (2009), sesuatu alat kajian dianggap baik sekiranya nilai kebolehpercayaan adalah berada dalam julat 0.5.

Instrumen kajian yang digunakan merupakan instrumen yang mempunyai aras kebolehpercayaan yang boleh diyakini. Berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh Livesay (2002) dan Zywno (2003) dalam Felder dan Spurlin (2005), mendapati bahawa dalam membuat *Test-retest correlation coefficients* untuk empat sub-skala yang terdapat dalam instrumen mempunyai perbezaan diantara 0.7 dan 0.9 dalam kajian pertama dan ujian berikutnya iaitu selama lapan bulan. Kesemua *coefficients* adalah signifikan ditahap 0.5 atau lebih. Jadual 3.4 menunjukkan *test-retest correlation coefficients* (Livesay).

Jadual 3.4 : *Test-Retest Correlation Coefficients*

<b>Δt</b>	<b>Act/Ref</b>	<b>Sen/Int</b>	<b>Vis/Ver</b>	<b>Seq/Glo</b>	<b>N</b>	<b>Reference</b>
4 wk.	0.804**	0.787**	0.870**	0.725**	46	Seery
7 mo.	0.73*	0.78*	0.68*	0.60**	24	Livesay
8 mo.	0.683**	0.678**	0.511**	0.505**	124	Zywno

Manakala *Cronbach alpha coefficient* pula menunjukkan kriteria pemilihan berada pada tahap 0.5 dan lebih. Ini boleh dilihat pada jadual 3.5 yang menunjukkan kesahihan pada alat ujian *Index of learning Styles* yang digunakan.

Jadual 3.5 : Cronbach Alpha Coefficients

<b>Act/Ref</b>	<b>Sen/Int</b>	<b>Vis/Ver</b>	<b>Seq/Glo</b>	<b>N</b>	<b>Source</b>
0.56	0.72	0.60	0.54	242	Livesay
0.62	0.76	0.69	0.55	584	Spurlin
0.51	0.65	0.56	0.41	284	Van Zwanenberg
0.60	0.70	0.63	0.53	557	Zywno

Berdasarkan jadual 3.5 di atas, didapati nilai-nilai pekali Alpha bagi setiap dimensi adalah baik dan dapatlah dirumuskan bahawa penggunaan *Index of Learning Styles* yang dibina oleh Felder dan Solomon adalah instrumen yang boleh dipercayai dan sesuai untuk menilai gaya pembelajaran.

### 3.6 Skala Pemarkahan

*Index of Learning Style (ILS)* digunakan untuk menguji dimensi responden dalam bentuk pilihan sama ada 'a' atau 'b'. Item-item bagi sub-skala disusun dalam turutan seperti di dalam jadual 3.6 di bawah (Zubaidah Begam Mohamed Zakaria, 2007).



Jadual 3.6 : Pecahan Item-Item Mengikut Sub-Skala

Item Sub-Skala	Bil. Item
<i>Active dan reflective learners</i> Q1 + Q5 + Q9 + Q13 + Q17 + Q21 + Q25 + Q29 + Q33 + Q37 + Q41	11
<i>Sensing dan intuitive learners</i> Q2 + Q6 + Q10 + Q14 + Q18 + Q22 + Q26 + Q30 + Q34 + Q38 + Q42	11
<i>Visual dan verbal learners</i> Q3 + Q7 + Q11 + Q15 + Q19 + Q23 + Q27 + Q31 + Q35 + Q39 + Q43	11
<i>Sequential dan global learners</i> Q4 + Q8 + Q12 + Q16 + Q20 + Q24 + Q28 + Q32 + Q36 + Q40 + Q44	11
<b>Jumlah</b>	<b>44</b>

### 3.7 Cara Pemarkahan

Responden yang mendapat nilai '1a' dalam sub-skala *Active* dan *Reflective learners* dikatakan mempunyai gaya pembelajaran *Active* dan *Reflective learners* yang seimbang. Sebaliknya, jika responden mendapat nilai '11a', maka ia seorang *Active learner* yang tinggi. Responden yang mendapat nilai '5a' pula dikatakan sebagai seorang *Active learner* yang sederhana. Jadual 3.7 di bawah menunjukkan frekuensi kekuatan dan frekuensi kelemahan bagi setiap dimensi sub-skala gaya pembelajaran (Zubaidah Begam Mohamed Zakaria, 2007).

3.7: Jadual Rujukan Kekuatan Dan Kelemahan Setiap Dimensi Sub-Skala

Bil.	Skor Manual	Kod / Tahap	Gaya Pembelajaran			
			<i>Active</i>	<i>Sensing</i>	<i>Visual</i>	<i>Sequential</i>
1	11a – 0b = 11a	Tinggi	<i>Active</i>	<i>Sensing</i>	<i>Visual</i>	<i>Sequential</i>
2	10a – 1b = 9a		<i>Active</i>	<i>Sensing</i>	<i>Visual</i>	<i>Sequential</i>
3	9a – 2b = 7a	Sederhana	<i>Active</i>	<i>Sensing</i>	<i>Visual</i>	<i>Sequential</i>
4	8a – 3b = 5a		<i>Active</i>	<i>Sensing</i>	<i>Visual</i>	<i>Sequential</i>
5	7a – 4b = 3a	Seimbang	<i>Active</i>	<i>Sensing</i>	<i>Visual</i>	<i>Sequential</i>
6	6a – 5b = 1a		<i>Active</i>	<i>Sensing</i>	<i>Visual</i>	<i>Sequential</i>
7	5a – 6b = 1b		<i>Reflective</i>	<i>Intuitive</i>	<i>Verbal</i>	<i>Global</i>
8	4a – 7b = 3b		<i>Reflective</i>	<i>Intuitive</i>	<i>Verbal</i>	<i>Global</i>
9	3a – 8b = 5b	Sederhana	<i>Reflective</i>	<i>Intuitive</i>	<i>Verbal</i>	<i>Global</i>
10	2a – 9b = 7b		<i>Reflective</i>	<i>Intuitive</i>	<i>Verbal</i>	<i>Global</i>
11	1a – 10b = 9b	Tinggi	<i>Reflective</i>	<i>Intuitive</i>	<i>Verbal</i>	<i>Global</i>
12	0a – 11b = 11b		<i>Reflective</i>	<i>Intuitive</i>	<i>Verbal</i>	<i>Global</i>

### 3.8 Penerangan Skor

- Gaya pembelajaran dikatakan lemah pada skor 1-3 dalam sesuatu kategori. Contohnya, pada skor '1a' yang diperolehi dalam kategori *Active/Reflective* menunjukkan seseorang itu lemah dalam kategori *Active*. Menurut Felder, gaya pembelajaran pada tahap ini adalah seimbang dalam proses pembelajaran kerana seseorang individu boleh menerima cara pembelajaran yang berlainan.
- Gaya pembelajaran yang sederhana pula berada pada skor 5-7. Contohnya, seseorang individu yang mendapat skor '5a' dalam kategori *Active/Reflective*. Gaya pembelajaran individu itu tergolong dalam gaya pembelajaran sederhana *Active*. Seperti gaya pembelajaran tahap seimbang, individu pada tahap ini juga tidak mempunyai masalah untuk menyesuaikan diri dalam lain-lain gaya pembelajaran dan corak pengajaran.
- Gaya pembelajaran yang tinggi dalam sesuatu kategori mempunyai skor 9-11. Menurut Felder, seseorang individu yang mempunyai gaya pembelajaran yang tinggi pada sesuatu kategori akan mempunyai masalah dalam proses pembelajaran sekiranya gaya pengajaran tidak sepadan dengan gaya pembelajaran.

Gaya pembelajaran yang dominan iaitu pada skor 1-3 dikatakan berada pada tahap yang seimbang. Pada tahap gaya pembelajaran yang seimbang pula boleh membantu pelajar dalam menerima pelbagai strategi pengajaran yang digunakan oleh seseorang guru tanpa sebarang masalah.

### **3.9 Prosedur Pengumpulan Data**

Sebelum pengkaji mengedarkan soal selidik kepada responden, penyelidik terlebih dahulu mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian ini dengan bertemu pihak pentadbir di bahagian *Research Development Centre*, GMI. Bagi memudahkan pengedaran soal selidik, penyelidik mendapatkan maklumat-maklumat mengenai bilangan pelajar, jadual waktu kuliah dan nama pensyarah yang mengajar daripada pejabat *Research Development Centre*.

Selepas mendapatkan semua maklumat yang diperlukan, pengkaji seterusnya menghubungi pensyarah-pensyarah yang terlibat bagi memohon kerjasama menggunakan masa mereka. Pengkaji sendiri mengedarkan soal selidik kepada beberapa kelas yang terlibat. Pengedaran soal selidik dijalankan selama empat hari mengikut jadual yang telah diberikan oleh pihak pentadbir. Setiap kelas diberi masa 30 minit untuk menjawab soal selidik yang telah diberikan. Sebelum responden menjawab soalan, pengkaji terlebih dahulu menerangkan tujuan kajian dijalankan, cara menjawab soal selidik dan tekankan aspek kejujuran semasa menjawab soalan. Penerangan sebelum menjawab soal selidik perlu dilakukan untuk memastikan sampel yang dipilih dapat menerima arahan dengan jelas untuk menjawab soal selidik dan penyelidik dapat mengumpul kembali soal selidik yang telah diedarkan tanpa sebarang masalah.

### **3.10 Analisis Data**

Data berkenaan dengan gaya pembelajaran pelajar Diploma dalam mempelajari bahasa Jerman yang telah diperolehi seterusnya dianalisis. Analisis data atau proses menukarkan data tersebut kepada maklumat berguna (informasi) dijalankan dengan

menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 16.0. Analisis data ini adalah bergantung kepada objektif kajian yang telah dinyatakan. Terdapat dua peringkat yang terlibat dalam analisis kajian ini iaitu:

1. Kaedah deskriptif iaitu analisis untuk menyatakan min, kekerapan, peratusan, sisihan piawai (S.D), nilai tertinggi dan juga nilai terendah. Kaedah ini amat sesuai dilakukan terhadap analisis latarbelakang demografik subjek kajian.
2. Kaedah inferensi iaitu analisis yang melibatkan ujian-*t*, ANOVA dan *Korelasi Person*. Ujian-*t* digunakan untuk melihat perbezaan gaya pembelajaran pelajar berdasarkan jantina, analisis ANOVA bagi melihat perbezaan gaya pembelajaran pelajar berdasarkan program pengajian serta *Korelasi Pearson* untuk melihat hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik dalam mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1.

### **3.11 Kesimpulan**

Metodologi yang digunakan dalam bab ini dibuat untuk menjawab persoalan kajian dalam bab 1. Maklumat yang diperolehi diproses dan dianalisis berdasarkan objektif kajian. Kaedah soal selidik yang digunakan juga adalah sangat mudah bagi pelajar kerana mereka hanya memilih dua pilihan jawapan yang diberikan. Segala keputusan yang diperolehi diterangkan secara terperinci dibahagian bab perbincangan.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bahagian ini akan membentangkan dan menghuraikan segala hasil kajian yang telah dianalisis berdasarkan kepada soalan kajian. Kesemua data telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) 16.0 bagi menjawab persoalan kajian. Penganalisan maklumat berkenaan dengan hubungan antara gaya pembelajaran para pelajar GMI dengan pencapaian akademik bagi bahasa Jerman tahap 1 telah dilakukan dengan menggunakan kaedah deskriptif (kekerapan, min, sisihan piawai dan peratusan) dan juga menggunakan kaedah inferensi (ujian-*t*, ANOVA dan *Korelasi Pearson*). Aras signifikan telah ditetapkan adalah pada  $\alpha=.05$  iaitu pada aras keyakinan 95%.

#### 4.1 Demografi Responden

Jadual 4.1a menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Responden lelaki yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 108 (56.8%) orang manakala pelajar perempuan pula seramai 82 (43.2%) orang. Jumlah keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 190 orang. Bilangan responden lelaki adalah ramai kerana bidang Kejuruteraan dimonopoli oleh mereka dan pelajar perempuan pula kurang berminat belajar dalam bidang teknikal.

Jadual 4.1a : Taburan Responden Mengikut Jantina (n=190)

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Lelaki	108	56.8
Perempuan	82	43.2

Berdasarkan jadual 4.1b, didapati bahawa responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 8 pengkhususan yang berbeza dimana responden dari pengkhususan MECHA merupakan responden yang paling ramai terlibat iaitu seramai 55 (28.9%) orang. Ini diikuti dengan responden pengkhususan PIC iaitu seramai 44 (23.2%) orang. Bagi responden dari pengkhususan NWS dan MOT adalah responden yang paling sedikit terlibat iaitu masing-masing hanya 3 (1.6%) dan 1 (.5%) orang sahaja.

Jadual 4.1b : Taburan Responden Mengikut Pengkhususan

<b>Pengkhususan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
MECHA	55	28.9
PIC	44	23.2
PDM	28	14.7
CPT	24	12.7
EIT	20	10.5
DIE	15	7.9
NWS	3	1.6
MOT	1	.5

Manakala jadual 4.1c iaitu markah dan gred mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1 yang telah diduduki oleh responden pada akhir semester. Didapati bahawa min markah mata pelajaran tersebut adalah 58.89% (S.D=13.41) iaitu pada gred C. Markah maksimum yang diperolehi adalah sebanyak 83% iaitu pada gred A- dan minimum adalah sebanyak 25% iaitu pada gred F. Kebanyakan responden yang terlibat telah memperolehi markah di antara 59.5% hingga 64% dan 54.5% hingga 59% iaitu masing-masing seramai 28 (14.7%) orang iaitu bersamaan dengan gred C+ dan C. Hanya seramai 4

(2.1%) responden yang memperoleh markah di antara 34.5% hingga 39% iaitu pada gred E yang juga merupakan jumlah responden paling sedikit. Seramai 16 (8.4%) responden telah memperoleh gred A- manakala seramai 6 (3.2%) responden telah memperoleh gred F iaitu pada gred gagal.

Seperti yang dinyatakan di atas, kebanyakan responden memperoleh gred C+ dan C. Pencapaian pelajar cuma ditahap ini kerana responden tidak pernah mempelajari bahasa Jerman sebelum menjadi pelajar di GMI dan ini adalah tahun pertama bagi mereka mempelajari bahasa Jerman. Selain itu, faktor tidak tahu menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai dalam mempelajari bahasa Jerman juga penyebab kepada pencapaian yang kurang memuaskan.

Jadual 4.1c : Taburan Responden Mengikut Markah dan Gred Bahasa Jerman Tahap 1

<b>Markah dan Gred Bahasa Jerman Tahap 1</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
79.5-84 (A- )	16	8.4
74.5-79 (B+)	13	6.8
69.5-74 (B )	21	11.1
64.5-69 (B- )	17	8.9
59.5-64 (C+)	28	14.7
54.5-59 (C )	28	14.7
49.5-54 (C-)	20	10.5
44.5-49 (D )	20	10.5
39.5-44 (D-)	17	8.9
34.5-39 (E )	4	2.1
0-34 (F )	6	3.2
Min = 58.89, S.D = 13.41, Min = 25, Max = 83		

## 4.2 Gaya Pembelajaran Responden

### 4.2.1 Gaya Pembelajaran Responden Secara Keseluruhan (n=190)

Analisis ataupun objektif pertama kajian ini adalah berkaitan dengan gaya pembelajaran responden iaitu pelajar-pelajar diploma dari pelbagai pengkhususan yang mempelajari bahasa Jerman. Berdasarkan ILS, setiap pelajar akan mempunyai lapan gaya pembelajaran yang diamalkan mengikut keutamaan masing-masing iaitu sama ada *Active/Reflective*, *Sensing/Intuitive*, *Visual/Verbal* ataupun *Sequential/Global*. Jadual 4.2 adalah gaya pembelajaran responden secara keseluruhan dan manakala jadual 4.3 4.4, 4.5 dan 4.6 adalah jadual menunjukkan gaya pembelajaran setiap responden berdasarkan empat dimensi. Jadual 4.7 pula berkenaan dengan jadual gaya pembelajaran yang menjadi keutamaan bagi setiap pelajar.

Jadual 4.2 di bawah menunjukkan tentang gaya pembelajaran responden secara keseluruhan mengikut kekerapan dan peratusan. Berdasarkan jadual di bawah, sebanyak 15.2 % orang pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran *Active* dan 1.1% pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran *Reflective*. Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran *Sensing* adalah sebanyak 5.3% dan gaya pembelajaran *Intuitive* sebanyak 0%. Gaya pembelajaran *Visual* dan *Verbal* masing-masing sebanyak 38.9 % dan 0%. Sebanyak 4.7% pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran *Sequential* dan 4.2% mengamalkan gaya pembelajaran *Global*.

Secara keseluruhannya didapati bahawa gaya pembelajaran *Visual* iaitu sebanyak 38.9% menjadi gaya pembelajaran yang paling dominan bagi pelajar Diploma di GMI dalam mempelajari bahasa Jerman. Gaya pembelajaran *Visual* menjadi keutamaan bagi semua



responden yang mempelajari bahasa Jerman tahap 1 kerana pelajar mudah untuk belajar dengan apa yang dilihat semasa belajar. Mereka juga suka sekiranya guru mengajar dengan menggunakan alat bantu mengajar seperti gambar rajah dan carta alir. Gaya pembelajaran *Intuitive dan Verbal* pula tidak digemari oleh pelajar semasa belajar bahasa Jerman tahap 1 kerana pelajar tidak suka sekiranya guru memberikan penerangan secara lisan, tidak suka belajar secara teori dan mereka juga tidak suka mendengar kuliah tanpa melihat gambar rajah ataupun video.

Jadual 4.2: Taburan Gaya Pembelajaran Responden Secara Keseluruhan Mengikut Kekerapan Dan Peratusan(n=190)

Gaya Pembelajaran	Kekerapan	Peratusan (%)
<i>Active</i>	29	15.2
<i>Reflective</i>	2	1.1
<i>Sensing</i>	10	5.3
<i>Intuitive</i>	-	-
<i>Visual</i>	74	38.9
<i>Verbal</i>	-	-
<i>Sequential</i>	9	4.7
<i>Global</i>	8	4.2

#### 4.2.1.1 Gaya Pembelajaran Responden Mengikut Dimensi *Active/Reflective*

Berdasarkan jadual 4.3, menunjukkan tentang taburan responden terhadap gaya pembelajaran *Active/Reflective* secara keseluruhan di dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1. Berdasarkan kepada jadual tersebut, dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan responden mengamalkan gaya pembelajaran *Active* sederhana iaitu seramai 92 (48.4%) orang. Ini diikuti dengan gaya pembelajaran *Active* seimbang iaitu seramai 41 (21.6%) orang. Manakala gaya pembelajaran *Reflective* sederhana dan *Reflective* tinggi merupakan gaya pembelajaran yang kurang digemari oleh kebanyakan responden iaitu masing-masing hanya merekodkan 2 (1.1%) orang sahaja.

Dapat disimpulkan disini bahawa kebanyakan responden mengamalkan gaya pembelajaran *Active* iaitu seramai 121 (63.6%) orang berbanding *Active/Reflective* seimbang iaitu seramai 65 (34.2%) orang dan *Reflective* hanya seramai 4 (2.2%) orang sahaja.

Gaya pembelajaran *Active* menjadi keutamaan pelajar Diploma dalam mempelajari bahasa Jerman kerana mereka suka melakukan sesuatu tugas secara berkumpulan. Tugas yang diberikan akan dibincangkan dan diselesaikan secara bersama. Gaya pembelajaran *Reflective* tidak menjadi pilihan kerana pelajar tidak suka belajar secara bersendirian, tidak suka berfikir dan sukar untuk mengingat sesuatu perkara.

Jadual 4.3 : Taburan Responden Secara Keseluruhan Terhadap Gaya Pembelajaran *Active/Reflective* (n=190)

<b>Tahap</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
<i>Active</i> Tinggi	29	15.2
<i>Active</i> Sederhana	92	48.4
<i>Active</i> Seimbang	41	21.6
<i>Reflective</i> Seimbang	24	12.6
<i>Reflective</i> Sederhana	2	1.1
<i>Reflective</i> Tinggi	2	1.1

#### 4.2.1.2 Gaya Pembelajaran Responden Mengikut Dimensi *Sensing/Intuitive*

Jadual 4.4 di bawah menunjukkan tentang taburan responden terhadap gaya pembelajaran *Sensing/Intuitive* secara keseluruhan dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1. Didapati bahawa kebanyakan responden mengamalkan gaya pembelajaran *Sensing* seimbang iaitu seramai 83 (43.7%) orang dan diikuti dengan gaya pembelajaran *Intuitive* seimbang iaitu seramai 51 (26.8%) orang. Dapatan juga menunjukkan bahawa gaya pembelajaran *Intuitive* sederhana dan *Sensing* tinggi merupakan gaya

pembelajaran yang tidak menjadi keutamaan bagi kebanyakan responden iaitu masing-masing hanya 12 (6.3%) dan 10 (5.3%) orang sahaja. Kesimpulannya, lebih ramai responden yang mengamalkan gaya pembelajaran *Sensing/Intuitive* seimbang iaitu seramai 134 (70.5%) orang berbanding dengan gaya pembelajaran *Sensing* iaitu hanya seramai 44 (23.2%) orang dan *Intuitive* iaitu hanya seramai 12 (6.3%) orang sahaja.

Pelajar Diploma memilih gaya pembelajaran *Sensing/Intuitive* seimbang dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1 kerana mereka boleh menjadi pelajar yang fleksible. Ini bermaksud gaya pembelajaran pelajar Diploma dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1 boleh berubah-ubah mengikut keadaan sama ada *Sensing* ataupun *Intuitive*. Ada waktu pelajar boleh melaksanakan sesuatu tugas secara ‘hands-on’ dan pada masa tertentu mereka juga boleh belajar secara teori. Contohnya, dalam pembelajaran bahasa Jerman pelajar boleh menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan oleh pensyarah dan mereka juga boleh menyelesaikan sesuatu tugas dengan membaca nota yang diberikan oleh pensyarah.

Jadual 4.4 : Taburan Responden Secara Keseluruhan Terhadap Gaya Pembelajaran *Sensing/Intuitive* (n=190)

<b>Tahap</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
<i>Sensing</i> Tinggi	10	5.3
<i>Sensing</i> Sederhana	34	17.9
<i>Sensing</i> Seimbang	83	43.7
<i>Intuitive</i> Seimbang	51	26.8
<i>Intuitive</i> Sederhana	12	6.3
<i>Intuitive</i> Tinggi	-	-

#### 4.2.1.3 Gaya Pembelajaran Responden Mengikut Dimensi *Visual/Verbal*

Jadual 4.5 pula menunjukkan tentang taburan responden secara keseluruhan terhadap gaya pembelajaran *Visual/Verbal* dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1. Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan responden mengamalkan gaya pembelajaran *Visual* sederhana iaitu seramai 87 (45.8%) orang. Manakala gaya pembelajaran *Visual* tinggi menjadi pilihan kedua iaitu seramai 74 (38.9%) orang. Hanya 9 (4.7%) responden sahaja yang menjadikan gaya pembelajaran *Verbal* seimbang sebagai gaya pembelajaran dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1 iaitu merupakan jumlah yang paling sedikit. Secara keseluruhannya, kebanyakan responden mengamalkan gaya pembelajaran *Visual* iaitu seramai 161 (84.7%) orang dan hanya 29 (15.2%) sahaja responden yang mengamalkan gaya pembelajaran *Visual/Verbal* seimbang manakala 0% bagi gaya pembelajaran *Verbal*.

Gaya pembelajaran *Visual* menjadi keutamaan bagi pelajar Diploma di GMI dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1 kerana mereka boleh mengingat dan memahami sesuatu melalui penglihatan dan mereka juga gemar apabila guru mengajar dengan menggunakan alat bantu mengajar seperti gambar rajah. Penggunaan gambar rajah dalam mempelajari bahasa Jerman adalah sangat sesuai kerana ia boleh membantu pelajar untuk mengetahui maksud sesuatu perkataan dan seterusnya dapat mengingat apa yang telah dilihat dan dipelajari. Gaya pembelajaran *Verbal* tidak menjadi pilihan kerana pelajar yang mempelajari bahasa Jerman tidak suka apabila pensyarah hanya bercakap di dalam kelas tanpa menggunakan alat bantu mengajar.

Jadual 4.5 : Taburan Responden Secara Keseluruhan Terhadap Gaya Pembelajaran *Visual/Verbal* (n=190)

<b>Tahap</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
<i>Visual</i> Tinggi	74	38.9
<i>Visual</i> Sederhana	87	45.8
<i>Visual</i> Seimbang	20	10.5
<i>Verbal</i> Seimbang	9	4.7
<i>Verbal</i> Sederhana	-	-
<i>Verbal</i> Tinggi	-	-

#### 4.2.1.4 Gaya Pembelajaran Responden Mengikut Dimensi

##### *Sequential/Global*

Jadual 4.6 menunjukkan tentang taburan responden terhadap gaya pembelajaran *Sequential/Global* secara keseluruhan dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1. Jadual ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mengamalkan gaya pembelajaran *Sequential* seimbang dan *Global* seimbang iaitu masing-masing seramai 65 (34.2%) dan 62 (32.6%) orang. Manakala gaya pembelajaran *Sequential* tinggi (4.7%) dan *Global* tinggi (4.2%) merupakan gaya pembelajaran yang tidak menjadi keutamaan bagi kebanyakan responden. Dapat disimpulkan bahawa gaya pembelajaran *Sequential & Global* seimbang merupakan gaya pembelajaran yang lebih digemari oleh responden iaitu seramai 127 (66.8%) orang berbanding gaya pembelajaran *Sequential* seramai 39 (20.5%) dan *Global* iaitu seramai 24 (12.6%) orang sahaja.

Pelajar Diploma memilih gaya pembelajaran *Sequential & Global* seimbang dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1 kerana mereka boleh menjadi pelajar yang fleksible. Pelajar boleh memberi tumpuan kepada sesuatu perkara dan dalam masa yang sama mereka juga dapat menghubungkan antara satu perkara dengan satu perkara lain. .

Ini bermaksud gaya pembelajaran pelajar Diploma dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1 boleh berubah-ubah mengikut keadaan sama ada gaya pembelajaran *Sequential* ataupun *Global*.

Jadual 4.6 : Taburan Responden Secara Keseluruhan Terhadap Gaya Pembelajaran *Sequential/Global* (n=190)

<b>Tahap</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
<i>Sequential</i> Tinggi	9	4.7
<i>Sequential</i> Sederhana	30	15.8
<i>Sequential</i> Seimbang	65	34.2
<i>Global</i> Seimbang	62	32.6
<i>Global</i> Sederhana	16	8.4
<i>Global</i> Tinggi	8	4.2

#### 4.2.1.5 Keutamaan Gaya Pembelajaran Responden Secara Keseluruhan

Jadual 4.7 menunjukkan gaya pembelajaran yang menjadi keutamaan pelajar-pelajar GMI mengikut kekerapan dan peratusan dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1. Secara keseluruhannya, gaya pembelajaran *Visual* (84.7%), *Sensing & Intuitive* seimbang (70.5%) dan *Sequential & Global* seimbang (66.8%) merupakan gaya pembelajaran yang utama diamalkan oleh responden dalam mempelajari bahasa Jerman. Manakala gaya pembelajaran *Intuitive* (6.3%), *Reflective* (2.2%) dan *Verbal* (0%) tidak menjadi amalan bagi responden dalam mempelajari bahasa Jerman.

Gaya pembelajaran secara *Visual* ini menunjukkan bahawa pelajar Diploma di GMI mempunyai kelebihan mengingat dengan baik dengan apa yang telah dilihat seperti gambar, lukisan, gambarajah bersiri, filem dan demonstrasi berbanding dengan apa yang didengar dan dituturkan (Felder & Silverman, 1988; Felder & Solomon, 1991). Oleh sebab itu, pelajar lebih gemar apabila pensyarah mengajar dengan menggunakan alat bantu mengajar serta menggunakan banyak persembahan grafik dalam proses

pengajaran kerana ia akan membantu mereka dalam proses pembelajaran dengan lebih efektif lagi. Gaya pembelajaran *Intuitive*, *Reflective* dan *Verbal* tidak menjadi pilihan bagi pelajar Diploma dalam mempelajari bahasa Jerman kerana pelajar di GMI tidak suka belajar secara teori, tidak suka kepada pembelajaran secara kuliah ataupun lisan serta pelajar di GMI juga sukar untuk berfikir dan mengingat sesuatu perkara apabila ianya tidak dilihat.

Jadual 4.7: Keutamaan Gaya Pembelajaran Keseluruhan Responden Mengikut Kekerapan Dan Peratusan

<b>Gaya Pembelajaran</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
<b>Keseluruhan (n=190)</b>		
<i>Visual</i>	161	84.7
<i>Sensing &amp; Intuitive</i> seimbang	134	70.5
<i>Sequential &amp; Global</i> seimbang	127	66.8
<i>Active</i>	121	63.6
<i>Active &amp; Reflective</i> seimbang	65	34.2
<i>Sensing</i>	44	23.2
<i>Sequential</i>	39	20.5
<i>Visual &amp; Verbal</i> seimbang	29	15.2
<i>Global</i>	24	12.6
<i>Intuitive</i>	12	6.3
<i>Reflective</i>	4	2.2
<i>Verbal</i>	0	0

#### 4.2.2 Gaya Pembelajaran Responden Berdasarkan Jantina

Analisis bagi menguji objektif kajian yang kedua pula berkaitan dengan gaya pembelajaran responden berdasarkan jantina. Jadual 4.8 adalah mengenai gaya pembelajaran responden secara keseluruhan mengikut jantina. Jadual 4.9, 4.10, 4.11 dan 4.12 merupakan jadual gaya pembelajaran bagi empat dimensi berdasarkan jantina. Jadual 4.13 pula menunjukkan keutamaan gaya pembelajaran keseluruhan responden berdasarkan jantina mengikut kekerapan dan peratusan.

Jadual 4.8 di bawah menunjukkan tentang gaya pembelajaran responden secara keseluruhan mengikut jantina. Dapatan kajian mendapati bahawa gaya pembelajaran *Visual* merupakan gaya pembelajaran yang paling digemari oleh responden lelaki dan responden perempuan iaitu sebanyak 37% dan 41.5%. Gaya pembelajaran *Active* pula menjadi pilihan kedua bagi responden lelaki (16.7%) dan responden perempuan (13.4%). Manakala gaya pembelajaran *Intuitive* dan *Verbal* pula iaitu masing-masing mendapat 0% tidak menjadi pilihan gaya pembelajaran pelajar Diploma di GMI dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1. Ini kerana pelajar Diploma di GMI tidak suka belajar secara teori dan juga tidak gemar apabila guru mengajar secara verbal ataupun lisan. mereka lebih suka apabila guru mengajar dengan menggunakan alat bantu mengajar seperti video, gambar rajah dan mereka juga suka menyelesaikan sesuatu tugas secara berkumpulan.

Jadual 4.8 : Gaya Pembelajaran Responden Secara Keseluruhan Mengikut Jantina

Gaya Pembelajaran	Lelaki (n=108)	Perempuan (n=82)	Keseluruhan (n=190)
<i>Active</i>	18 (16.7%)	11 (13.4%)	29 (15.2%)
<i>Reflective</i>	2 (1.9%)	-	2 (1.1%)
<i>Sensing</i>	8 (7.46%)	2 (2.4%)	10 (5.3%)
<i>Intuitive</i>	-	-	-
<i>Visual</i>	40 (37.0%)	34 (41.5%)	74 (38.9%)
<i>Verbal</i>	-	-	-
<i>Sequential</i>	8 (7.4%)	1 (1.1%)	9 (4.7%)
<i>Global</i>	4 (3.7%)	4 (4.9%)	8 (4.2%)

#### 4.2.2.1 Gaya Pembelajaran Responden Berdasarkan Jantina Mengikut

##### Dimensi *Active/Reflective*

Jadual 4.9 menunjukkan taburan responden berdasarkan jantina terhadap gaya pembelajaran *Active/Reflective* dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1. Dapatan menunjukkan bahawa responden lelaki dan juga perempuan mengamalkan gaya



pembelajaran *Active* sederhana sebagai gaya pembelajaran yang utama iaitu masing-masing seramai 49 (45.4%) dan 43 (52.4%) orang. Ini diikuti dengan gaya pembelajaran *Active* seimbang iaitu lelaki seramai 24 (22.2%) dan perempuan seramai 17 (20.7%) orang responden. Gaya pembelajaran *Reflective* tinggi adalah gaya pembelajaran yang kurang dipraktikkan oleh responden lelaki iaitu hanya merekodkan 2 (1.9%) orang sahaja.

Manakala bagi responden perempuan pula, gaya pembelajaran *Reflective* sederhana adalah kurang dipraktikkan iaitu hanya merekodkan 2 (2.4%) orang sahaja. Secara kesimpulannya, responden lelaki dan perempuan menyatakan bahawa mereka lebih mengamalkan gaya pembelajaran *Active* iaitu masing-masing 62.1% dan 65.8% berbanding dengan gaya pembelajaran *Active/Reflective* seimbang (36.1% bagi lelaki dan 31.7% bagi perempuan) dan gaya pembelajaran *Reflective* (1.9% bagi lelaki dan 2.4% bagi perempuan) dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1.

Responden lelaki dan perempuan lebih gemar mengamalkan gaya pembelajaran *Active* dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1 kerana mereka suka belajar dengan mencuba sesuatu dan kemudian menerangkan kepada kawan-kawan apa yang telah mereka pelajari. Contohnya, mereka akan bekerjasama dan bekerja secara berkumpulan untuk menyelesaikan sesuatu tugas yang telah diberikan oleh pensyarah semasa pembelajaran bahasa Jerman. Manakala gaya pembelajaran *Reflective* pula tidak menjadi pilihan kerana mereka tidak suka belajar secara individu dan melaksanakan tugas secara bersendirian.

Jadual 4.9 : Taburan Responden Berdasarkan Jantina Terhadap Gaya Pembelajaran *Active/Reflective*

Tahap	Lelaki (n=108)		Perempuan (n=82)	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
<i>Active</i> Tinggi	18	16.7	11	13.4
<i>Active</i> Sederhana	49	45.4	43	52.4
<i>Active</i> Seimbang	24	22.2	17	20.7
<i>Reflective</i> Seimbang	15	13.9	9	11.0
<i>Reflective</i> Sederhana	-	-	2	2.4
<i>Reflective</i> Tinggi	2	1.9	-	-

#### 4.2.2.2 Gaya Pembelajaran Responden Berdasarkan Jantina Mengikut

##### Dimensi *Sensing/Intuitive*

Jadual 4.10 menunjukkan taburan responden terhadap gaya pembelajaran *Sensing/Intuitive* berdasarkan jantina dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1. Didapati bahawa gaya pembelajaran *Sensing* seimbang merupakan gaya pembelajaran yang utama bagi responden lelaki dan perempuan iaitu masing-masing seramai 43 (39.8%) dan 40 (48.8%) orang. Ini diikuti dengan gaya pembelajaran *Intuitive* seimbang iaitu responden lelaki seramai 33 (30.6%) dan perempuan seramai 18 (22.0%) orang. Bagi responden lelaki, gaya pembelajaran *Intuitive* sederhana merupakan gaya pembelajaran yang kurang diamalkan iaitu hanya seramai 7 (6.5%) orang sahaja. Manakala bagi responden perempuan, gaya pembelajaran *Sensing* tinggi merupakan gaya pembelajaran yang kurang diamalkan iaitu hanya seramai 2 (2.4%) orang sahaja.

Kesimpulannya, kedua-dua responden menyatakan bahawa gaya pembelajaran *Sensing & Intuitive* seimbang adalah gaya yang lebih dipraktikkan iaitu 70.4% bagi lelaki dan 70.8% bagi perempuan berbanding dengan gaya pembelajaran *Sensing* (23.1% bagi lelaki dan 23.1% bagi perempuan) dan *Intuitive* (6.5% bagi lelaki dan 6.1% bagi

perempuan) dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1. Gaya pembelajaran *Sensing & Intuitive* seimbang menjadi pilihan pelajar Diploma di GMI dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1 kerana mereka gemar kepada fakta, data, suka kepada kerja yang melibatkan ‘hands-on’ dan mereka juga adalah pelajar yang kreatif. Responden yang mengamalkan gaya pembelajaran *Sensing & Intuitive* seimbang adalah seorang responden yang fleksible iaitu gaya pembelajaran mereka boleh berubah-ubah mengikut keadaan. Ada waktu pelajar akan menggunakan gaya pembelajaran *Sensing* dan pada waktu lain pula mereka akan menggunakan gaya pembelajaran *Intuitive*.

Jadual 4.10: Taburan Responden Berdasarkan Jantina Terhadap Gaya Pembelajaran *Sensing/Intuitive*

Tahap	Lelaki (n=108)		Perempuan (n=82)	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
<i>Sensing</i> Tinggi	8	7.4	2	2.4
<i>Sensing</i> Sederhana	17	15.7	17	20.7
<i>Sensing</i> Seimbang	43	39.8	40	48.8
<i>Intuitive</i> Seimbang	33	30.6	18	22.0
<i>Intuitive</i> Sederhana	7	6.5	5	6.1
<i>Intuitive</i> Tinggi	-	-	-	-

#### 4.2.2.3 Gaya Pembelajaran Responden Berdasarkan Jantina Mengikut

##### Dimensi *Visual/Verbal*

Jadual 4.11 menunjukkan tentang taburan responden terhadap gaya pembelajaran *Visual/Verbal* berdasarkan jantina dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1. Jadual menyatakan bahawa kedua-dua responden lebih mengamalkan gaya pembelajaran *Visual* sederhana iaitu seramai 48 (44.4%) orang bagi responden lelaki dan 39 (47.6%) orang bagi responden perempuan. Manakala gaya pembelajaran *Visual*

tinggi merupakan gaya pembelajaran kedua tertinggi yang diamalkan oleh responden lelaki iaitu seramai 40 (37.0%) orang dan responden perempuan seramai 34 (41.5%). Gaya pembelajaran *Verbal* seimbang adalah gaya pembelajaran yang kurang diamalkan oleh kedua-dua responden iaitu hanya merekodkan seramai 5 (4.6%) orang bagi responden lelaki dan hanya seramai 4 (4.9%) orang bagi responden perempuan. Kesimpulannya, responden lelaki dan perempuan lebih mengamalkan gaya pembelajaran *Visual* iaitu masing-masing sebanyak 81.4% dan 88.1% berbanding gaya pembelajaran *Visual & Verbal* seimbang (18.5% bagi lelaki dan 12.0% bagi perempuan) dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1.

Kedua-dua jantina memilih gaya pembelajaran *Visual* dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1 kerana mereka gemar apabila kuliah dijalankan dengan menggunakan persembahan visual seperti gambar rajah, video, demonstrasi dan sebagainya. Pelajar-pelajar di GMI lebih senang mengingat sesuatu yang diajar apabila ianya dikaitkan dengan bahan-bahan visual.

Jadual 4.11: Taburan Responden Berdasarkan Jantina Terhadap Gaya Pembelajaran *Visual/Verbal*

Tahap	Kekerapan	Lelaki (n=108)		Perempuan (n=82)	
		Peratusan	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan
<i>Visual</i> Tinggi	40	37.0	34	41.5	
<i>Visual</i> Sederhana	48	44.4	39	47.6	
<i>Visual</i> Seimbang	15	13.9	5	6.1	
<i>Verbal</i> Seimbang	5	4.6	4	4.9	
<i>Verbal</i> Sederhana	-	-	-	-	
<i>Verbal</i> Tinggi	-	-	-	-	

#### 4.2.2.4 Gaya Pembelajaran Responden Berdasarkan Jantina Mengikut Dimensi *Sequential/Global*

Jadual 4.12 menunjukkan tentang taburan responden terhadap gaya pembelajaran *Sequential/Global* berdasarkan jantina dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1. Dapatan menunjukkan bahawa responden lelaki lebih mengamalkan gaya pembelajaran *Global* seimbang iaitu seramai 37 (34.3%) orang berbanding responden perempuan yang lebih mengamalkan gaya pembelajaran *Sequential* seimbang iaitu seramai 35 (42.7%) orang. Manakala gaya pembelajaran *Global* tinggi adalah gaya pembelajaran yang kurang menjadi pilihan bagi responden lelaki iaitu hanya seramai 4 (3.7%) orang sahaja. Bagi perempuan pula, gaya pembelajaran *Sequential* tinggi merupakan gaya pembelajaran yang kurang diamalkan iaitu hanya merekodkan seramai 1 (1.2%) orang sahaja.

Secara kesimpulannya, responden lelaki dan perempuan lebih mempraktikkan gaya pembelajaran *Sequential/Global* seimbang iaitu masing-masing sebanyak 52.1% dan 73.2% berbanding dengan gaya pembelajaran *Sequential* (25.0% bagi lelaki dan 14.6% bagi perempuan) dan *Global* (13.0% bagi lelaki dan 12.2% bagi perempuan) dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1. Pelajar Diploma memilih gaya pembelajaran *Sequential & Global* seimbang dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1 kerana mereka boleh menjadi pelajar yang fleksible. Dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1, pelajar Diploma di GMI boleh mempelajari sesuatu perkara secara tersusun ataupun mengikut urutan dan mereka juga boleh memahami sesuatu perkara secara keseluruhan. Ini bermaksud gaya pembelajaran pelajar Diploma dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1 boleh berubah-ubah mengikut keadaan sama ada gaya pembelajaran *Sequential* ataupun *Global*.

Jadual 4.12: Taburan Responden Berdasarkan Jantina Terhadap Gaya Pembelajaran *Sequential/Global*

Tahap	Lelaki (n=108)		Perempuan (n=82)	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
<i>Sequential</i> Tinggi	8	7.4	1	1.2
<i>Sequential</i> Sederhana	19	17.6	11	13.4
<i>Sequential</i> Seimbang	30	27.8	35	42.7
<i>Global</i> Seimbang	37	34.3	25	30.5
<i>Global</i> Sederhana	10	9.3	6	7.3
<i>Global</i> Tinggi	4	3.7	4	4.9

#### 4.2.2.5 Keutamaan Gaya Pembelajaran Responden Berdasarkan Jantina

Jadual 4.13 menunjukkan tentang keutamaan gaya pembelajaran keseluruhan responden berdasarkan jantina mengikut kekerapan dan peratusan dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1. Dapat dilihat bahawa gaya pembelajaran utama bagi responden lelaki adalah *Visual* (81.4%), *Sensing & Intuitive* seimbang (70.4%) dan *Sequential & Global* seimbang (62.1%). Manakala gaya pembelajaran *Intuitive* (6.5%), *Reflective* (1.9%) dan *Verbal* (0%) merupakan amalan yang lemah dalam mempelajari bahasa Jerman. Bagi responden perempuan pula, gaya pembelajaran *Visual* (89.1%), *Sequential & Global* seimbang (73.2%) dan *Sensing & Intuitive* seimbang (70.8%) merupakan amalan utama bagi mereka. Manakala gaya pembelajaran *Intuitive* (6.1%), *Reflective* (2.4%) dan *Verbal* (0%) bukan keutamaan bagi responden perempuan dalam mempelajari bahasa Jerman.

Secara keseluruhannya, responden lelaki dan perempuan lebih gemar dengan gaya pembelajaran *Visual* dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1. Seperti yang telah dibincangkan, gaya pembelajaran *Visual* menjadi keutamaan bagi kedua-dua jantina kerana mereka lebih suka apabila kuliah dijalankan secara visual dan bukannya secara verbal. Dalam mempelajari bahasa asing iaitu bahasa Jerman, demonstrasi, gambar

rajah, video dan sebagainya boleh membantu pelajar dalam mengingat sesuatu pelajaran yang telah mereka pelajari.

Jadual 4.13: Keutamaan Gaya Pembelajaran Keseluruhan Responden Berdasarkan Jantina Mengikut Kekerapan Dan Peratusan

<b>Gaya Pembelajaran</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
<b><u>Lelaki (n=108)</u></b>		
<i>Visual</i>	88	81.4
<i>Sensing &amp; Intuitive</i> seimbang	76	70.4
<i>Sequential &amp; Global</i> seimbang	67	62.1
<i>Active</i>	67	62.1
<i>Active &amp; Reflective</i> seimbang	39	36.1
<i>Sequential</i>	27	25.0
<i>Sensing</i>	25	23.1
<i>Visual &amp; Verbal</i> seimbang	30	18.5
<i>Global</i>	14	13.0
<i>Intuitive</i>	7	6.5
<i>Reflective</i>	2	1.9
<i>Verbal</i>	0	0
<b><u>Perempuan (n=82)</u></b>		
<i>Visual</i>	73	89.1
<i>Sequential &amp; Global</i> seimbang	60	73.2
<i>Sensing &amp; Intuitive</i> seimbang	58	70.8
<i>Active</i>	54	65.8
<i>Active &amp; Reflective</i> seimbang	26	31.7
<i>Sensing</i>	19	23.1
<i>Sequential</i>	12	14.6
<i>Global</i>	10	12.2
<i>Visual &amp; Verbal</i> seimbang	9	11.0
<i>Intuitive</i>	5	6.1
<i>Reflective</i>	2	2.4
<i>Verbal</i>	0	0

### 4.2.3 Analisis Ujian-*t* Gaya Pembelajaran Responden

Jadual 4.14 merupakan analisis ujian-*t* gaya pembelajaran responden berdasarkan jantina. Analisis ujian-*t* ini adalah untuk membuktikan sama ada terdapat perbezaan di antara gaya pembelajaran yang diamalkan oleh responden lelaki dan perempuan dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1.

Jadual 4.14 menunjukkan tentang ujian-*t* gaya pembelajaran berdasarkan jantina. Jadual menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara responden lelaki dan perempuan bagi gaya pembelajaran *Active/Reflective* ( $t=.28, p>.05$ ), gaya pembelajaran *Sensing/Intuitive* ( $t=.32, p>.75$ ), gaya pembelajaran *Visual/Verbal* ( $t=.99, p>.32$ ) dan gaya pembelajaran *Sequential/Global* ( $t=-.75, p>.45$ ). Ini bermakna responden lelaki dan perempuan mempunyai persamaan dalam gaya pembelajaran bagi mempelajari bahasa Jerman tahap 1.

Jadual 4.14 : Ujian-*t* Gaya Pembelajaran Berdasarkan Jantina (n=190)

Gaya Pembelajaran	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai (S.D)	<i>t</i>	Tahap Signifikan (P)
<i>Active &amp; Reflective</i>	Lelaki	108	2.41	1.04	.28	.78
	Perempuan	92	2.37	.94		
<i>Sensing &amp; Intuitive</i>	Lelaki	108	3.13	1.01	.32	.75
	Perempuan	92	3.09	.88		
<i>Visual &amp; Verbal</i>	Lelaki	108	1.86	.83	.99	.32
	Perempuan	92	1.74	.78		
<i>Sequential &amp; Global</i>	Lelaki	108	3.32	1.20	- .75	.45
	Perempuan	92	3.44	1.02		

\*Tahap signifikan pada aras  $p<0.05$



#### 4.2.4 Gaya Pembelajaran Responden Berdasarkan Pengkhususan Pengajian

Jadual 4.15 menunjukkan tentang gaya pembelajaran yang diamalkan oleh para responden mengikut pengkhususan pengajian. Terdapat 8 jenis pengkhususan yang telah ditawarkan di GMI dan setiap pelajar dari pelbagai pengkhususan wajib untuk mempelajari mata pelajaran Bahasa Jerman selama dua semester. Berdasarkan kepada dapatan kajian, pengkhususan CPT (58.3%), PDM (50.0%) dan PIC (63.6%) lebih mengamalkan gaya pembelajaran *Active* sederhana berbanding dengan pengkhususan DIE (53.3%) dan MECHA (56.4%) yang didapati lebih mengamalkan gaya pembelajaran *Visual* sederhana. Bagi pengkhususan EIT pula, sebanyak 65% responden mengamalkan gaya pembelajaran *Sensing* seimbang dalam mempelajari bahasa Jerman. Oleh kerana jumlah responden yang sangat sedikit maka, tidak dapat dipastikan apakah gaya pembelajaran yang menjadi amalan bagi responden dalam pengkhususan pengajian MOT dan juga NWS.

Secara keseluruhannya, dapat dinyatakan bahawa gaya pembelajaran *Active* dan *Visual* lebih menjadi pilihan para responden bagi setiap pengkhususan pengajian dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jerman Tahap 1. Perbezaan gaya pembelajaran yang diamalkan bagi setiap pengkhususan bukan disebabkan oleh faktor pengkhususan yang berlainan tetapi setiap pelajar yang mengikuti program kejuruteraan akan mendapati bahawa gaya pembelajaran yang menjadi keutamaan mereka ialah *Visual*, *Active* dan *Sensing* (Felder & Silverman, 1998).

Jadual 4.15: Amalan Gaya pembelajaran Responden Berdasarkan Pengkhususan Pengajian

<b>Pengkhususan Pengajian</b>	<b>Gaya Pembelajaran</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
<b>CPT (24)</b>	<i>Active Sederhana</i>	14	58.3%
	<i>Sensing Seimbang</i>	14	58.3%
	<i>Visual Tinggi</i>	12	50.0%
	<i>Sequential Seimbang</i>	11	45.8%
<b>DIE (15)</b>	<i>Visual Sederhana</i>	8	53.3%
	<i>Active Sederhana</i>	6	40.0%
	<i>Intuitive Seimbang</i>	6	40.0%
	<i>Sequential Seimbang</i>	5	25.0%
<b>EIT (20)</b>	<i>Sensing Seimbang</i>	13	65.0%
	<i>Active Sederhana</i>	10	50.0%
	<i>Visual Tinggi</i>	9	45.0%
	<i>Global Seimbang</i>	7	35.0%
<b>MEC (55)</b>	<i>Visual Sederhana</i>	31	56.4%
	<i>Sensing Seimbang</i>	22	40.0%
	<i>Sequential Seimbang</i>	21	38.2%
	<i>Active Sederhana</i>	19	34.5%
<b>MOT (1)</b>	<i>Active Sederhana</i>	1	100%
	<i>Sensing Seimbang</i>	1	100%
	<i>Visual Tinggi</i>	1	100%
	<i>Sequential Sederhana</i>	1	100%
<b>NWS (3)</b>	<i>Active Tinggi</i>	2	66.7%
	<i>Sensing Seimbang</i>	2	66.7%
	<i>Sequential Seimbang</i>	2	66.7%
	<i>Visual Sederhana</i>	1	33.3%
<b>PDM (28)</b>	<i>Active Sederhana</i>	14	50.0%
	<i>Visual Sederhana</i>	14	50.0%
	<i>Sequential Seimbang</i>	13	46.4%
	<i>Sensing Seimbang</i>	10	35.7%
<b>PIC (44)</b>	<i>Active Sederhana</i>	28	63.6%
	<i>Visual Sederhana</i>	20	45.5%
	<i>Global Seimbang</i>	20	45.5%
	<i>Sensing Seimbang</i>	16	36.4%

#### 4.2.5 Analisis ANOVA

Jadual 4.16 menunjukkan analisis varians (ANOVA) gaya pembelajaran yang diamalkan oleh responden berdasarkan pengkhususan pengajian. Berdasarkan kepada jadual, didapati bahawa nilai signifikan (P) bagi kesemua gaya pembelajaran adalah lebih besar daripada nilai alpa 0.05 dimana gaya pembelajaran *Active/Reflective* ( $F=1.18$ ,  $p>.05$ ), gaya pembelajaran *Sensing/Intuitive* ( $F=1.40$ ,  $p>.05$ ), gaya pembelajaran *VisualVerbal* ( $t=.99$ ,  $p>.05$ ) dan gaya pembelajaran *Sequential/Global* ( $t=-.75$ ,  $p>.05$ ). Jadi dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi setiap gaya pembelajaran yang diamalkan oleh responden berdasarkan pengkhususan pengajian.

Jadual 4.16: Analisis Varians (ANOVA) Gaya Pembelajaran Responden Berdasarkan Pengkhususan Pengajian

Gaya Pembelajaran Pengkhususan Pengajian	N	Min	Sisihan Piawai (S.D)	F	Tahap Signifikan (P)
<i>Active/Reflective</i>				1.18	.316
CPT	24	2.38	.65		
DIE	15	2.87	1.55		
EIT	20	2.25	.97		
MECHA	55	2.35	.94		
MOT	1	2.00			
NWS	3	2.00	1.73		
PDM	28	2.68	1.09		
PIC	44	2.23	.86		
<i>Sensing/Intuitive</i>				1.40	.208
CPT	24	3.17	.64		
DIE	15	3.53	.92		
EIT	20	3.50	.76		
MECHA	55	2.91	1.02		
MOT	1	3.00			
NWS	3	3.33	.58		
PDM	28	3.11	1.10		
PIC	44	3.00	.97		

‘Jadual 4.16 : Sambungan’

<i>Visual/Verbal</i>				.96	.503
CPT	24	1.88	1.08		
DIE	15	1.93	.70		
EIT	20	1.80	.89		
MECHA	55	1.75	.69		
MOT	1	1.00			
NWS	3	2.00	1.00		
PDM	28	1.57	.57		
PIC	44	1.98	.88		
<i>Sequential/Global</i>				1.47	.180
CPT	24	3.38	.97		
DIE	15	3.40	1.29		
EIT	20	3.90	1.33		
MECHA	55	3.13	1.11		
MOT	1	2.00			
NWS	3	2.67	.58		
PDM	28	3.39	.96		
PIC	44	3.48	1.13		

\*Tahap signifikan pada aras  $p < 0.05$

#### 4.2.6 Analisis Korelasi Pearson

Analisis seterusnya adalah analisis berkaitan dengan gaya pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar dalam bahasa Jerman. Analisis ini akan menjawab dan membuktikan perhubungan yang wujud di antara gaya pembelajaran dengan markah mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1 (Jadual 4.17). Dapatan menunjukkan, tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran *Active/Reflective* ( $r = -.02$ ,  $p > .05$ ), *Visual/Verbal* ( $r = -.09$ ,  $p > .05$ ) dan *Sequential/Global* ( $r = -.05$ ,  $p > .05$ ) dengan markah bahasa Jerman tahap 1. Hanya gaya pembelajaran *Sensing/Intuitive* ( $r = .15$ ,  $p < .05$ ) sahaja yang didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan markah bahasa Jerman tahap 1.

Jadual 4.17 : Korelasi Pearson Antara Gaya Pembelajaran Dengan Markah Mata Pelajaran Bahasa Jerman Tahap 1

Gaya Pembelajaran	Korelasi Pearson ( <i>r</i> )	Tahap Signifikan (P)
<i>Active/Reflective</i>	- .02	.82
<i>Sensing/Intuitive</i>	.15	.04*
<i>Visual/Verbal</i>	- .09	.23
<i>Sequential/Global</i>	- .05	.53

\*Tahap signifikan pada aras  $p < 0.05$

Berdasarkan kepada jadual kekuatan perkaitan *Guildford Rule of Thumb* (Jadual 4.18), didapati perhubungan yang wujud di antara gaya pembelajaran dengan markah mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1 adalah pada kekuatan perkaitan yang sangat lemah iaitu menghampiri sifar. Oleh yang demikian, perkaitan ini boleh diabaikan dan boleh disimpulkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan markah bahasa Jerman tahap 1 yang diperolehi oleh responden.

Jadual 4.18 : Nilai Pekali Dan Tafsiran Kekuatan Perkaitan Menurut *Guildford Rule of Thumb*

Bil.	Nilai Pekali	Tafsiran Kekuatan Perkaitan
1	0.90 – 1.00	Sangat Kuat
2	0.07 – 0.90	Kuat
3	0.40 – 0.70	Sederhana
4	0.20 – 0.40	Lemah
5	Bawah 0.20	Sangat Lemah

Walaupun tidak terdapat perhubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian responden dalam bahasa Jerman, namun bagi pengkaji semua itu akan berubah apabila pelbagai faktor diambil kira. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, di GMI pelajar hanya mempelajari bahasa Jerman dua jam seminggu selama 19 minggu. Silibus bahasa Jerman untuk tahap 1 adalah terlalu banyak untuk pelajar-pelajar GMI yang hanya mempelajari bahasa Jerman dua jam seminggu. Sekiranya jumlah jam belajar

bahasa Jerman menjadi tiga jam seminggu, ini dapat membantu pelajar memperoleh markah yang tinggi dalam mata pelajaran bahasa Jerman. Selain itu, pelajar juga boleh membuat rujukan dan mengulangkaji pelajaran dengan menggunakan bahan rujukan yang ada di perpustakaan. Para pelajar perlu tahu menggunakan gaya pembelajaran mereka. Sekiranya pelajar senang belajar bahasa Jerman dengan menggunakan gambar rajah maka, pelajar tersebut perlulah menggunakan gambar rajah dalam mempelajari bahasa Jerman. Tetapi, jika pelajar lebih senang belajar bahasa Jerman dengan membuat lebih banyak latihan maka, pelajar itu harus membuat latihan seperti menjawab soalan yang diberikan oleh pensyarah. Apabila pelajar tahu menggunakan gaya pembelajaran yang mereka miliki maka, mereka akan mendapat pencapaian yang cemerlang dalam mata pelajaran bahasa Jerman.

### **4.3 Kesimpulan**

Analisis dan dapatan kajian menunjukkan bahawa tiga gaya pembelajaran yang paling dominan di kalangan pelajar diploma di GMI dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1 adalah gaya pembelajaran *Visual, Sensing & Intuitive seimbang* dan *Sequential & Global seimbang*. Dapatan juga menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan mengamalkan gaya pembelajaran yang sama iaitu gaya pembelajaran *Visual*. Dari aspek pengkhususan pengajian pula, analisis varians menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi setiap gaya pembelajaran yang diamalkan oleh responden. Begitu juga dengan analisis berkaitan dengan gaya pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran bahasa Jerman di mana tidak wujud perhubungan yang positif bagi kedua-dua komponen.

## BAB 5

### PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Pengenalan

Dalam bab ini, setiap dapatan kajian akan dibincangkan bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas lagi berkenaan dengan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar-pelajar Diploma di Institut Jerman-Malaysia (GMI) terhadap mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1. Setiap perbincangan akan menjurus kepada kupasan bagi setiap persoalan kajian. Selain itu, bab ini juga akan membuat kesimpulan berkenaan dengan keseluruhan hasil kajian serta mengemukakan beberapa cadangan yang perlu dilakukan bukan sahaja untuk tujuan kajian selanjutnya tetapi juga bagi memperbaiki pengetahuan berkenaan gaya pembelajaran para pelajar.

#### 5.1 Gaya Pembelajaran Pelajar Secara Keseluruhan

Dalam model *Index of Learning Style* (ILS) yang telah diwujudkan oleh Felder & Silverman (1988) dan telah dikemaskini oleh Felder & Solomon (1991) menyatakan bahawa terdapat 4 dimensi gaya pembelajaran yang mempengaruhi gaya pembelajaran seseorang iaitu *Active* (bertindak melakukan) & *Reflective* (berfikir sebelum melakukan), *Sensing* (fakta) & *Intuitive* (konsep), *Visual* (gambaran) & *Verbal* (pembacaan dan penjelasan), *Sequential* (pembelajaran langkah demi langkah) & *Global* (pembelajaran fleksibel). Setiap gaya pembelajaran ini mempunyai kelebihan yang tersendiri dan bukannya menjadi kelemahan bagi setiap individu.

Pada bab ini, perbincangan akan dilakukan bagi membincangkan gaya pembelajaran responden secara keseluruhannya dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jerman tahap1. Seperti yang terdapat dalam jadual 4.6, secara keseluruhannya para pelajar diploma di GMI mengamalkan gaya pembelajaran yang utama iaitu gaya pembelajaran *Visual* (84.7%) diikuti dengan *Sensing & Intuitive* seimbang (70.5%) dan juga *Sequential & Global* seimbang (66.8%). Gaya pembelajaran secara *Visual* ini menunjukkan bahawa para pelajar Diploma yang menuntut di GMI mempunyai kelebihan mengingat dengan baik dengan apa yang telah dilihat seperti gambar, lukisan, gambarajah bersiri, filem dan demonstrasi berbanding dengan apa yang didengar dan dituturkan (Felder & Silverman, 1988; Felder & Solomon, 1991). Sebagai contoh, semasa mempelajari bahasa Jerman di dalam kelas, pelajar akan diberikan beberapa gambar yang berkaitan dengan tajuk yang dipelajari. Kesannya, pelajar dapat mengingati nama dan pada masa yang sama mereka mampu menyebut setiap gambar yang diberikan kepada mereka. Ini membuktikan bahawa pelajar di GMI yang mempelajari bahasa Jerman mudah mengingati sesuatu apabila guru menggunakan gambar rajah dalam proses pembelajaran.

Justeru, pelajar ini lebih menggemari jika pensyarah mereka mengajar dengan menggunakan alat bantu mengajar serta menggunakan banyak persembahan grafik dalam proses pengajaran kerana ia akan membantu mereka dalam proses pembelajaran dengan lebih efektif lagi. Di Institut Jerman-Malaysia atau GMI mengamalkan corak pembelajaran 30% teori dan 70% berbentuk praktikal. Ini bersesuaian dengan program Diploma di GMI dimana kesemua pelajar Diploma adalah pelajar yang mengambil jurusan teknikal dan corak pembelajaran kursus mereka adalah berbentuk *Visual* dan *hands-on*. Ini secara tidak langsung mempengaruhi corak pembelajaran mereka dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jerman. Bahasa Jerman merupakan bahasa asing



iaitu bahasa ketiga yang hanya dipelajari apabila para pelajar menuntut di GMI. Oleh yang demikian, pembelajaran terhadap mata pelajaran ini menjadi mudah sekiranya menggunakan gambaran, ilustrasi, demonstrasi dan paparan nota dan bukannya hanya menggunakan pendengaran dan pertuturan semata-mata.

Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian yang telah dilakukan oleh beberapa pengkaji lepas. Dalam kajian yang telah dilakukan oleh Zubaidah Begam (2007) ke atas 269 orang Pelajar Sarjana Pendidikan tahun pertama di Universiti Teknologi Malaysia mendapati bahawa gaya pembelajaran yang diamalkan oleh responden adalah lebih menjurus kepada *Visual* (85.8%). Begitu juga dengan kajian yang telah dilakukan oleh Graf, Viola, Leo dan Kinshuk (2007) mendapati bahawa gaya pembelajaran yang menjadi keutamaan bagi pelajar dari Universiti Massey, New Zealand dan Universiti Teknologi Vienna, Austria seramai 207 orang responden dalam bidang Kejuruteraan dan Pengurusan Maklumat adalah secara *Visual* (87%). Kajian yang dilakukan oleh Constant (1997) turut menyokong dapatan kajian ini dimana gaya pembelajaran *Visual* (85%) merupakan amalan utama bagi pelajar dalam bidang Pendidikan seramai 129 orang di *Iowa State*. Kesemua ini membuktikan bahawa gaya pembelajaran *Visual* bukan sahaja merupakan amalan bagi pelajar-pelajar dalam bidang Pendidikan, Pengurusan Maklumat dan Kejuruteraan sahaja tetapi juga diamalkan oleh pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa asing iaitu bahasa Jerman.

## **5.2 Gaya Pembelajaran Pelajar Lelaki Dan Perempuan**

Seperti yang ditunjukkan oleh jadual 4.13, gaya pembelajaran yang utama diamalkan oleh pelajar lelaki adalah gaya pembelajaran secara *Visual* (81.4%), *Sensing & Intuitive* seimbang (70.4%) dan *Sequential & Global* seimbang (62.1%). Begitu juga dengan

pelajar perempuan, di mana gaya pembelajaran *Visual* (89.1%), *Sequential & Global* seimbang (73.2%) dan *Sensing & Intuitive* seimbang (70.8%) merupakan amalan utama bagi mereka dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1. Ini menggambarkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan lebih cenderung kepada gaya pembelajaran *Visual* iaitu melalui pembelajaran bergambar, lukisan, filem dan demonstrasi berbanding pembelajaran melalui pendengaran dan pertuturan. Menurut Bacon (2004), pelajar yang hanya mendengar semasa kuliah adalah kurang efektif dalam pembelajaran.

Berdasarkan kepada ujian-*t* terhadap gaya pembelajaran berdasarkan jantina (jadual 4.14), didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara responden lelaki dan perempuan bagi gaya pembelajaran *Active & Reflective* ( $t=.28, p>.05$ ), gaya pembelajaran *Sensing & Intuitive* ( $t=.32, p>.75$ ), gaya pembelajaran *Visual & Verbal* ( $t=.99, p>.32$ ) dan gaya pembelajaran *Sequential & Global* ( $t=-.75, p>.45$ ).

### **5.3 Gaya Pembelajaran Pelajar Mengikut Pengkhususan Pengajian**

Bahagian ini membincangkan tentang hubungan gaya pembelajaran dengan pengkhususan pengajian dalam kalangan pelajar-pelajar Diploma tahun pertama dan kedua di GMI. Berdasarkan rajah 4.15 iaitu gaya pembelajaran berdasarkan pengkhususan pengajian menunjukkan bahawa pengkhususan CPT, PDM dan PIC lebih mengamalkan gaya pembelajaran *Active* sederhana iaitu peratusan sebanyak 58.3%, 50.0% dan 63.6%. Manakala pengkhususan pengajian DIE dan MECHA pula lebih kepada gaya pembelajaran *Visual* sederhana iaitu sebanyak 53.3% dan 56.4%. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dari pengkhususan EIT pula lebih tertumpu kepada *Sensing* seimbang iaitu sebanyak 65%. Secara keseluruhannya, pengkaji

mendapati bahawa kebanyakan responden dari pelbagai pengkhususan yang berbeza lebih cenderung kepada gaya pembelajaran *Active* dan *Visual*.

Gaya pembelajaran *Active* merujuk kepada kecenderungan pelajar belajar secara berkumpulan, melakukan kerja secara pratikal berbanding teori, berbincang, mengguna serta berkongsi maklumat yang diperolehi dengan orang lain (Felder & Solomon, 1991). Menurut Aziz Nordin dan Nur Hifzan Husin (2011) belajar secara berkumpulan membantu pelajar bertukar-tukar pendapat antara satu sama lain serta dapat menghilangkan rasa bosan dalam proses pembelajaran. Pelajar yang suka belajar sendiri dan tidak kena dengan cara yang betul boleh menyebabkan proses pembelajaran menjadi bosan dan tidak berkesan kerana terlalu banyak yang dipelajari dalam sesuatu masa (Zulkifli Ismail, Sharifah Mazlina Mazlin Syed Ali dan Mazlan Mohd Yusof , 1995). Manakala gaya pembelajaran *Visual* iaitu berkaitan dengan gambar, lukisan, gambar rajah bersiri, filem dan demonstrasi (Felder & Silverman, 1988; Felder & Solomon, 1991).

Berdasarkan analisis ANOVA terhadap gaya pembelajaran responden mengikut pengkhususan pengajian(jadual 4.16), didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam gaya pembelajaran yang digunakan oleh responden dari pelbagai pengkhususan pengajian dalam gaya pembelajaran *Active & Reflective* ( $F=1.18$ ,  $p>.05$ ), gaya pembelajaran *Sensing & Intuitive* ( $F=1.40$ ,  $p>.05$ ), gaya pembelajaran *Visual & Verbal* ( $t=.99$ ,  $p>.05$ ) dan gaya pembelajaran *Sequential & Global* ( $t=-.75$ ,  $p>.05$ )

Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dan menyokong dapatan kajian yang telah dilakukan oleh beberapa pengkaji lepas (Soon, 2004; Zubaidah Begam, 2007; Azizi Yahya et al., 2006) yang menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan gaya

pembelajaran pelajar dari pelbagai pengkhususan. Kajian yang dilakukan oleh Soon (2004) terhadap 159 responden dari pengkhususan Fizik Industri dan Fizik Pendidikan di UTM mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran pelajar berdasarkan pengkhususan. Secara keseluruhannya pelajar dari kedua-dua pengkhususan cenderung ke arah gaya pembelajaran *Active & Reflective* seimbang, *Sequential & Global* seimbang, *Visual & Sensing* seimbang dan *Sensing & Intuitive* seimbang.

Begitu juga dengan dapatan kajian yang diperolehi oleh Zubaidah Begam (2007) ke atas 269 orang Pelajar Sarjana Pendidikan pelbagai pengkhususan di Fakulti Pendidikan tahun pertama di Universiti Teknologi Malaysia mendapati bahawa keseluruhan pengkhususan cenderung kepada gaya pembelajaran *Active* sederhana, *Sensing* sederhana dan *Visual* tertinggi. Dapatan kajian ini telah disokong oleh Azizi Yahaya et al. (2006) yang menyatakan bahawa tiada perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut pengkhususan responden. Beliau mendapati bahawa nilai min bagi antara kumpulan adalah .062 dan nilai min dalam kumpulan pula adalah .106.

#### **5.4 Hubungkait Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Markah Pelajar**

Perbincangan berikutnya adalah berkenaan dengan perhubungan yang wujud di antara gaya pembelajaran dengan markah mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1 seperti yang terdapat pada jadual 4.17. Telah terbukti berdasarkan kepada analisis korelasi *Pearson* didapati bahawa dalam kajian ini tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara tiga gaya pembelajaran iaitu gaya pembelajaran *Active & Reflective* ( $r=-.02$ ,  $p>.05$ ), gaya pembelajaran *Visual & Verbal* ( $r=-.09$ ,  $p>.05$ ) dan gaya pembelajaran *Sequential & Global* ( $r=-.05$ ,  $p>.05$ ) dengan markah mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1. Hanya

gaya pembelajaran *Sensing & Intuitive* ( $r=.15$ ,  $p<.05$ ) sahaja yang didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan markah mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1. Walau bagaimanapun, kekuatan perkaitan tersebut adalah pada tahap yang sangat lemah berdasarkan *Guildford Rule of Thumb*. Menurut Zwanenberg *et al.* (2000), antara alasan kenapa gaya pembelajaran tidak mempunyai kaitan dengan pencapaian akademik adalah kurangnya kekuatan psikometrik pada pengukuran ILS, terlalu banyak dimensi pada soal selidik ILS dan kemungkinan besar masalah dari segi kebolehpercayaan bagi setiap kriteria yang diuji.

Secara keseluruhannya, oleh kerana perhubungan yang wujud adalah sangat lemah dan menghampiri sifar jadi, boleh disimpulkan bahawa tidak terdapat perhubungan yang signifikan diantara gaya pembelajaran secara *Visual & Verbal*, *Active & Reflective*, *Sensing & Intuitive* dan *Sequential & Global* yang diamalkan oleh pelajar GMI dengan pencapaian markah mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1.

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, ianya menyokong kajian-kajian lepas (Bailey *et al.*, 2000; Daley *et al.*, 1997; Zwanenberg *et al.*, 2000; Zubaidah Begam, 2007; Yildirim *et al.* 2008) yang menunjukkan bahawa gaya pembelajaran seseorang individu itu tidak mempengaruhi pencapaian ataupun prestasi akademik mereka termasuk juga dalam pembelajaran bahasa asing. Kajian yang dilakukan oleh Bailey *et al.* (2000) terhadap 100 responden di *Mid-Southern University* adalah untuk mengkaji kombinasi gaya pembelajaran terhadap pencapaian dan pembelajaran bahasa asing. Kajian tersebut mendapati responden masih tidak cekap dalam penguasaan bahasa asing. Ini menunjukkan bahawa gaya pembelajaran individu bukanlah petunjuk sebenar dalam kecekapan penguasaan bahasa asing. Dapatan kajian ini juga telah disokong oleh Daley, Onwuegbuzie dan Bailey (1997) yang melaporkan bahawa gaya pembelajaran

individu adalah petunjuk yang lemah dalam pencapaian bahasa asing. Gaya pembelajaran ini juga hanya terlibat secara tidak langsung dalam pencapaian bahasa asing.

Zwanenberg *et al.* (2000) telah melakukan kajian ke atas pelajar seramai 285 orang responden di universiti United Kingdom, England. Kajian tersebut mendapati korelasi yang wujud antara gaya pembelajaran dan prestasi akademik adalah menghampiri sifar. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perkaitan antara ILS dengan pengukuran prestasi akademik. Bagi Yildirim *et al.* (2008) dalam kajian yang dilakukan terhadap 746 pelajar gred 8 di Istanbul, Turkey, didapati tidak wujud perkaitan antara gaya pembelajaran dengan prestasi akademik pelajar-pelajar tersebut. Kajian oleh Zubaidah Begam (2007) pula mendapati hubungan gaya pembelajaran secara *Visual & Verbal*, *Active & Reflective*, *Sensing & Intuitive* dan *Sequential & Global* dengan Purata Himpunan Mata Nilai (PNGK) adalah pada tahap yang sangat lemah dan hubungan ini boleh diabaikan. Jadi ini menunjukkan bahawa gaya pembelajaran pelajar mempunyai hubungan yang negatif dengan PNGK.

Walaupun dapatan kajian menyatakan bahawa gaya pembelajaran tidak mempengaruhi pencapaian akademik namun sebenarnya gaya pembelajaran banyak memainkan peranan penting dalam mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan. Pelajar yang tidak tahu cara belajar yang betul untuk menimba ilmu seperti tidak tahu cara mengambil nota dengan betul, cara mengagihkan masa dan sebagainya akan menghadapi masalah pembelajaran. Oleh itu, mengamalkan gaya pembelajaran yang sesuai dan tepat adalah penting untuk mencapai prestasi akademik yang cemerlang.

## 5.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar Diploma dalam mempelajari bahasa Jerman di Institut Jerman-Malaysia (GMI). Didapati gaya pembelajaran utama yang menjadi amalan pelajar-pelajar GMI dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1 adalah gaya pembelajaran *Visual*. Ini diikuti dengan gaya pembelajaran *Sensing & Intuitive* seimbang dan *Sequential & Global* seimbang. Manakala gaya pembelajaran *Intuitive*, *Reflective* dan *Verbal* bukan keutamaan bagi pelajar GMI dalam mempelajari bahasa Jerman Tahap 1. Amalan gaya pembelajaran secara *Visual* ini memberitahu bahawa pelajar-pelajar GMI lebih gemar mempelajari bahasa Jerman menggunakan kaedah visual iaitu melalui gambar, rajah, filem, demonstrasi, lukisan dan carta.

Berdasarkan kepada ujian-*t* perbandingan gaya pembelajaran antara lelaki dan perempuan didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap gaya pembelajaran yang diamalkan oleh kedua-dua jantina (*Active & Reflective* ( $t=.28$ ,  $p>.05$ ), *Sensing & Intuitive* ( $t=.32$ ,  $p>.75$ ), *Visual & verbal* ( $t=.99$ ,  $p>.32$ ) dan *Sequential & Global* ( $t=-.75$ ,  $p>.45$ ). Ini bermaksud gaya pembelajaran pelajar lelaki dan perempuan mempunyai persamaan dalam mempelajari bahasa Jerman. Jadi, melalui dapatan kajian ini ianya telah menjawab soalan kajian yang kedua iaitu untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan gaya pembelajaran antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam mempelajari bahasa Jerman. Gaya pembelajaran yang menjadi keutamaan bagi pelajar lelaki adalah *Visual*, *Sensing & Intuitive* seimbang dan juga *Sequential & Global* seimbang. Begitu juga dengan gaya pembelajaran bagi pelajar perempuan di mana gaya pembelajaran secara *Visual*, *Sequential & Global*

seimbang dan juga *Sensing & Intuitive* seimbang menjadi keutamaan mereka dalam mempelajari bahasa Jerman. Manakala gaya pembelajaran *Intuitive*, *Reflective* dan *Verbal* bukan keutamaan bagi pelajar lelaki dan perempuan mempelajari bahasa Jerman.

Pelajar lelaki dan perempuan telah membuktikan bahawa mereka lebih gemarkan pembelajaran melalui gambaran, ilustrasi, carta dan sebagainya dalam mempelajari bahasa Jerman. Ini kerana kedua-dua jantina ini menerapkan gaya pembelajaran secara *Visual*. Gaya pembelajaran *Visual* yang diamalkan oleh pelajar GMI sama ada pelajar lelaki atau perempuan mungkin mempunyai perkaitan dengan jurusan yang dipelajari oleh responden di GMI. Seperti yang diketahui responden dalam kajian ini adalah pelajar yang mengambil jurusan teknikal dan mereka gemar belajar dengan menggunakan gambarajah, video dan tenaga pengajar juga banyak menggunakan bahan bantu mengajar dan persembahan grafik dalam proses pengajaran. Ini secara tidak langsung membawa mereka kepada gaya pembelajaran *Visual*.

Bagi menjawab soalan kajian yang ketiga, data dianalisis dengan menggunakan varians (ANOVA) untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh responden berdasarkan pengkhususan pengajian. Berdasarkan kepada analisis varians (ANOVA), didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap gaya pembelajaran yang diamalkan oleh responden berdasarkan pengkhususan pengajian (*Active & Reflective* ( $F=1.18$ ,  $p>.05$ ), gaya pembelajaran *Sensing & Intuitive* ( $F=1.40$ ,  $p>.05$ ), gaya pembelajaran *Visual & Verbal* ( $t=.99$ ,  $p>.05$ ) dan gaya pembelajaran *Sequential & Global* ( $t=-.75$ ,  $p>.05$ ). Ini bermaksud setiap responden berdasarkan pengkhususan pengajian mengamalkan gaya pembelajaran yang sama dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1 iaitu gaya pembelajaran *Active* dan *Visual*. Ini membuktikan bahawa setiap responden yang mempelajari bahasa Jerman tahap 1



dari pelbagai pengkhususan pengajian bukan sahaja gemar kepada pembelajaran yang berbentuk berkumpulan, pembelajaran secara eksperimen malah mereka juga suka kepada corak pembelajaran yang berbentuk gambar rajah, carta, video, demonstrasi dan sebagainya dalam mempelajari bahasa Jerman.

Bagi menjawab soalan kajian keempat iaitu untuk mengenal pasti perhubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar GMI, ujian *Korelasi Pearson* telah dilakukan. Didapati hanya gaya pembelajaran *Sensing & Intuitive* ( $r=.15$ ,  $p<.05$ ) sahaja yang didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan markah mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1 manakala gaya pembelajaran yang lain tidak menunjukkan sebarang perkaitan. Berdasarkan kepada *Guildford Rule of Thumb*, tahap perhubungan tersebut adalah pada tahap yang sangat lemah dan ianya boleh diabaikan. Jadi, boleh disimpulkan bahawa gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar Diploma tahun pertama dan tahun kedua sesi Januari-Jun 2010 tidak menunjukkan perhubungan terhadap markah mata pelajaran bahasa Jerman tahap 1.

Berdasarkan perbincangan di atas, pengkaji mendapati kesemua dapatan kajian menunjukkan hubungan yang negatif dimana tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran yang diamalkan pelajar lelaki dan perempuan, tidak terdapat perbezaan amalan gaya pembelajaran dengan pengkhususan pengajian dan tidak terdapat perhubungan positif diantara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik. Walaupun semua dapatan menunjukkan negatif, namun bagi pengkaji dapatan yang diperolehi dapat memberi informasi kepada tenaga pengajar yang mengajar bahasa Jerman di GMI dimana pelajar Diploma di GMI gemar ke arah gaya pembelajaran *Visual*. Informasi yang diterima oleh tenaga pengajar boleh membantu mereka menggunakan dan memadankan corak pengajaran yang sesuai dengan gaya

pembelajaran pelajar dalam mempelajari bahasa Jerman dan ini seterusnya dapat membantu pelajar memperoleh keputusan yang cemerlang dalam akademik terutamanya dalam bahasa Jerman. Menurut Chin (2005), kajian mengenai gaya pembelajaran pelajar perlu dijalankan untuk memberi informasi kepada guru mengenai gaya pembelajaran yang paling banyak diamalkan oleh pelajar. Informasi yang diterima oleh guru boleh memperbaiki gaya pengajaran dan ini pasti dapat meningkatkan minat pelajar untuk belajar terhadap sesuatu subjek dan seterusnya membantu pelajar dalam pembelajaran.

Selain itu, dapatan kajian ini juga boleh memberi informasi dan menyedarkan pihak pengurusan di GMI untuk memperbaiki segala kelemahan dan kekurangan yang ada agar pelajar dapat belajar dalam suasana tenang, selesa, menarik dan seterusnya membantu dalam meningkatkan pencapaian akademik mereka. Pengkaji juga mengharapkan agar dengan informasi yang diterima boleh menyedarkan pihak pengurusan agar menyediakan keperluan para pelajar dalam mempelajari bahasa Jerman dan juga menyediakan keperluan alat bantu mengajar untuk tenaga pengajar dalam mengajar subjek bahasa Jerman. Contohnya, projektor perlu disediakan di dalam kelas untuk digunakan oleh tenaga pengajar dalam mengajar subjek bahasa Jerman.

Setiap pelajar pula perlu mengambil inisiatif untuk mengenal pasti gaya pembelajaran sendiri untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan memupuk sikap positif dalam mempelajari apa jua mata pelajaran yang dipelajari. Diharapkan agar hasil kajian ini dapat menjadi panduan untuk semua pihak dalam peningkatan pencapaian akademik pelajar.

## 5.6 Cadangan

Terdapat beberapa cadangan bagi meningkatkan tahap pembelajaran pelajar, pengajaran pensyarah dan juga cadangan untuk kajian masa hadapan iaitu :

1. Telah terbukti bahawa dalam mempelajari bahasa asing iaitu bahasa Jerman, gaya pembelajaran *Visual* adalah amalan utama bagi pelajar-pelajar di GMI. Maklumat ini amat berguna bukan sahaja kepada pensyarah tetapi juga pihak pengurusan di GMI. Oleh yang demikian, pensyarah seharusnya menumpukan gaya pengajaran mereka lebih kepada gaya pengajaran *Visual*. Ini kerana ada sesetengah pensyarah menggunakan gaya pengajaran *Verbal* yang mana gaya pembelajaran ini tidak diamalkan oleh pelajar Diploma di GMI dalam mempelajari bahasa Jerman tahap 1. Pihak pengurusan juga sepatutnya menyediakan kemudahan seperti komputer, LCD projektor dan juga filem-filem bagi membolehkan penyampaian kuliah secara visual dapat dilakukan dan ini secara langsung akan menyokong gaya pembelajaran pelajar-pelajar.
2. Dalam kajian berkenaan dengan gaya pembelajaran ini, terdapat banyak teori-teori dan model-model lain selain daripada ILS bagi mengkaji gaya pembelajaran seseorang individu. Walaupun penggunaan instrumen ILS dianggap berjaya dalam mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar, namun begitu bagi memperolehi maklumat yang lebih pelbagai dan lebih jitu, maka penggunaan instrumen lain amat praktikal.

3. Amat mustahak sekiranya penyelidikan bukan sahaja dilakukan terhadap pelajar dalam gaya pembelajaran yang mereka amalkan tetapi penyelidikan terhadap diri pensyarah juga perlu dilakukan. Ini bertujuan bagi mengenalpasti apakah gaya pengajaran yang mereka amalkan dan adakah ianya bersesuaian dengan gaya pembelajaran yang menjadi amalan bagi pelajar-pelajar.
4. Pengkaji berharap agar jumlah responden pada masa akan datang dijalankan dengan jumlah yang lagi besar untuk mendapatkan kesahihan yang lebih tinggi terhadap kajian yang dijalankan.
5. Kajian lanjutan dilakukan dengan mengkaji gaya pembelajaran pelajar yang mempelajari bahasa Jerman tahap 1 dan tahap 2. Ini mungkin boleh mengubah dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini.
6. Kajian lanjutan juga boleh dilakukan dengan mengkaji demografi lain bukan sahaja jantina pelajar dan program pengajian tetapi demografi lain seperti umur, tahun pengajian, keturunan dan sebagainya.

Berdasarkan cadangan yang dinyatakan di atas, pengkaji berharap agar pengkaji akan datang dapat memberi informasi yang lebih terperinci dan tepat seterusnya dapatan kajian yang diperolehi boleh digunakan secara meluas.

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
2.1	Dimensi Gaya Pembelajaran Felder & Silvermann (1988)	24
3.1	Taburan Responden Mengikut Latar Belakang Demografi	51
3.2	Kandungan Soal Selidik Kajian	54
3.3	Pecahan Item Mengikut 4 Dimensi Dan 4 Sub-Skala Gaya Pembelajaran Felder & Solomon	54
3.4	Test-Retest Correlationn Coefficients	56
3.5	Cronbach Alpha Coefficients	56
3.6	Pecahan Item-item Mengikut Sub-Skala	57
3.7	Rujukan Kekuatan Dan Kelemahan Setiap Dimensi Sub-Skala	57
4.1a	Taburan Responden Mengikut Jantina (n=190)	62
4.1b	Taburan Responden Mengikut Pengkhususan Pengajian	62
4.1c	Taburan Responden Mengikut Markah dan Gred Bahasa Jerman Tahap 1	63
4.2	Taburan Gaya Pembelajaran Responden Secara Keseluruhan Mengikut Kekekapan Dan Peratusan (n=190)	65
4.3	Taburan Responden Secara Keseluruhan Terhadap Gaya Pembelajaran <i>Active/Reflective</i> (n=190)	66
4.4	Taburan Responden Secara Keseluruhan Terhadap Gaya Pembelajaran <i>Sensing/Intuitive</i> (n=190)	67
4.5	Taburan Responden Secara Keseluruhan Terhadap Gaya Pembelajaran <i>Visual/Verbal</i> (n=190)	69
4.6	Taburan Responden Secara Keseluruhan Terhadap Gaya Pembelajaran <i>Sequential/Global</i> (n=190)	70

4.7	Keutamaan Gaya Pembelajaran Keseluruhan Responden Mengikuti Kekekapan dan Peratusan	71
4.8	Gaya Pembelajaran Responden Secara Keseluruhan Mengikuti Jantina	72
4.9	Taburan Responden Berdasarkan Jantina Terhadap Gaya Pembelajaran <i>Active/Reflective</i>	74
4.10	Taburan Responden Berdasarkan Jantina Terhadap Gaya Pembelajaran <i>Sensing/Intuitive</i>	75
4.11	Taburan Responden Berdasarkan Jantina Terhadap Gaya Pembelajaran <i>Visual/Verbal</i>	76
4.12	Taburan Responden Berdasarkan Jantina Terhadap Gaya Pembelajaran <i>Sequential/Global</i>	78
4.13	Keutamaan Gaya Pembelajaran Keseluruhan Responden Berdasarkan Jantina Mengikuti Kekekapan dan Peratusan	79
4.14	Ujian- <i>t</i> Gaya Pembelajaran Berdasarkan Jantina (n=190)	80
4.15	Amalan Gaya Pembelajaran Responden Berdasarkan Pengkhususan Pengajian	82
4.16	Analisis Varians (ANOVA) Gaya Pembelajaran Responden Berdasarkan Pengkhususan Pengajian	83-84
4.17	Korelasi Pearson Antara Gaya Pembelajaran Dengan Markah Mata Pelajaran Bahasa Jerman Tahap 1	85
4.18	Nilai Pekali dan Tafsiran Kekuatan Perkaitan Menurut <i>Guildford Rule of Thumb</i>	85

## BIBLIOGRAFI

- Atan Long. (1980). *Psikologi pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Nordin & Nur Hifzan Husin. (2011). *Gaya pembelajaran pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Mara berdasarkan Model Gaya Pembelajaran Bernice McCarthy*. Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai Johor. Dirujuk pada 09 Julai 2010, dari [http://eprints.utm.my/12008/1/Gaya\\_Pembelajaran\\_Pelajar\\_Tahun\\_Akhir\\_Ijazah\\_Sarjana\\_Muda\\_Pendidikan.pdf](http://eprints.utm.my/12008/1/Gaya_Pembelajaran_Pelajar_Tahun_Akhir_Ijazah_Sarjana_Muda_Pendidikan.pdf)
- Azizi Yahaya, Yusof Bonn, Shahrin Hashim & Wan Zuraidah Wan Hamid. (2002). *Hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar*. Prosiding dari International Conference on The challenge on Learning and Teaching in Brave New World. Hatyai City College Thailand and School of Cognitive and Education, UUM, 14-16 October 2002. Dirujuk pada 09 Julai 2010, dari [http://eprints.utm.my/2292/1/Aziziyahaya\\_Hubungan\\_Gaya\\_Pembelajaran\\_dengan\\_Pencapaian.pdf](http://eprints.utm.my/2292/1/Aziziyahaya_Hubungan_Gaya_Pembelajaran_dengan_Pencapaian.pdf).
- Azizi Yahaya & Shareeza Abdul Karim. (2003). *Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar di tingkatan 4 Sekolah Menengah Teknik negeri Sembilan*. National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Pan-Pacific, Johor Baharu 19-21 Okt 2003. Dirujuk pada 10 Julai 2010, dari [http://eprints.utm.my/2243/1/AziziYahaya\\_Hubungan\\_Gaya\\_Pembelajaran\\_dengan\\_Pencapaian.pdf](http://eprints.utm.my/2243/1/AziziYahaya_Hubungan_Gaya_Pembelajaran_dengan_Pencapaian.pdf).
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli & Ahmad Johari Sihes. (2006). *Orientasi pembelajaran di kalangan pelajar pengajian tinggi awam di Malaysia dan implikasi terhadap pencapaian akademik*. Prosiding dari International Conference on Learning and Motivation, City Bayview Hotel, Langkawi, Kedah, 10-12 September 2005. Dirujuk pada 10 Julai 2010, dari [http://eprints.utm.my/2334/2/AziziYahaya\\_Orientasi\\_Pembelajaran\\_Pelajar\\_Pengajian\\_Tinggi.pdf](http://eprints.utm.my/2334/2/AziziYahaya_Orientasi_Pembelajaran_Pelajar_Pengajian_Tinggi.pdf).
- Azizi Yahaya, Mohd. Najib Ghaffar, Noraizah Damiri & Shahrifudin Ismail. (2007). *Ciri-ciri personaliti dalam pemilihan kerjaya pelajar, gaya pembelajaran pelajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik*. Prosiding dari International Conference on Learning and Motivation, City Bayview Hotel, Langkawi, Kedah, 10-12 September 2005. Dirujuk pada 10 Julai 2010, dari [http://eprints.utm.my/2333/1/AziziYahaya\\_Ciri\\_Personaliti\\_Gaya\\_Pembelajaran.pdf](http://eprints.utm.my/2333/1/AziziYahaya_Ciri_Personaliti_Gaya_Pembelajaran.pdf).
- Azizi Yahya & Syazwani Abdul Razak. (2010). *Teori Berkaitan Gaya Pembelajaran Dan Kaedah Pengajaran*. Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai Johor. Dirujuk Pada 14 Mac 2012 dari [http://eprints.utm.my/10384/1/Teori\\_Gaya\\_Pembelajaran\\_Dan.pdf](http://eprints.utm.my/10384/1/Teori_Gaya_Pembelajaran_Dan.pdf)
- Bacon, D. R. (2004). An examination of two learning style measures and their association with business learning. *Journal of Education for Business*, 79, 205-208.

- Baharin Abu, Othman Md. Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor & Haliza Jaafar. (2007). *Kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar pelajar Universiti di fakulti Pendidikan, UTM, Johor*. Jabatan Asas Pendidikan, UTM. Dirujuk pada 10 Julai 2010, dari <http://eprints.utm.my/3680/1/71881.pdf>.
- Bailey, P., Onwuegbuzie, A. J. & Daley, C. E. (2000). Using learning style to predict foreign language achievement at the college level. *System*, 28, 115-133.
- Battalio, J. (2009). Success in distance education: do learning styles and multiple formats matter? *The American Journal of Distance Education*, 23, 71-87.
- Brown, T., Zoghi, M., Williams, B., Jaberzadeh, S., Poller, L., Palermo, C., et al. (2009). Are learning style preferences of health science students predictive of their attitudes towards e-learning? *Australian Journal of Educational Technology*, 25, 524-543.
- Cassidy, S. & Eachus, P. (2000). Learning style, academic belief system, self report student proficiency and academic achievement in higher education. *Educational Psychology*, 20, 307-322.
- Cavas, B. (2010). A study on pre-service science, class and mathematics teachers' learning styles in Turkey. *Science Education International*, 21, 47-61.
- Chin, N. S. (2005). *Relationship between learning styles and understanding of selected chemical concepts among Pre-university Science students*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill Education.
- Constant, K. P. (1997). "Using multimedia techniques to address diverse learning styles in materials education". *Journal of Materials Education*, 19, 1-8.
- Daley, C. E., Onwuegbuzie, A. J. & Bailey, P. (1997). *Predicting Achievement in College-Level Foreign Language Courses*. Paper presented at the meeting of the Mid-South Educational Research Association, Memphis, Paper presented at the Annual Meeting of the Mid-South Educational Research Association (Memphis, TN, November 12-14, 1997).
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (1997). *Kamus Linguistik*. (Edisi Kedua). Kuala Lumpur.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (1997). *Kamus Lengkap*. (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan*. (Edisi Keempat). Kuala Lumpur.
- Dunn, R. S & Dunn, K. J. (1978). *Teaching students through their individual learning styles: A practical approach*. Reston, Virginia: Reston Publishing.
- Dunn, R., Dunn, K., & Price, G. E. (1991). *Productivity Environmental Preference Survey*. Price Systems, Inc, Lawrence, KS.



- Felder, R. M. & Silverman, L. K. (1988). "Learning Styles and Teaching Styles in Engineering Education. " *Engineering Education*, 78, 674-681.
- Felder, F. M. & Soloman, B. A. (1991). Index of Learning Styles. North Carolina State University. Dirujuk pada 15 Mei 2009, dari [www.ncsu.edu/effective\\_teaching/ILSdir/ILS-a.htm](http://www.ncsu.edu/effective_teaching/ILSdir/ILS-a.htm).
- Felder, R. M. & Henriques, E. R. (1995). Learning and teaching styles in foreign and second language education. *Foreign Language Annals*, 28, 21-31.
- Felder, R. M. (1996). Matter of Style. *ASEE Prism*, 6, 18-23. Dirujuk pada 21 Februari 2009, dari <http://www4.ncsu.edu/unity/lockers/users/f/felder/public/Papers/LS-Prism.htm>.
- Felder, R. M. & Sprulin, J. (2005). Applications, reliability and validity of the Index of Learning Styles. *Int. Journal of Engineering Education*, 21, 103-112.
- Filippidis, S. K. & Tsoukalas, I. A. (2009). On the use of adaptive instructional images based on the sequential-global dimension of the Felder-Silverman learning style theory. *Interactive Learning Environments*, 17, 135-150.
- Graf, S., Viola, S. R., Leo, T. & Kinshuk. (2007). In-depth analysis of the Felder-Silverman Learning Style dimensions. *Journal of Research on Technology in Education*, 40, 79-93.
- Graf, S., Kinshuk & Liu, T.-C. (2009). Supporting teachers in identifying students' Learning styles in learning management systems: an automatic student modeling approach. *Educational Technology & Society*, 12, 3-14.
- Heffler, B. (2001). Individual learning style and the learning style inventory. *Educational Studies*, 27, 307-316.
- Hergenhahn, B. R. & Olson, M. H. (1993). *An introduction to theories of learning*. (4th ed.). Prentice-Hall, Inc.
- Honey, P. & Mumford, A. (1992). *The Manual of learning styles*. Maidenhead: Peter Honey
- Honey, P. & Mumford, A. (1986). *The Manual of Learning Styles*. 10 Linden Avenue, Maidenhead: Peter Honey.
- Jones, C., Reichard, C. & Mokhtari, K. (2003). Are students' learning styles discipline specific? *Community College Journal of Research and Practice*, 27, 363-375.
- Keefe, J.W. (1987). Learning style: theory and practice. Roston, VA: National Association of Secondary School principals.
- Kolb, D. A. (1984). *Experiential learning: experience as the source of learning and development*. Prentice-Hall, Inc.
- Kolb, D. A. (1985). *Learning Style Inventory: Technical Manual*. Boston: Mc Ber & Company.


- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Ku, D. T. & Shen, C. Y. (2009). Reliability, validity and investigation of the index of learning styles in a Chinese language version for late adolescents of Taiwanese. *Adolescence*, 44, 827-849.
- Lincoln, F. & Rademacher, B. (2006). Learning styles of ESL students in Community Colleges. *Community College Journal of Research and Practice*, 30, 485-500.
- Marriott, P. (2002). A longitudinal study of undergraduate accounting students' learning style preferences at two UK Universities. *Accounting Educational*, 11, 43-62.
- Marzalina Mansor. (2004). *Stail pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar luar negara*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Meor Ibrahim Kamaruddin & Assaadah Mohamad. (2011). Kajian gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar UTM. *Journal of Education Psychology and Counseling*, 2, 51-77.
- Montgomery, S. (1995). Proceedings, 1995 *Frontiers in Education Conference on "Addressing diverse student Learning Styles through the use of multimedia"*. Washington, D.C.
- Norasmah Othman & Siti Rashidah Othman. (2004). Gaya pembelajaran Kolb dalam mata pelajaran Biologi. *Jurnal Teknologi*, 40, 45-58.
- Norazah Mohd. Nordin & Shaari Osman. (2005). Gaya pembelajaran komputer guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah Maktab Perguruan. *Jurnal Pendidikan*, 30, 151-159.
- Norlia Abd.Aziz, T. Subahana M. Meerah, Lilia Halim & Kamisah Osman. (2006). Hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Tambahan pelajar tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan*, 31, 123-141.
- Orhun, N. (2007). An investigation into the Mathematics achievement and attitude towards Mathematics with respect to learning style according to gender. *International Journal of Mathematical Education in Science and Technology*, 38, 321-333.
- Ormrod, J. E. (2000). *Educational Psychology: developing learners* (3<sup>rd</sup>ed.). Prentice-Hall, Inc.
- Philbin, M., Meier, E., Huffman, S. & Boverie, P. (1995). A survey of gender and learning styles. *Sex Roles*, 23, 485-493.
- Platsidou, M. & Metallidou, P. (2009). Validity and reliability issues of two learning style inventories in a Greek. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 20, 324-335.

- Raminah Sabran. (1993). *Kecekapan berkomunikasi dalam bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti.
- Reid, J. M. (1987). The learning style preferences of ESL Students. *Tesol Quarterly*, 21, 87-103.
- Rohaila Yusof, Norasmah Othman & Faridah Karim. (2005). Strategi pembelajaran berasaskan model kolb dalam pendidikan perakunan. *Jurnal pendidikan* 30, 113- 128.
- Rohana Hamzah, Widad Othman & Tieu, W. C. S. (2003). Pola gaya pembelajaran pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) yang mengikuti program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) di pusat pembelajaran Space Di Universiti Teknologi Malaysia. *Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan*, 19-21
- Rosati, P. (1999). Proceedings of the 29<sup>th</sup> *Frontiers in Education Conference on Specific differences and similarities in the learning preferences of engineering students*, Washington, D. C.
- Rosniah Mustaffa. (2007). Mengadaptasikan gaya pembelajaran pelajar ESL: satu kajian kes pelajar tahun satu di UKM. *Journal of Language Studies*, 7, 1-31.
- Roswati Abdul Rashid, Radhiah Ismail, & Noor Haslina Mohamad Akhir. (2007). Kepelbagaian strategi pembelajaran tulisan asas bahasa Jepun (Hiragana): satu kajian deskriptif. *3L Journal of Language Teaching, Linguistics and Literature*, 13, 173-199.
- Severiens, S. & Ten Dam, G. T. M. (1994). Gender differences in learning styles: a narrative review And quantitative meta-analysis. *Higher Education*, 27, 487-501.
- Shaw, G. & Marlow, N. (1999). The role of student learning styles, gender, attitudes and information and communication technology assisted learning. *Computers & Education*, 33, 223-234.
- Soon, M. C. (2004). *Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik: tinjauan dikalangan pelajar-pelajar Fizik Pendidikan dan Fizik Industri Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor*. Tesis Sarjana. UTM, Johor.
- Sulaiman Basri. (2005). *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal, Tesis)*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Syed Jamal Abdul Nasir Syed mohamad. (2006). *Learning style among multi-ethnics students in four selected tertiary institutions in the Klang Valley*. Tesis Sarjana. UPM, Serdang.
- Wallace, W. & Oxford, R. (1992). *Disparity in learning styles and teaching styles in ESL classroom: does this mean war?* AMTESOL, 1, 45-68.
- Yahya Othman. (2005). *Trend Dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.

- Yildirim, O., Acar, A. C., Bull, S. & Sevinc, L. (2008). Relationships between teachers' perceived leadership style, students' learning style, and academic achievement: a study on high school students. *Educational Psychology*, 28, 73–81.
- Zubaidah Begam Mohamed Zakaria. (2007). *Hubungan gayapembelajaran dengan pencapaian akademik: tinjauan dikalangan pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan tahun pertama*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Zulkifli Ismail, Sharifah Mazlina, Mazlin Syed Ali & Mazlan Mohd Yusof. (1995). *Menjadi Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Zwanenberg, N. V., Wilkinson, L. J. & Anderson, A. (2000). 'Felder and Silverman's Index of Learning Styles and Honey and Mumford's learning styles questionnaire: how do they compare and do they predict academic performance?' *Educational Psychology* 20, 365-380.

**LAMPIRAN A**

**BORANG SOAL SELIDIK *INDEX OF LEARNING STYLE***



Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

### Borang Soal Selidik

Assalamu'alaikum waramatullah,

Kepada para pelajar bahasa Jerman yang dihormati,

Saya sedang menjalankan kajian tentang gaya pembelajaran pelajar Diploma dalam mempelajari bahasa Jerman di Institut Jerman-Malaysia (GMI).

Soal selidik ini bukan satu ujian dan tidak ada jawapan yang betul atau salah. Sila berikan jawapan anda seikhlas mungkin. Semua maklumat yang anda berikan adalah dirahsiakan dan akan digunakan semata-mata untuk melaksanakan kajian ini.

Kerjasama anda adalah penting dan sangat berharga untuk membantu dalam kajian ini. Saya ucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang anda berikan.

Sekian.

Salam hormat dari saya,

Rowinah Binti Jakiwa (TGA060003)

Sarjana Pengajian Bahasa Moden

Fakulti Bahasa dan Linguistik

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

## BAHAGIAN A

### BUTIR-BUTIR PERIBADI

Sila tandakan (✓) dalam ruangan jawapan anda.

1. Jantina:	Lelaki	<input type="checkbox"/>	Perempuan	<input type="checkbox"/>
2. Umur:	19	<input type="checkbox"/>	23	<input type="checkbox"/>
	20	<input type="checkbox"/>	24	<input type="checkbox"/>
	21	<input type="checkbox"/>	25	<input type="checkbox"/>
	22	<input type="checkbox"/>		
3. Kursus Pengajian:	CPT	<input type="checkbox"/>	MECHA	<input type="checkbox"/>
	NWS	<input type="checkbox"/>	PIC	<input type="checkbox"/>
	DIE	<input type="checkbox"/>	EIT	<input type="checkbox"/>
	MOULD	<input type="checkbox"/>	PDM	<input type="checkbox"/>
4. Tahun Pengajian:	1	<input type="checkbox"/>		
	2	<input type="checkbox"/>		
	3	<input type="checkbox"/>		
	4	<input type="checkbox"/>		
5. Gred Bahasa Jerman Tahap 1:	A	<input type="checkbox"/>	C	<input type="checkbox"/>
	A-	<input type="checkbox"/>	C-	<input type="checkbox"/>
	B+	<input type="checkbox"/>	D	<input type="checkbox"/>
	B	<input type="checkbox"/>	D-	<input type="checkbox"/>
	B-	<input type="checkbox"/>	E	<input type="checkbox"/>
	C+	<input type="checkbox"/>	F	<input type="checkbox"/>

## BAHAGIAN B

**Pilih jawapan yang sesuai dan tandakan (✓) pada kertas jawapan yang disediakan. Pilih hanya satu jawapan bagi setiap item sama ada “a” atau “b”. Sekiranya kedua-dua jawapan “a” dan “b” bersesuaian dengan pilihan anda, pilih jawapan yang paling kerap kesesuaiannya dengan anda.**

1. Saya lebih memahami sesuatu selepas saya a) mencubanya. b) memikirkannya.
2. Saya lebih tepat dikenali sebagai a) realistik (real dan praktikal). b) inovatif (memperkenalkan sesuatu cara atau idea yang baru).
3. Apabila saya fikir apa yang telah saya lakukan semalam, saya akan memikirkannya menerusi a) gambaran. b) perkataan.
4. Saya lebih cenderung a) memahami perincian sesuatu subjek tetapi agak kabur terhadap keseluruhan struktur subjek tersebut. b) memahami keseluruhan struktur tetapi agak kabur terhadap perinciannya.
5. Apabila saya mempelajari sesuatu yang baru, ia membantu saya untuk a) bertutur terhadapnya. b) berfikir terhadapnya.
6. Jika saya adalah seorang guru, profesion ini membantu saya a) berkenaan dengan fakta-fakta dan situasi-situasi kehidupan sebenar. b) berkenaan dengan idea-idea dan teori-teori.
7. Saya lebih suka memperolehi maklumat baru yang berbentuk dalam a) gambar, gambarajah, graf dan peta. b) arahan-arahan yang tersurat atau maklumat secara verbal.
8. Sekali saya memahami a) semua bahagian, saya memahami keseluruhan bahagian tersebut. b) keseluruhannya, saya melihat kesepadanan di antara bahagian-bahagian tersebut.



<p>9. Dalam suatu kumpulan pelajaran yang sedang menyelesaikan sesuatu masalah yang susah, saya lebih suka untuk</p> <p>a) duduk bersama-sama dan menyumbangkan idea-idea.</p> <p>b) duduk di belakang dan dengar.</p>
<p>10. Saya mendapati adalah lebih mudah untuk</p> <p>a) mempelajari fakta-fakta.</p> <p>b) mempelajari konsep-konsep.</p>
<p>11. Dalam sebuah buku yang mengandungi banyak gambar dan carta, saya lebih suka untuk</p> <p>a) memerhatikan gambar-gambar dan carta-carta dengan teliti.</p> <p>b) fokus kepada tulisan berbentuk teks.</p>
<p>12. Apabila saya menyelesaikan masalah matematik,</p> <p>a) saya sering menyelesaikannya dengan satu langkah dalam satu masa.</p> <p>b) saya sering dapat meramalkan langkah penyelesaiannya tetapi selepas itu saya perlu bergelut untuk mencari jawapan.</p>
<p>13. Dalam kelas yang telah saya hadir,</p> <p>a) saya selalu dapat mengenali ramai pelajar.</p> <p>b) saya jarang dapat mengenali ramai pelajar.</p>
<p>14. Dalam pembacaan yang bukan merupakan bacaan fiksyen, saya lebih suka</p> <p>a) sesuatu yang mengajar saya fakta-fakta yang baru atau memberitahu saya bagaimana melaksanakan sesuatu.</p> <p>b) sesuatu yang dapat memberitahu idea-idea baru kepada saya untuk memikirkannya.</p>
<p>15. Saya suka guru-guru</p> <p>a) yang meletakkan banyak gambarajah dalam papan kenyataan.</p> <p>b) yang menggunakan banyak masa dalam membuat penerangan.</p>
<p>16. Apabila saya menganalisis sesuatu cerita atau novel,</p> <p>a) Saya akan memikirkan peristiwa-peristiwa tersebut dan cuba menggabungkan mereka untuk membentuk temanya.</p> <p>b) saya hanya mengetahui tema-tema tersebut apabila saya habis membaca dan kemudian saya perlu membaca semula untuk mencari peristiwa-peristiwa yang membuktikannya.</p>
<p>17. Apabila saya mula membuat kerja rumah (homework problem), saya lebih suka untuk</p> <p>a) mula membuat penyelesaiannya dengan segera.</p> <p>b) cuba mula memahami masalah dengan sepenuhnya.</p>

<p>18. Saya lebih suka idea yang bersifat</p> <p>a) pasti.</p> <p>b) teori.</p>
<p>19. Saya lebih mengingat</p> <p>a) apa yang dilihat.</p> <p>b) apa yang didengar.</p>
<p>20. Bagi saya adalah lebih penting seseorang pengajar</p> <p>a) meletakkan rancangan bahan pengajaran secara berurutan dengan jelas.</p> <p>b) memberi suatu gambaran keseluruhan dan mengaitkan bahan-bahan tersebut dengan subjek-subjek lain.</p>
<p>21. Saya lebih suka belajar</p> <p>a) secara kumpulan.</p> <p>b) secara bersendirian.</p>
<p>22. Saya lebih sesuai dikenali sebagai orang yang</p> <p>a) teliti terhadap perincian kerja saya.</p> <p>b) kreatif terhadap bagaimana saya melakukan kerja tersebut.</p>
<p>23. Apabila saya mendapat petunjuk ke sesuatu tempat yang baru, saya lebih suka petunjuk yang berbentuk</p> <p>a) peta.</p> <p>b) tulisan dalam teks.</p>
<p>24. Saya belajar</p> <p>a) dengan kadar kemajuan biasa yang agak munasabah. “Jika saya belajar dengan bersungguh-sungguh, saya dapat memahami apa yang dipelajari.”</p> <p>b) dalam peringkat permulaan dan peringkat bersepadan. “Saya akan berasa keliru sama sekali dan kemudian tiba-tiba saya dapat memahaminya.”</p>
<p>25. Saya lebih suka</p> <p>a) mencubai sesuatu pada peringkat awal.</p> <p>b) memikirkan bagaimana saya akan melakukannya pada peringkat awal.</p>
<p>26. Apabila saya sedang menikmati pembacaan, saya suka penulis yang</p> <p>a) menyatakan secara jelas apa yang dimaksudkannya.</p> <p>b) menyatakan sesuatu secara kreatif dengan cara yang menarik.</p>
<p>27. Apabila saya melihat sesuatu gambarajah atau lakaran dalam kelas, saya lebih cenderung untuk mengingat</p> <p>a) gambarajah tersebut.</p> <p>b) apa yang dikatakan oleh pengajar.</p>

<p>28. Dalam mempertimbangkan maklumat mengenai sesuatu bidang, saya lebih cenderung untuk</p> <p>a) fokus dalam perincian dan terabai dalam gambaran keseluruhannya.</p> <p>b) cuba memahami gambaran keseluruhannya sebelum memahami perincian.</p>
<p>29. Saya lebih mengingati</p> <p>a) sesuatu yang telah saya lakukan.</p> <p>b) sesuatu yang telah saya banyak fikirkan.</p>
<p>30. Apabila saya perlu melaksanakan sesuatu tugas, saya lebih suka untuk</p> <p>a) menguasai satu cara pelaksanaan.</p> <p>b) mempunyai banyak cara pelaksanaan yang baru.</p>
<p>31. Apabila seseorang menunjukkan suatu data kepada saya, saya lebih suka data yang berbentuk</p> <p>a) carta-carta atau graf-graf.</p> <p>b) teks yang merumuskan keputusan data tersebut.</p>
<p>32. Apabila menulis di atas kertas, saya lebih suka</p> <p>a) memikir atau menulis pada permulaan kertas tersebut dan seterusnya.</p> <p>b) memikir atau menulis pada bahagian-bahagian yang berbeza dalam kertas tersebut lalu menyusunnya semula.</p>
<p>33. Apabila saya perlu membuat projek secara berkumpulan, pada awalnya saya akan</p> <p>a) mengadakan percambahan fikiran berkumpulan (group brainstorming) di mana setiap orang akan menyumbangkan idea-idea.</p> <p>b) Mengadakan percambahan fikiran secara individu (brainstorm individually) dan kemudian berkumpul dalam kumpulan untuk menyumbangkan idea-idea.</p>
<p>34. Saya berpendapat bahawa adalah merupakan pujian yang tinggi untuk memanggil seseorang itu</p> <p>a) berakal.</p> <p>b) berimajinatif.</p>
<p>35. Apabila saya berjumpa dengan orang dalam sesuatu majlis atau jamuan, saya lebih cenderung untuk mengingati</p> <p>a) bagaimana rupa mereka.</p> <p>b) bagaimana mereka mengatakan tentang mereka sendiri.</p>
<p>36. Apabila saya sedang belajar sesuatu subjek yang baru, saya lebih suka</p> <p>a) mengekalkan fokus saya terhadap subjek tersebut dan belajar seberapa banyak yang boleh.</p> <p>b) cuba untuk membuat perhubungan antara subjek tersebut dengan subjek yang lain.</p>

<p>37. Saya lebih sesuai dikenali sebagai seorang yang</p> <p>a) suka bercampur gaul.</p> <p>b) tidak ramah.</p>
<p>38. Saya lebih suka kursus yang menekankan</p> <p>a) bahan-bahan yang konkrit (fakta-fakta, data-data).</p> <p>b) bahan-bahan yang abstrak (konsep-konsep, teori-teori).</p>
<p>39. Bagi menghiburkan diri, saya lebih suka</p> <p>a) menonton televisyen.</p> <p>b) membaca buku.</p>
<p>40. Sesetengah guru memulakan kuliah mereka dengan garis kasar (outlines) pengajaran yang akan mereka rangkumi. Garis kasar (outlines) tersebut adalah</p> <p>a) agak bermanfaat bagi saya.</p> <p>b) sangat bermanfaat bagi saya.</p>
<p>41. Idea-idea tentang kerja rumah secara kumpulan dengan diberikan satu gred untuk semua ahli dalam kumpulan</p> <p>a) menarik bagi saya.</p> <p>b) tidak menarik bagi saya.</p>
<p>42. Apabila saya membuat pengiraan yang panjang,</p> <p>a) saya lebih cenderung untuk mengulang semua langkah kerja saya dan menyemak kerja saya dengan teliti.</p> <p>b) saya mendapati penyemakan kerja saya adalah menjemukan dan saya perlu memaksa diri saya untuk melakukan penyemakan tersebut.</p>
<p>43. Saya lebih cenderung untuk menggambarkan sesuatu tempat yang pernah saya kunjungi dengan</p> <p>a) mudah dan agak tepat.</p> <p>b) susah dan tidak berapa terperinci.</p>
<p>44. Apabila menyelesaikan masalah secara berkumpulan, saya lebih cenderung untuk</p> <p>a) memikirkan langkah-langkah penyelesaian dalam proses penyelesaian.</p> <p>b) memikirkan akibat atau aplikasi yang mungkin secara menyeluruh dalam penyelesaian.</p>

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

## KERTAS JAWAPAN SOAL SELIDIK *INDEX OF LEARNING STYLE (ILS)*

Nama : \_\_\_\_\_

Kursus : \_\_\_\_\_

ACT/REF			SEN/INT			VIS/VRB			SEQ/GLO		
Q	a	b	Q	a	b	Q	a	b	Q	a	b
1			2			3			4		
5			6			7			8		
9			10			11			12		
13			14			15			16		
17			18			19			20		
21			22			23			24		
25			26			27			28		
29			30			31			32		
33			34			35			36		
37			38			39			40		
41			42			43			44		

\* Jumlah (campurkan jumlah bilangan “a” atau “b” dalam setiap petak) dan tuliskan dikotak di bawah ini

ACT/REF			SEN/INT			VIS/VRB			SEQ/GLO		
	a	b		a	b		a	b		a	b
<b>Jumlah</b> (√)			<b>Jumlah</b> (√)			<b>Jumlah</b> (√)			<b>Jumlah</b> (√)		

\*\* (nombor besar – nombor kecil) + huruf yang mempunyai nilai yang lebih besar

ACT/REF		SEN/INT		VIS/VRB		SEQ/GLO	
NOMBOR	HURUF	NOMBOR	HURUF	NOMBOR	HURUF	NOMBOR	HURUF

### NOTA

\* Jumlah (tambahkan jumlah bilangan “a” atau “b” dalam setiap petak

\*\* (besar – kecil) + huruf yang mengandungi nilai yang lebih besar